# TINJAUAN PKS
2019/20
# SME INSIGHTS



## PKS dalam
# Normal Baharu:
## Membangun Semula Ekonomi

*SMEs in the New Normal: Rebuilding the Economy*

Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)
National Entrepreneur and SME Development Council (NESDC)

**Penafian:**

Dalam menghasilkan semula atau memetik kandungan, pemakluman sumber adalah diperlukan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
**Sekretariat kepada Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)**
d/a SME Corporation Malaysia

atau layari **http://www.smecorp.gov.my**

**ISSN 1823-8734**

Harga: **RM50.00**

# KANDUNGAN


02 **Perutusan YAB Perdana Menteri**

07 **BAB 1**
**Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PKS**
- Artikel Khas: Program Pembangunan PKS pada Tahun 2019 dan 2020
- Artikel Khas: Pelaksanaan Status PKS

25 **BAB 2**
**Agenda PKS di Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan**
- Artikel Khas: *SMEs Go Global*
- Artikel Khas: Platform Global bagi Menyokong Pengantarabangsaan PKS

41 **BAB 3**
**Ekosistem Pembiayaan untuk PKS**
- Artikel Khas: imSME - Platform Rujukan Pembiayaan / Pinjaman Pertama Malaysia

61 **BAB 4**
**Teknologi, Inovasi dan Digitalisasi**
- Artikel Khas: *Sandbox* Inovasi dan Teknologi Nasional - Memajukan Malaysia menerusi Teknologi Canggih
- Artikel Khas: PKS dan Penerapan ICT

73 **SOROTAN KHAS**
**COVID-19: Kesan terhadap Perniagaan dan PKS - Perspektif Global, Rantau & Nasional**
- Artikel Khas: Kaji Selidik Kesan Pandemik COVID-19 terhadap PKS
- Artikel Khas: Langkah untuk Mengurangkan Isu PKS terhadap COVID-19 oleh Kerajaan Negeri
- Arah ke Hadapan

113 **KISAH INSPIRASI**

131 **MELANGKAH KE HADAPAN**
**Bertahan dan Berkembang Maju dalam Dunia Pasca COVID-19**

135 **LAMPIRAN**
- Lampiran 1 – Senarai Program Pembangunan PKS dan Keusahawanan Terpilih pada Tahun 2019 & 2020
- Lampiran 2 – Glosari Singkatan
- Lampiran 3 – Definisi PKS

311 **RUJUKAN**

# PERUTUSAN
## YAB Perdana Menteri



Pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) sering menjadi keutamaan bagi Kerajaan memandangkan PKS membentuk 98.5% daripada pertubuhan perniagaan, dan pada tahun 2019 PKS menyumbang sebanyak 38.9% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Pada tahun 2019, PKS menggaji kira-kira 7.3 juta orang, dan menyumbang sebanyak 48.4% kepada guna tenaga negara. Kepentingan kelangsungan PKS di negara ini adalah tidak menentu susulan impak COVID-19 yang tiada tolok bandingnya. Oleh yang demikian, tema Laporan tahun ini adalah bertepatan iaitu 'PKS dalam Normal Baharu: Membangun Semula Ekonomi'. Selayaknya, usaha ini wajar memandangkan pentingnya pemahaman yang jitu dan mendalam mengenai isu, cabaran, pemangkin dan prestasi PKS yang tepat pada masanya bagi membimbing tindakan progresif kita dalam pembangunan PKS serta dalam merangka respon terhadap krisis COVID-19.

Kerajaan menyedari bahawa sektor PKS merupakan salah satu kumpulan paling rentan yang terkesan akibat pandemik COVID-19, dengan 89.9% mengalami penurunan jualan secara mendadak dalam tempoh awal pembendungan. Aliran tunai muncul sebagai cabaran utama dalam tempoh pandemik ini, diikuti oleh penurunan permintaan dan gangguan terhadap rantaian bekalan. Cabaran akibat pandemik COVID-19 yang belum pernah dialami sebelum ini memerlukan azam dan tekad yang utuh dengan menggunakan segala kemampuan yang ada bagi memastikan PKS terus bertahan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memberikan penekanan khusus terhadap keperluan PKS dengan memperkenalkan pelbagai aspek pakej rangsangan ekonomi, iaitu pakej bernilai RM320 bilion yang merangkumi Pakej Ekonomi PRIHATIN Rakyat bernilai RM250 bilion, Pakej PRIHATIN Tambahan untuk PKS bernilai RM10 bilion, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion, pakej Kita Prihatin bernilai RM10 bilion dan pakej bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bernilai RM15 bilion. Inisiatif ekonomi yang diperkenalkan di bawah pakej rangsangan ekonomi ini berperanan dalam menangani isu kritikal berkaitan pandemik yang dihadapi oleh perniagaan, terutamanya PKS dalam aspek pembiayaan, kos menjalankan perniagaan, aliran tunai, pengekalan pekerjaan, pembangunan modal insan, pembangunan infrastruktur serta penerapan teknologi dan digitalisasi.

Krisis ini telah membawa pemerhatian khusus kepada keperluan untuk membangunkan ekosistem yang berdaya tahan, mampan dan inklusif untuk PKS, dengan penerapan teknologi dan digitalisasi menjadi tumpuan utama. Melihat kepada perkara ini, Kerajaan akan meneruskan momentum pemulihan ekonomi yang telah bermula sejak bulan Mei 2020 dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada PKS, termasuk menerusi pakej PENJANA dan Kita Prihatin, yang masih berjalan. Kegigihan Kerajaan dalam mengukuhkan agenda pembangunan PKS di kala krisis terbukti menerusi Belanjawan 2021 yang memperuntukkan sejumlah RM38.7 bilion, iaitu peruntukan yang tertinggi setakat ini bagi memanfaatkan PKS secara eksklusif atau dapat diakses oleh PKS bersama dengan perniagaan yang lain.

Walaupun keberhasilan dalam pemulihan ekonomi negara sebahagian besarnya bergantung kepada kejayaan mengekang pandemik COVID-19, pelaksanaan yang cekap dan tepat pada waktunya menerusi pemantauan yang berkesan terhadap langkah Belanjawan 2021 akan menjadi asas yang kukuh untuk mendorong pemulihan, pertumbuhan dan pelaburan bagi perniagaan di Malaysia. Oleh yang demikian, pemantauan berstruktur menerusi Pelan Tindakan Bersepadu PKS akan terus menjadi kayu pengukur bagi pencapaian dan keberhasilan program pembangunan PKS yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pada tahun 2020, sebanyak 211 program dengan perbelanjaan kewangan sejumlah RM12.99 bilion telah dilaporkan, mencatatkan peningkatan yang ketara daripada RM9.59 bilion yang disalurkan menerusi 175 program pada tahun 2019. Program pada tahun 2020, yang memberi manfaat kepada 656,097 PKS telah dilaksanakan menerusi 17 Kementerian, enam agensi utama dan 59 agensi lain. Program di bawah bidang tumpuan akses kepada pembiayaan terus membentuk sebahagian besar pembiayaan pada tahun 2020, diikuti oleh bidang tumpuan lain yang dianggap penting bagi PKS iaitu pembangunan modal insan; akses pasaran; penerapan teknologi dan inovasi; infrastruktur; serta persekitaran perundangan dan pengawalseliaan.

Kerajaan yakin bahawa PKS yang boleh mengemudi persekitaran perniagaan digital, dipacu oleh perkhidmatan serta mampu membentuk semula model perniagaan mereka untuk memenuhi tuntutan normal baharu, akan memperoleh kelebihan sebagai pemain rantaian bekalan serantau dan global berbanding pesaing perniagaan lain. Walaupun begitu, PKS harus merebut peluang di sepanjang rantaian nilai serta memanfaatkan rangkaian global yang kukuh antara Malaysia dengan rakan dagangannya. Oleh itu, pemeteraian perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership*, RCEP) baru-baru ini menawarkan potensi pasaran yang besar yang kini akan meningkat daripada 32 juta populasi domestik kepada 2.2 bilion populasi serantau, satu peluang yang semestinya tidak boleh dilepaskan oleh PKS.

Seperti kata bidalan 'perubahan adalah satu-satunya pemalar', peluang untuk kembali ke kebiasaan lampau adalah sangat tipis, terutama apabila kebanyakan petunjuk membayangkan kemungkinan bahawa COVID-19 akan diikuti oleh perubahan disruptif lain seperti teknologi baharu, ketegangan perdagangan serta perubahan iklim dan sosial. Namun begitu, krisis COVID-19 secara tidak langsung telah menjadi faktor pendorong kepada penerapan inovasi, digitalisasi dan teknologi. Pelbagai aktiviti dalam e-dagang, pembayaran digital, telekomunikasi, pembelajaran jarak jauh, perkhidmatan kesihatan dalam talian, dan perkhidmatan logistik hujung ke hujung telah menjadi kelaziman dalam ekonomi hari ini, berpunca daripada keperluan mutlak di kala permintaan dan peluang yang semakin meningkat. Aktiviti dalam talian ini

dilengkapi dengan penyedia perkhidmatan logistik berasaskan aplikasi, yang seterusnya mewujudkan generasi usahawan baharu yang akan memainkan peranan penting dalam membentuk ekonomi negara ke hadapan. Sememangnya, perubahan pesat dalam model dan ekosistem perniagaan, sebahagiannya dipercepat oleh COVID-19, menjadi testimoni bahawa setiap cabaran merupakan kesempatan dalam kesamaran, sebagai iktibar dan peluang untuk berkembang.



**TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN**
25 Februari 2021

# BAB 1

# Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PKS



# Bab 1

# Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PKS




Peranan penting perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia tidak dapat dipertikaikan memandangkan PKS merangkumi 98.5% daripada pertubuhan perniagaan dan menyumbang sebanyak 38.9% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2019. Secara keseluruhan, 907,065 pertubuhan perniagaan didefinisikan sebagai PKS dan menyumbang sebanyak 48.4% kepada jumlah guna tenaga negara pada tahun 2019.

Tahun 2020 menyaksikan PKS berusaha sedaya upaya untuk menghadapi cabaran akibat pandemik COVID-19. Kerajaan Malaysia menangani ancaman koronavirus dengan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), yang memerlukan PKS menilai semula dan memikirkan semula cara perniagaan dijalankan, bersesuaian dengan 'normal baharu'.

## MPUPK DAN INISIATIF UTAMA

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ditubuhkan pada tahun 2004 untuk bertindak sebagai pihak berkuasa penggubal dasar tertinggi bagi memacu agenda pembangunan PKS kebangsaan merentas semua sektor ekonomi. Namun begitu, dengan peningkatan penekanan terhadap pembangunan usahawan juga, MPPK secara rasmi dijenamakan semula sebagai Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) pada April 2019.

Sejak penubuhannya 16 tahun yang lalu, MPUPK telah mencapai kemajuan yang ketara dalam memacu agenda pembangunan PKS menerusi penerapan pendekatan yang komprehensif dan diselaraskan dalam melaksanakan inisiatif dan program yang

berpusat kepada PKS. Salah satu hasil yang paling ketara adalah peningkatan sumbangan PKS kepada KDNK, yang meningkat daripada RM206 bilion pada tahun 2004 kepada RM552.3 bilion pada tahun 2019. Antara pencapaian MPUPK adalah penerapan definisi standard untuk PKS, pembangunan pangkalan data PKS, pemantauan dan analisis prestasi PKS bagi memudahkan penggubalan dasar, memperkemas penyebaran maklumat mengenai PKS, pembangunan infrastruktur kewangan PKS, dan penggubalan Pelan Induk PKS (2012 - 2020).

Pelan Induk – yang dilancarkan pada bulan Julai 2012 – menyasarkan untuk memacu prestasi PKS ke tahap seterusnya menjelang tahun 2020 dengan meningkatkan sumbangan PKS sebanyak 41.0% kepada KDNK; 23.0% kepada jumlah dagangan eksport Malaysia; dan 65.0% kepada jumlah guna tenaga. Sasaran makro kebangsaan jangka panjang di bawah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) menyasarkan untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK sebanyak 50.0%, mewujudkan pekerjaan sebanyak 80.0% dan sumbangan kepada nilai eksport sebanyak 30.0% pada tahun 2030.

## HASIL DAN SOROTAN PELAN INDUK PKS (2012 - 2020)

Pelan Induk PKS merupakan komponen utama bagi agenda Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pelan Induk menetapkan haluan bagi pembangunan PKS dan mencipta rangka kerja pembangunan PKS yang merangkumi empat matlamat strategik, enam bidang tumpuan dan 32 inisiatif di bawah Pelan Tindakan, termasuk enam Program Berimpak Tinggi (*High Impact Programme*, HIP) serta sokongan institusi untuk memacu rancangan ini. SME Corp. Malaysia, sebagai agensi penyelaras pusat yang bertindak untuk menyelaras dan memacu Pelan Induk PKS menumpukan kepentingan kejayaan bagi pelaksanaan enam Program Berimpak Tinggi.

### HIP 1 Integrasi Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan

HIP 1 merupakan projek antara agensi yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan kerjasama SME Corp. Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Kerajaan Negeri. HIP 1 menggalakkan pembentukan perniagaan baharu serta meningkatkan pemformalan perniagaan dengan menyediakan satu gerbang maklumat untuk pendaftaran dan pelesenan perniagaan. Program ini mempunyai tiga penyampaian; pembangunan gerbang pendaftaran dan pelesenan perniagaan; integrasi sistem pendaftaran dan pelesenan perniagaan; serta pelaksanaan program di Sabah dan Sarawak.

Penyampaian I yang memberi penekanan kepada pembangunan satu gerbang untuk pendaftaran dan pelesenan perniagaan telah dicapai menerusi pembentukan portal MalaysiaBiz (https://malaysiabiz.gov.my/ms) yang dibangunkan dengan jayanya di bawah HIP 1. Maklumat yang terdapat di portal adalah mengenai 2,919 lesen - merangkumi 1,174 aktiviti perniagaan berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (*Malaysian Standard Industrial Classification*, MSIC) 2008 - daripada 508 pihak berkuasa pelesenan

persekutuan, negeri dan tempatan. Sebanyak 1,163 Rakan Informasi Lesen juga telah dilantik untuk memastikan bahawa maklumat di portal ini adalah terkini dan sah. Setakat bulan Disember 2020, sistem ini telah 100% berintegrasi, dengan sejumlah 17 agensi diintegrasikan dalam portal ini.

Jangka masa untuk Penyampaian II – Integrasi Sistem Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan (2017 - 2020) merangkumi dua fasa, dengan Fasa I dilaksanakan pada 2018 - 2019 dan Fasa II pada 2019 - 2020. Penyampaian III yang memerlukan pelaksanaan HIP 1 di Sabah dan Sarawak telah selesai dengan pelancaran Portal MalaysiaBiz di Sabah pada bulan Julai 2017 dan di Sarawak pada bulan Ogos 2017. Portal MalaysiaBiz dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin pada 7 Disember 2020.

## HIP 2 Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP)

Platform Pengkomersialan Teknologi (*Technology Commercialisation Platform*, TCP) di bawah HIP 2 direka untuk mencari dan menyokong inovasi dengan memudahkan proses pengkomersialan dengan lancar daripada pembentukan idea sehingga ke penggunaan produk atau perkhidmatan. TCP, yang dibangunkan oleh PlaTCOM Ventures Sdn Bhd, iaitu anak syarikat milik penuh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah dilancarkan pada Mei 2014.

Bantuan kewangan dalam bentuk geran sehingga maksimum RM1.2 juta – dengan had untuk setiap komponen sehingga RM600,000 – disediakan kepada semua peserta HIP 2 berdasarkan pembayaran balik sehingga 20% pendahuluan. Komponen pemudahan terdiri daripada pembuktian konsep dan pembangunan prototaip, sokongan pelesenan, perundingan dalam bentuk bantuan teknikal, pengujian dan pengesahan, sokongan pengawalseliaan dalam memperoleh pensijilan, penyediaan penyelidikan pasaran bagi sektor yang spesifik, penghasilan produk, dan perkhidmatan inkubasi. Tempoh penyiapan program ini adalah selama 18 bulan.

Setakat ini, 200 projek telah diluluskan untuk mendapatkan bantuan bersepadu daripada pembuktian konsep sehingga ke tahap pengkomersialan, 220 perjanjian pelesenan telah ditandatangani, dan 85 inovasi telah dikomersialkan, serta penjualan sejumlah RM121 juta dihasilkan setakat bulan Disember 2020.

## HIP 3 Rakan Kongsi Pelaburan PKS (SIP)

Program Rakan Kongsi Pelaburan PKS (*SME Investment Partner*, SIP) direka untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan menerusi penyediaan pembiayaan hibrid dengan toleransi yang lebih tinggi terhadap risiko yang berkaitan dengan perniagaan di

peringkat permulaan. Program ini unik berikutan inisiatif pembiayaan bersama antara sektor awam-swasta yang memenuhi PKS di peringkat permulaan (PKS yang beroperasi di antara tiga hingga lima tahun); menyediakan pembiayaan yang fleksibel dalam bentuk ekuiti, hutang atau hibrid hutang dan ekuiti; serta merangkumi PKS dalam semua sektor termasuk perniagaan tradisional borong dan runcit.

Enam Rakan Kongsi Pelaburan PKS telah dilantik di bawah program SIP dengan mandat untuk mengumpul dana daripada sektor swasta bagi melabur bersama-sama dengan dana Kerajaan yang telah diperuntukkan. Rakan Kongsi Pelaburan menghadapi pelbagai cabaran semasa mengumpulkan dana dalam keadaan pasaran yang tidak menentu. Walaupun terdapat rekod prestasi yang terpuji, setakat 31 Disember 2020, hanya satu pelaburan yang berjaya mengumpulkan pendanaan sektor swasta sebanyak RM8.5 juta untuk dipadankan dengan RM17 juta dana Kerajaan.

Sepuluh rakan kongsi penyampai telah dilantik untuk menjalankan Fasa 1 dengan 40 jam latihan dan Fasa 2 dengan 12 jam bimbingan dan pementoran. Sehingga 19 Oktober 2020, 343 PKS telah mendaftar untuk mengambil bahagian. Projek ini dijadualkan selesai pada 31 Disember 2020.

Program Akses kepada Pembangunan Kapasiti Pembiayaan (*Access to Financing Capacity Building*, AFCB) di bawah HIP 3 menyasarkan untuk membantu PKS dalam meningkatkan tahap kesediaan pembiayaan bagi membolehkan mereka mendapatkan prospek pembiayaan atau pelaburan setelah program ini selesai.

## HIP 4 Program *SMEs Go Global*

Program *SMEs Go Global* direka untuk memberi dorongan pengantarabangsaan kepada PKS domestik, terutamanya yang berada dalam industri pertumbuhan tinggi. Program ini – yang dahulunya dikenali sebagai program *Going Export* (GoEx) dan diterajui oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) – telah dijenamakan semula pada Januari 2020 dan kini diterajui oleh SME Corp. Malaysia.

Peserta HIP 4 terdiri daripada syarikat pengeksport sedia ada dan PKS yang bersedia untuk mengeksport dan dianggap berpotensi bagi pengantarabangsaan. Peserta program mendapat bantuan kewangan dalam bentuk geran untuk menyokong aktiviti pengantarabangsaan mereka.

Setakat Disember 2020, sebanyak 321 PKS telah diterima untuk menyertai HIP 4, dengan 179 PKS telah mengikuti program serapan pasaran. Sejumlah RM770.9 juta potensi jualan eksport telah dihasilkan sepanjang program ini.

## HIP 5 Program Pemangkin

Program Pemangkin, satu komponen daripada Pelan Induk PKS (2012 - 2020) menyasarkan untuk membangunkan PKS pertumbuhan tinggi dalam sektor strategik seperti peranti perubatan, bioteknologi, aeroangkasa, rel serta minyak dan gas, seiring dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030). Dua matlamat strategik HIP 5 adalah untuk meningkatkan jumlah PKS pertumbuhan tinggi dan PKS berinovatif dalam mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, dan juga untuk meningkatkan produktiviti PKS.

Sejak penubuhan HIP 5 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, 134 PKS telah memperolehi manfaat daripada program ini, dengan majoriti syarikat yang menyertai telah menunjukkan pertumbuhan dari segi nilai jualan serta pengembangan pasaran global. Pencapaian ini digambarkan oleh kenyataan yang menunjukkan bahawa tujuh daripada sepuluh PKS yang telah menyertai Inisiatif BioNext – sebahagian daripada program HIP 5 – telah mencatatkan purata pertumbuhan jualan lebih daripada 20% dari tahun 2016 sehingga 2018. Daripada 30 PKS yang menyertai Inisiatif Pembuatan Aeroangkasa di bawah program ini, 27 PKS telah memperolehi pensijilan AS9100 yang membolehkan mereka menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan global untuk pembuatan komponen aeroangkasa. Ini telah menghasilkan peningkatan dalam pendapatan jualan sebanyak 49%, daripada RM18.1 juta pada tahun 2017 kepada RM26.9 juta pada tahun 2019.

## HIP 6 Inovasi Inklusif

Inovasi inklusif telah didefinisikan sebagai ‘sebarang inovasi yang membawa kepada akses barangan dan perkhidmatan berkualiti yang berpatutan dalam mewujudkan peluang mata pencarian untuk penduduk yang dikecualikan, terutamanya mereka yang berada di dasar piramid, dengan dasar kelestarian jangka panjang disertai capaian yang signifikan’.

HIP 6 mempromosikan kerjasama awam-swasta dalam memacu perubahan untuk manfaat kumpulan 40% terendah daripada piramid pendapatan (B40). Program ini disesuaikan untuk memperkasa kumpulan B40 dengan memanfaatkan inovasi sebagai pemudahcara bagi mentransformasi komuniti – termasuk perusahaan mikro di luar bandar – menerusi pegangan serta sokongan teknikal dan pengurusan bagi inovasi berdaya maju yang dikenal pasti. Pengenalpastian inovasi yang berdaya maju adalah berdasarkan lima ciri utama; berpatutan, mampan, berskala, berkualiti tinggi dan boleh digunakan dengan pantas.

Program ini dimulakan oleh SME Corp. Malaysia dan diterajui oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sehingga Disember 2020, sejumlah 2,376 inovasi telah diterima, dengan

756 telah disenarai pendek dan akhirnya sebanyak 114 diterima dalam program ini. Sehingga kini, 60 inovasi telah sedia untuk digunakan bagi memanfaatkan 37,451 individu dalam 51 komuniti. Sejumlah RM17.3 juta telah disalurkan sejak tahun 2015. Menggunakan dana sedia ada, insentif khas juga telah diperkenalkan untuk inovasi dengan ciri nilai ditambah yang dapat dimanfaatkan dalam memerangi virus COVID-19.

Pertandingan inovasi juga akan diadakan dengan kerjasama Kerajaan negeri Terengganu untuk menemukan inovasi baharu yang dapat membantu komuniti kecil penarik beca yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

## PEMBANGUNAN PKS DALAM BELANJAWAN 2021

Kerajaan telah membentangkan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020. Belanjawan dengan peruntukan sebanyak RM322.5 bilion (tidak termasuk RM2 bilion untuk kontingensi) adalah kira-kira 2.5% lebih tinggi daripada Belanjawan 2020 (RM314.7 bilion), yang terbesar dalam sejarah negara. Sejumlah RM236.5 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus, RM69 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dan RM17 bilion untuk Dana COVID.

Belanjawan 2021 bertujuan untuk memacu tiga matlamat utama – memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi. Ketiga-tiga matlamat ini adalah lanjutan daripada pakej rangsangan PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA dan Kita Prihatin yang telah diperkenalkan sebelum ini. Kesemua pakej rangsangan ini dirumus untuk membantu kumpulan rentan, memastikan kelangsungan perniagaan, mewujudkan pekerjaan yang berkualiti dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan bagi membuka laluan ke arah pemulihan ekonomi pada tahun 2021.

Di bawah Belanjawan negara tahunan, RM38.7 bilion telah diperuntukkan untuk memberi manfaat kepada PKS secara eksklusif atau dapat diakses dengan perniagaan lain. Inisiatif utama merangkumi akses kepada pembiayaan; pembangunan PKS Bumiputera; pembangunan modal insan; meningkatkan digitalisasi, teknologi dan inovasi; pembangunan perusahaan mikro; akses pasaran; pembangunan usahawan wanita; dan langkah-langkah cukai lain.



Belanjawan 2021 bertujuan untuk memacu tiga matlamat utama – memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.

**Akses kepada Pembiayaan**

Peruntukan sebanyak RM22.5 bilion diberikan untuk akses kepada program pembiayaan menerusi kemudahan berikut:

- RM10 bilion untuk kemudahan jaminan menerusi Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP);
- RM3.7 bilion untuk Skim Pembangunan Maritim dan Logistik, Skim Pembiayaan Pembangunan Mampan, Skim Infrastruktur Pelancongan, dan Dana Pengangkutan Awam yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023;
- RM3 bilion menerusi Skim Jaminan Prihatin Danajamin - yang dilanjutkan sehingga tahun 2021 dengan terma dan syarat yang ditambah baik - bagi syarikat korporat yang terlibat dalam industri berkemahiran tinggi seperti minyak dan gas;
- RM2 bilion untuk Skim Pembiayaan Teknologi Hijau 3.0 bagi menggalakkan terbitan sukuk SRI (*sustainable and responsible investment*) yang akan dijamin oleh Danajamin;
- RM2 bilion di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar bagi membantu PKS yang terkesan menerusi pinjaman daripada institusi perbankan;
- RM1.4 bilion menerusi Bank Pembangunan untuk Skim Pembangunan Nasional bagi menyokong pelaksanaan dan pembangunan rantaian bekalan domestik serta meningkatkan pengeluaran produk tempatan seperti peralatan perubatan;
- RM300 juta menerusi EXIM Bank untuk Platform Pembayaran Rantaian Bekalan Nasional (JanaNiaga) bagi membantu PKS yang berurusan dalam pembekalan kepada Kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan (*Government-linked companies*, GLCs) yang menghadapi masalah aliran tunai;
- RM80 juta untuk pembiayaan alternatif, merangkumi RM30 juta sebagai geran padanan untuk pelaburan dalam platform pendanaan ekuiti ramai (*equity crowdfunding*, ECF) dan RM50 juta untuk pembiayaan antara rakan setara (*peer-to-peer*, P2P). Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% daripada jumlah pelaburan - had jumlah RM50,000 - ditawarkan sebagai insentif kepada lebih ramai pelabur individu untuk mengambil bahagian dalam platform ECF; dan
- RM30 juta dalam bentuk geran padanan bagi menggalakkan industri minyak sawit untuk melabur dalam mekanisasi dan automasi bagi meningkatkan pertumbuhan dan daya saing.

**Pembangunan PKS Bumiputera**

Peruntukan sebanyak RM7.69 bilion disediakan untuk membiayai program pembangunan PKS Bumiputera seperti berikut:

- RM2.3 bilion untuk membantu kontraktor Kelas G1 hingga G4 bagi menjalankan projek kecil dan sederhana;
- RM2 bilion menerusi SJPP sebagai kemudahan jaminan untuk membiayai PKS Bumiputera;
- RM1.3 bilion untuk pelbagai program peningkatan kapasiti, termasuk pembangunan profesional dan Dana Kemakmuran Bumiputera serta program atau projek spesifik lain untuk Bumiputera;
- RM800 juta menerusi Bank Pembangunan Malaysia dan SME Bank untuk program peningkatan kapasiti;
- RM510 juta menerusi TEKUN dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) untuk membiayai PKS Bumiputera dan perusahaan mikro;

- RM300 juta menerusi SME Bank untuk kemudahan pembiayaan Skim Lestari Bumi;
- RM230 juta menerusi PUNB sebagai pembiayaan kepada PKS bagi perbelanjaan modal kerja, peningkatan sistem automasi dan peralatan serta perbelanjaan yang berkaitan dengan pelaksanaan pematuhan prosedur operasi standard (*standard operating procedure*, SOP) COVID-19; dan
- RM50 juta menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres.

**Pembangunan Modal Insan**

Peruntukan sebanyak RM3.87 bilion disediakan untuk pembangunan modal insan seperti berikut:

- RM2 bilion diperuntukkan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk peningkatan PenjanaKerjaya seperti berikut:
  - Enam-bulan insentif sebanyak 40% daripada gaji bulanan untuk pekerja dengan gaji antara RM1,500 hingga RM4,000 sebulan
  - Insentif tambahan enam-bulan sebanyak 40% ditambah dengan 20% daripada gaji bulanan untuk pengambilan pekerja kelainan upaya, penganggur, ibu tunggal dan pekerja yang diberhentikan
  - Enam-bulan insentif khas sebanyak 60% daripada gaji bulanan, dengan 40% disalurkan terus kepada majikan dan 20% kepada pekerja tempatan yang menggantikan pekerja asing untuk sektor yang berkaitan
  - Kenaikan daripada RM4,000 kepada RM7,000 dalam kadar maksimum yang boleh dituntut oleh majikan untuk program kemahiran tinggi atau sijil profesional
- RM1.5 bilion untuk lanjutan selama tiga bulan Program Subsidi Upah, terutamanya untuk sektor pelancongan dan peruncitan, dengan kadar RM600 sebulan bagi pekerja yang berpendapatan RM4,000 sebulan. Had 200 pekerja bagi setiap permohonan telah dinaikkan kepada 500 pekerja;
- RM100 juta kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) untuk menjalankan latihan dengan kerjasama majikan daripada sektor swasta;
- RM100 juta di bawah Iskandar Regional Development Authority (IRDA) dan Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) untuk menyediakan latihan kemahiran baharu kepada pekerja yang terjejas akibat penutupan sempadan bagi pelancong asing;
- RM100 juta diperuntukkan kepada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (Malaysia Digital Economy Corporation, MDEC) bagi memudahkan peralihan tenaga kerja sedia ada untuk memenuhi keperluan industri teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology*, ICT) yang semakin meningkat;
- RM50 juta untuk inisiatif penjanaan pendapatan dan promosi pekerjaan bagi golongan rentan;
- RM20 juta untuk Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (Malaysian Global Innovation and Creativity Centre, MaGIC) untuk menjalankan program pembangunan perusahaan sosial;
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada 500 individu dalam komuniti tempatan dan Orang Asli sebagai pemandu pelancong; dan
- Pengecualian levi PSMB selama enam bulan - bermula 1 Januari 2021 - untuk sektor pelancongan dan syarikat yang terjejas akibat COVID-19.

**Peningkatan Digitalisasi, Teknologi dan Inovasi**

Peruntukan sebanyak RM2.65 bilion disediakan untuk perkara berikut:

- RM1 bilion pakej insentif khas untuk teknologi nilai ditambah yang tinggi, terutamanya untuk menyokong pelaburan penyelidikan & pembangunan (*research & development*, R&D) bagi kluster aeroangkasa dan elektronik, terutamanya di Batu Kawan, Pulau Pinang dan Kulim, Kedah;
- RM1 bilion menerusi Bank Pembangunan untuk Skim Transformasi Pendigitalan Industri bagi merancakkan aktiviti digitalisasi, dengan ketersediaan dana yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023;
- RM500 juta untuk Dana Teknologi Tinggi BNM bagi menyokong syarikat berteknologi tinggi dan inovatif;
- RM150 juta untuk Skim Geran Pendigitalan PKS dan Geran Automasi bagi menyokong automasi dan pemodenan dalam kalangan PKS; dan
- Pengenalan semula insentif cukai untuk aktiviti pengkomersialan produk R&D bukan berasaskan sumber bagi mewujudkan ekosistem R&D yang lebih kompetitif.

**Pembangunan Perusahaan Mikro**

Peruntukan sebanyak RM1.35 bilion disediakan untuk pembangunan perusahaan mikro menerusi program berikut:

- RM1.2 bilion menerusi TEKUN Nasional, PUNB, Agrobank dan institusi kewangan lain untuk menyediakan pembiayaan kredit mikro, termasuk RM110 juta untuk Kemudahan Perusahaan Mikro di bawah BNM bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan pekerja gig dan yang bekerja sendiri, serta untuk menyokong program iTEKAD;
- RM100 juta menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk program Pembiayaan Perniagaan bagi komuniti Cina;
- RM20 juta menerusi TEKUN Nasional untuk Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India;
- RM20 juta untuk pinjaman mudah menerusi Skim Sukan TEKUN bagi membantu pengusaha industri sukan;
- RM5 juta menerusi TEKUN Nasional untuk pembangunan keusahawanan dalam komuniti minoriti lain;
- Moratorium pembayaran balik pinjaman sehingga RM150,000 untuk peminjam B40 dan perusahaan mikro, dengan peminjam diberi pilihan untuk penangguhan bayaran ansuran mereka bagi jangka masa tiga bulan atau mengurangkan pembayaran bulanan mereka sebanyak 50% bagi jangka masa enam bulan; dan
- Geran Khas PRIHATIN sebanyak RM1,000 setiap satu akan diberikan kepada 20,000 orang peniaga dan penjaja di Sabah.

**Akses kepada Pasaran**

Peruntukan berjumlah RM360 juta disediakan untuk program akses pasaran seperti berikut:

- RM150 juta untuk Kempen e-Dagang PKS dan PKS Mikro;
- RM150 juta untuk inisiatif *Shop Malaysia Online* menerusi platform e-dagang bagi menggalakkan perbelanjaan dalam talian yang memanfaatkan seramai 500,000 orang penjual tempatan, termasuk produk halal dan usahawan kraftangan;

- RM35 juta bagi misi perdagangan dan pelaburan untuk mempromosi barangan dan perkhidmatan keluaran Malaysia;
- RM25 juta untuk program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik serta program Beli Barangan Buatan Malaysia;
- Pelaksanaan kemudahan *Authorised Economic Operator* (AEO) di peringkat nasional untuk memudahkan proses akreditasi AEO dan memperluaskan AEO kepada penyedia perkhidmatan logistik dan pengendali gudang yang diluluskan;
- Projek rintis untuk pendaftaran e-perolehan bagi perusahaan sosial yang memiliki Sijil Program e-Perolehan Impak Kerajaan daripada MaGIC dan agensi terpilih lain bagi membolehkan mereka menjadi pembekal kepada Kerajaan;
- Insentif cukai bagi penubuhan Pusat Dagangan Global pada kadar konsesi 10% untuk jangka masa lima tahun dan boleh diperbaharui bagi tempoh lima tahun lagi;
- Had nilai jualan bagi aktiviti nilai ditambah dan aktiviti tambahan yang dijalankan di zon perindustrian bebas dan gudang pembuatan berlesen dinaikkan daripada 10% kepada 40% daripada jumlah nilai jualan tahunan; dan
- Pengecualian cukai pendapatan untuk eksport perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2022.

**Pembangunan Usahawan Wanita**

Peruntukan sebanyak RM145 juta disediakan untuk pembangunan usahawan wanita menerusi inisiatif berikut:

- RM95 juta menerusi TEKUN, MARA dan Agrobank untuk pembiayaan kredit mikro khas bagi memperkasa usahawan wanita;
- RM50 juta menerusi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam bagi menyokong aktiviti pembiayaan Islam menerusi Ar-Rahnu BizNita; dan
- Latihan dalam pemasaran, pelabelan dan pembungkusan disertai dengan panduan teknikal mengenai perniagaan bagi 2,000 usahawan wanita menerusi Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizMe).

**Langkah-langkah Lain**

Peruntukan bernilai RM155 juta disediakan untuk tujuan berikut:

- RM85 juta untuk sektor pelancongan, dengan RM50 juta untuk penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan pelancongan di seluruh negara dan RM35 juta menerusi Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia bagi meningkatkan daya saing industri pelancongan kesihatan tempatan;
- RM70 juta untuk sektor pertanian, dengan RM60 juta menerusi Agrobank bagi Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan dan RM10 juta untuk Program Pengembangan Akuakultur; dan
- Enakmen Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) Akta 2020 (*COVID Act*) untuk membantu individu dan perniagaan dalam memenuhi kewajiban kontrak. Akta ini juga menubuhkan Pusat Mediasi COVID-19 dengan kadar perundingan bersubsidi untuk perniagaan mikro dan kecil.

**Langkah-langkah Percukaian Lain**

- Cukai pendapatan untuk individu yang berpendapatan di antara RM50,001 dan RM70,000 setahun akan diturunkan sebanyak 1% – daripada 14% kepada 13% – yang dijangka memanfaatkan 1.4 juta pembayar cukai termasuk milikan tunggal dan perniagaan perkongsian;
- Bagi menggalakkan majikan menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas banduan dan bekas penagih dadah serta mengintegrasikan golongan ini ke dalam masyarakat, potongan cukai tambahan terhadap imbuhan yang diberikan kepada majikan yang menggajikan bekas banduan, orang diparol, orang yang diselia dan bekas penagih dadah dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2025; dan
- Bagi memberi insentif kepada majikan untuk melibatkan warga emas, potongan cukai tambahan terhadap imbuhan yang diberikan kepada majikan yang menggajikan warga emas dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2025.

## DASAR AUTOMOTIF NASIONAL 2020

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melancarkan Dasar Automotif Nasional 2020 (*National Automotive Policy*, NAP 2020) pada 21 Februari 2020. NAP 2020, yang merupakan pengukuhan dan kesinambungan daripada NAP 2014 menyasarkan untuk mendorong Malaysia menjadi peneraju serantau dalam pembuatan automotif.

NAP pertama yang diperkenalkan pada tahun 2006 di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (*Third Industrial Master Plan*, IMP3) 2006 – 2020 bertujuan mentransformasi industri automotif sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Edisi kedua dasar yang diperkenalkan pada tahun 2009 memfokuskan kepada peningkatan kemampuan industri automotif domestik, serta mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menarik pelaburan.



**Objektif** NAP 2020 adalah untuk:

- Membangunkan ekosistem teknologi bagi Kenderaan Generasi Seterusnya (*Next Generation Vehicles*, NxGV*) agar Malaysia menjadi hab serantau untuk pengeluaran kenderaan sebegitu;
- Memperluaskan penyertaan industri automotif domestik dalam sektor Mobiliti sebagai Perkhidmatan (*Mobility as a Service*, MaaS*) yang tidak hanya memfokuskan pada pembangunan teknologi tetapi juga pada keseluruhan ekosistem pengangkutan;
- Memastikan bahawa industri automotif domestik dilengkapi dengan lebih baik dengan paradigma industri baharu yang berkait rapat dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (*Industrial Revolution* 4.0, IR4.0*);
- Memastikan bahawa keseluruhan ekosistem – pengguna, industri automotif domestik dan Kerajaan – memperolehi manfaat maksimum daripada kesan pelaksanaan NxGV; dan
- Mengurangkan pelepasan karbon daripada kenderaan dengan menambah baik tahap ekonomi bahan bakar di Malaysia menjelang tahun 2025.

Empat pelan pembaharuan dan tiga rangka tindakan telah dibentuk di bawah NAP 2020 sebagai panduan untuk mencapai objektifnya. Strategi terdiri daripada rangkuman rantaian bekalan industri, modal insan, kesediaan infrastruktur, serta pembangunan kejuruteraan dan teknologi. Pelan pembaharuan dan rangka tindakan akan dikaji secara berkala bagi memastikan mengikuti trend dan perkembangan dalam teknologi disruptif.

NAP 2020 telah menetapkan tahun 2030 sebagai tahun dengan sasaran berikut dapat dicapai:

- Sumbangan sebanyak RM104 bilion kepada KDNK menerusi sektor pembuatan;
- Sumbangan sebanyak RM12.3 bilion kepada eksport dalam bentuk kenderaan binaan sepenuhnya (*completely built-up*, CBU); dan
- Penjanaan pekerjaan sebanyak 323,000 kepada jumlah pekerjaan.

NAP 2020 memberi peluang kepada syarikat – termasuk PKS – yang berkaitan dengan industri automotif untuk menyertai rantaian bekalan dan digalakkan untuk melibatkan diri dengan Kerajaan dalam menggubal dasar yang dapat dilaksanakan.

**Nota*


i. ***NxGV*** *diklasifikasikan sebagai kenderaan cekap tenaga (energy-efficient vehicles, EEV) yang dilengkapi dengan automasi kenderaan minimum Tahap 3. Teknologi NxGV diklasifikasikan mengikut lima tahap, daripada kenderaan menggunakan pemandu sehingga kenderaan sepenuhnya tanpa pemandu.*

   *Tahap 3 adalah automasi bersyarat dengan kenderaan berautonomi tetapi hanya dalam keadaan teguh dan ideal, dengan pemandu manusia masih perlu berada di belakang tabir. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, pemandu manusia mesti mengambil alih. Pihak Kerajaan menyasarkan untuk memperkenalkan NxGV ke dalam pasaran pada tahun 2025.*

ii. ***MaaS*** *adalah konsep yang mengintegrasikan pelbagai jenis mod perkhidmatan dan pengangkutan – termasuk aplikasi berkongsi perjalanan, perkhidmatan penghantaran dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam talian – menjadi satu perkhidmatan berpusat menerusi platform digital. Kerajaan, menerusi MaaS, berusaha untuk mempengaruhi model pemilikan baharu dan menjadikannya komponen utama dalam pengangkutan masa hadapan di negara ini.*

iii. ***IR 4.0*** *merujuk kepada pembangunan dan penggunaan teknologi dalam bidang kecerdasan buatan, analisis data raya dan Internet of Things yang membolehkan pelaksanaan industri NxGV dan Maas.*

# Artikel Khas
# Program Pembangunan PKS pada Tahun 2019 dan 2020



SME Corp. Malaysia sebagai agensi penyelaras pusat (*central coordinating agency*, CCA) bagi program pembangunan PKS menyelaras, memperkemas, memantau dan menilai kemajuan dan keberkesanan program berkaitan menerusi Pelan Tindakan Bersepadu PKS (*SME Integrated Plan of Action*, SMEIPA).

## PROGRAM PADA TAHUN 2019

Pada tahun 2019, Kerajaan terus melaksanakan pelbagai program pembangunan PKS menerusi 18 Kementerian, enam agensi tunggal dan 53 agensi. Program-program ini merangkumi enam bidang tumpuan utama; pembangunan modal insan, akses kepada pembiayaan, akses kepada pasaran, penerapan teknologi dan inovasi, infrastruktur, serta persekitaran perundangan dan pengawalseliaan. Sebanyak 175 program, dengan perbelanjaan kewangan berjumlah RM9.6 bilion telah dilaporkan untuk tahun 2019. Program ini telah memberi manfaat kepada 656,468 PKS.

**Jadual 1**: Ringkasan Program pada Tahun 2019

| Bidang Tumpuan | Bilangan Program | | Perbelanjaan Kewangan | | Bilangan Benefisiari PKS | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah | Bahagian (%) | RM (juta) | Bahagian (%) | Jumlah | Bahagian (%) |
| Pembangunan Modal Insan | 54 | 30.9 | 193.1 | 2.0 | 139,624 | 21.3 |
| Akses kepada Pembiayaan | 38 | 21.7 | 9,122.2 | 95.1 | 444,640 | 67.7 |
| Akses kepada Pasaran | 37 | 21.1 | 127.3 | 1.3 | 63,816 | 9.7 |
| Penerapan Teknologi dan Inovasi | 29 | 16.6 | 100.7 | 1.1 | 7,245 | 1.1 |
| Infrastruktur | 16 | 9.1 | 42.4 | 0.4 | 1,143 | 0.2 |
| Persekitaran Perundangan dan Pengawalseliaan | 1 | 0.6 | 5.5 | 0.1 | - | - |
| **Jumlah** | **175** | **100.0** | **9,591.2** | **100.0** | **656,468** | **100.0** |

Pada tahun 2019, bidang tumpuan pembangunan modal insan mempunyai bilangan program terbanyak, mencakupi 30.9% daripada jumlah program yang dilaksanakan dengan perbelanjaan sebanyak RM193.1 juta bagi menjalankan program untuk 139,624 benefisiari

PKS. Akses kepada program pembiayaan untuk 444,640 benefisiari PKS mencakupi sebanyak 95.1% (RM9.1 bilion) daripada jumlah perbelanjaan bagi kesemua enam bidang tumpuan utama. Sebanyak 37 program akses kepada pasaran, dengan perbelanjaan sebanyak RM127.3 juta dilaksanakan untuk 63,816 benefisiari PKS sementara 29 program penerapan teknologi dan inovasi, dengan perbelanjaan sebanyak RM100.7 juta dilaksanakan untuk 7,245 benefisiari PKS. Terdapat 16 program infrastruktur – dengan perbelanjaan sebanyak RM42.4 juta – yang telah memberi manfaat kepada 1,143 benefisiari PKS sepanjang tahun 2019.

## PROGRAM PADA TAHUN 2020

Pada tahun 2020, sebanyak 211 program dengan perbelanjaan kewangan berjumlah RM13 bilion telah dilaksanakan. Program-program ini, yang telah memberi manfaat kepada 656,097 PKS, telah dilaksanakan oleh 17 Kementerian, enam agensi tunggal dan 59 agensi lain.

**Jadual 2**: Ringkasan Program pada Tahun 2020

| Bidang Tumpuan | Program | | Perbelanjaan Kewangan | | Bilangan Benefisiari PKS | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | Bahagian (%) | RM (juta) | Bahagian (%) | Bilangan | Bahagian (%) |
| Pembangunan Modal Insan | 99 | 31.1 | 3,285.1 | 19.6 | 561,190 | 48.1 |
| Akses kepada Pembiayaan | 93 | 29.3 | 12,687.1 | 75.9 | 459,173 | 39.3 |
| Akses kepada Pasaran | 47 | 14.8 | 188.3 | 1.1 | 23,430 | 2.0 |
| Penerapan Teknologi dan Inovasi | 43 | 13.5 | 418.0 | 2.5 | 50,244 | 4.3 |
| Infrastruktur | 36 | 11.3 | 142.5 | 0.9 | 73,023 | 6.3 |

Akses kepada program pembiayaan terus membentuk sebahagian besar pembiayaan bagi program pada tahun 2020, dengan 75.9% atau RM12.7 bilion daripada jumlah perbelanjaan kewangan untuk tahun ini serta mencakupi sebanyak 29.3% atau 93 daripada jumlah program yang telah dilaksanakan. Program ini telah memberi manfaat kepada 459,173 PKS. Pembangunan modal insan mempunyai jumlah program terbanyak, mencakupi 99 program atau 31.1% daripada jumlah keseluruhan program dengan perbelanjaan sebanyak RM3.3 bilion. Program ini telah memberi manfaat kepada 561,190 PKS. Sebanyak 47 program akses kepada pasaran, dengan perbelanjaan sebanyak RM188.3 juta telah dilaksanakan dan memanfaatkan sebanyak 23,430 PKS. Sejumlah 43 program penerapan teknologi dan inovasi dengan perbelanjaan sebanyak RM418.0 juta dan 50,244 benefisiari PKS telah dilaksanakan manakala 36 program infrastruktur telah dilaksanakan untuk 73,023 benefisiari PKS dengan perbelanjaan sebanyak RM142.5 juta.

Perincian program boleh didapati di https://www.smeinfo.com.my/.

# Artikel Khas
# Pelaksanaan Status PKS



Pendaftaran bagi status PKS dengan SME Corp. Malaysia yang dilancarkan pada 1 Mac 2020 bertujuan untuk mengesahkan status PKS bagi semua pertubuhan perniagaan yang memenuhi definisi PKS dan untuk memastikan bahawa syarikat yang berniat untuk mendapatkan bantuan dan insentif yang berkaitan dengan PKS daripada Kerajaan telah memenuhi definisi kebangsaan PKS seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan menerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK).

PKS boleh mendaftarkan Status PKS mereka secara dalam talian menerusi Sistem Pendaftaran Status PKS. Bayaran pendaftaran Status PKS sebanyak RM100 dikenakan untuk tempoh sah laku selama dua tahun. Namun begitu, berikutan cabaran yang dihadapi oleh PKS sepanjang tempoh pandemik COVID-19, pelepasan pendaftaran diberikan untuk tempoh sah laku selama satu tahun dari 1 Mac hingga 31 Disember 2020. Setelah diperakui sebagai PKS, syarikat boleh memuat turun perakuan digital sebagai bukti status.

Dokumen asas yang diperlukan untuk pengesahan Status PKS adalah:

- **Pendaftaran Perniagaan** – Borang Pendaftaran Perniagaan SSM terkini seperti *Super form* / Borang 9, 24 dan 49 dan M&A, Borang D, Profesion dan Pelesenan Perdagangan, Ordinan Perniagaan (hanya relevan untuk Sabah dan Sarawak), Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956;

- **Jualan dan Hasil** – Salinan terkini akaun dan penyata kewangan yang diaudit untuk tahun 2018 atau 2019 (untuk Sdn Bhd sahaja) dan Akaun Pengurusan 2019, Penyata Untung dan Rugi (untuk perusahaan, perkongsian liabiliti terhad, profesional dan yang didaftarkan di bawah Ordinan);

- **Pekerja Sepenuh Masa** – Penyata caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terkini; dan

- **Ekuiti dan Pemegang Saham** – *Super form* / Borang 24 dan 49, pulangan tahunan, Pendaftaran Ahli (untuk Sdn Bhd sahaja), dan profil syarikat perkongsian liabiliti terhad, maklumat mengenai pemilik perniagaan dan lesen perniagaan terkini, pengesahan pendaftaran perniagaan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (Kuching) dan cabutan nama perniagaan pendaftaran dari Pejabat Daerah.

Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 11,608 perniagaan telah disahkan sebagai PKS dan 353 sebagai bukan PKS.




Pendaftaran Status PKS boleh diakses di https://smereg.smecorp.gov.my/reg/.


# BAB 2

# Agenda PKS di Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan



# Bab 2

# Agenda PKS di Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan



Pengantarabangsaan merangkumi aktiviti perniagaan yang antaranya termasuk pengeksportan atau pengimportan secara langsung, usaha sama dengan rakan kongsi asing, melabur di luar negara, bertindak sebagai subkontraktor kepada perusahaan asing serta pemfrancaisan dan pelesenan. Pengeksportan langsung merupakan salah satu bentuk pengantarabangsaan yang paling umum bagi PKS sebagai laluan strategik bagi sektor ini meningkatkan penglibatan di peringkat antarabangsa.

PKS yang mengeksport dikenali secara meluas sebagai PKS yang cenderung mengalami pertumbuhan yang lebih pesat berbanding PKS yang tidak mengeksport. PKS yang mengeksport lebih bersedia untuk meningkatkan produktiviti dan aktiviti inovasi mereka. Namun begitu, PKS yang ingin menembusi pasaran global sering menghadapi isu merentasi sempadan, lantas mewajarkan dasar sokongan Kerajaan untuk memudahkan pengantarabangsaan PKS. Cabaran dalam menggubal dasar sokongan terletak pada kepelbagaian ciri PKS dan kekurangan keseragaman dalam sektor ini menimbulkan cabaran yang besar dalam menggubal dasar yang bertujuan untuk memudahkan pengantarabangsaan. Senario seperti ini menggariskan fungsi penting bagi inisiatif yang disasarkan dalam mencapai matlamat dasar PKS.

Di peringkat serantau, akses kepada maklumat mengenai peluang perniagaan yang berkait dengan perjanjian perdagangan bebas dan perjanjian perdagangan serantau yang tersedia dapat membantu mempromosikan pengantarabangsaan PKS. Kumpulan serantau

seperti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Asia-Pacific Economic Cooperation, APEC) bersama-sama dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organisation, WTO) dan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) adalah antara organisasi yang terlibat dalam usaha meningkatkan tahap pengantarabangsaan PKS. Usaha diteruskan menerusi platform antarabangsa ini dan lain-lain fora antarabangsa bagi terus menambah baik persekitaran perniagaan secara keseluruhan serta mengurangkan halangan perdagangan yang boleh meningkatkan pengantarabangsaan PKS.

## INISIATIF PENGANTARABANGSAAN APEC

APEC merupakan forum ekonomi terkemuka yang menyokong pertumbuhan ekonomi mampan dan kemakmuran di rantau ini. Terdapat kerjasama yang mantap dalam kalangan kumpulan 21 negara anggota dalam mengejar agenda untuk membina komuniti Asia Pasifik yang dinamik dan harmoni dengan memperjuangkan perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka; mempromosikan dan mempercepatkan integrasi ekonomi serantau; menggalakkan kerjasama ekonomi dan teknikal; serta memudahkan persekitaran perniagaan yang lestari dan memuaskan.

Kesemua anggota ekonomi terus melaksanakan langkah-langkah dalam empat bidang utama Pelan Strategik Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana (*Small and Medium Enterprises Working Group*, SMEWG) 2017 – 2020, iaitu:

1. Keusahawanan, inovasi serta ekonomi internet dan digital.
2. Akses pasaran kepada PKS.
3. Pembiayaan untuk pengembangan perniagaan dan pembangunan kapasiti.
4. Ekosistem perniagaan inklusif yang menyokong pertumbuhan PKS.

Mesyuarat PKS APEC Peringkat Menteri ke-25 yang telah diadakan di Concepcion, Chile, dari 5 - 6 September 2019 memberi penekanan kepada Pembiayaan PKS dan Transformasi Digital dalam Ekonomi Globalisasi sebagai tumpuan dalam kenyataan menteri yang merangkumi tiga subtopik:

- Transformasi Digital untuk PKS dan Usahawan;
- Menggalakkan Pembiayaan untuk PKS dan Usahawan; dan
- PKS dan Pengantarabangsaan: Kaedah Menjalankan Perniagaan yang Lebih Baik dalam Dunia Globalisasi.

APEC
CHILE 2019

Bagi menyokong aktiviti-aktiviti dalam tiga bidang tumpuan, APEC telah menjalankan pelbagai program dan memperkenalkan inisiatif termasuk ekonomi digital, etika perniagaan, akses pasaran dan pengantarabangsaan seperti berikut:

- Bengkel APEC mengenai Peluang dan Cabaran bagi PKS Runcit dalam Ekonomi Internet dan Digital;
- Forum Etika Perniagaan untuk PKS APEC 2020: Merealisasikan Deklarasi Nanjing kepada Penerapan Kod Etika Sejagat;
- Tinjauan terhadap Sektor PKS di Rantau APEC: Isu-isu Utama mengenai Akses Pasaran dan Pengantarabangsaan;
- Forum Ekonomi Digital PKS APEC;
- Program Latihan Organisasi Promosi Perdagangan: Latihan dalam Talian untuk Menyokong Usahawan Wanita memperolehi Akses kepada Pasaran Global;
- Membangunkan PKS untuk Masa Hadapan: Menghadapi Cabaran Global menerusi Inovasi dan Kelestarian; dan
- Bengkel untuk PKS di APEC: Memperkasa Revolusi Perindustrian 4.0 dalam Meningkatkan Prestasi Ekonomi PKS berorientasikan Eksport.

Inisiatif utama yang sedang dijalankan di bawah SMEWG termasuk perkongsian amalan terbaik berterusan dalam kalangan anggota ekonomi pada mesyuarat SMEWG. Amalan terbaik berikut telah dikongsi semasa Mesyuarat SMEWG ke-49 di Chile dari 3 - 4 September 2019:

- Hong Kong, China - Menyokong Keusahawanan Sosial;
- Chinese Taipei - Inovasi Model Perniagaan untuk PKS;
- Chinese Taipei - Pembuatan Pintar dan Inovasi Perkakasan IoT untuk PKS;
- Thailand - Belanjawan Bersepadu untuk Promosi PKS bagi Tahun Fiskal 2020 di bawah Agenda;
- New Zealand - Forum Produktiviti dan Prestasi PKS;
- Amerika Syarikat - Menggalakkan Inovasi Perniagaan Kecil: Program Penyelidikan Inovasi Perniagaan Kecil;
- Singapura - Penyelesaian e-Pembayaran Bersatu Singapura untuk Pembayaran Mikro; dan
- Brunei Darussalam - Mempromosikan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di Brunei Darussalam dan Luar Negara.

APEC turut mengeluarkan penerbitan berikut pada tahun 2019 dan 2020:

- Laporan mengenai Pelaksanaan Kod Etika oleh Persatuan Industri Peranti Perubatan APEC 2019;
- COVID-19, 4IR dan Pekerjaan Masa Hadapan;
- Dialog Awam-Swasta APEC mengenai Perkongsian Ekonomi dan Kesinambungan Teknologi Digital untuk Pembangunan Inklusif;
- Analisis Trend Serantau APEC – *What Goes Around Comes Around*: Berkisar ke arah Ekonomi Kitaran; Ujian Ketidakpastian Ketahanan APEC dalam tempoh COVID-19;
- Tinjauan terhadap Sektor PKS di Rantau APEC: Isu-isu Utama mengenai Akses Pasaran dan Pengantarabangsaan;
- Penyelidikan mengenai Mempromosikan Perdagangan dalam Perkhidmatan oleh PKS dan Usahawan Wanita; dan
- Peranan Kemampuan Pengurusan bagi PKS.

Selaras dengan bidang utama di bawah Pelan Strategik SMEWG, Malaysia telah menganjurkan *APEC Young Entrepreneurs Kick-Off* yang diadakan dari 18 - 19 Februari 2020 di Kuala Lumpur. Bengkel ini diadakan bersempena Malaysia menjadi tuan rumah bagi penganjuran APEC 2020, menyasarkan untuk menyampaikan set kemahiran dan pengetahuan yang relevan kepada usahawan muda bagi membantu memanfaatkan potensi mereka serta menyokong pemerkasaan ekonomi belia melalui penciptaan ekosistem keusahawanan berpusatkan belia yang lestari. Seramai 184 peserta tempatan dan antarabangsa serta 19 penceramah dan moderator terkemuka dari tujuh ekonomi APEC telah mengambil bahagian dalam bengkel ini.

Bengkel ini berfungsi sebagai platform bagi usahawan muda meningkatkan kepintaran dan keupayaan perniagaan mereka yang akan membawa kepada pengeksportan. Bengkel ini juga membolehkan para usahawan muda bertukar idea dan pengalaman dengan rakan setara, lantas meningkatkan rangkaian perniagaan mereka. Sesi pembentangan (*pitching*) yang diadakan semasa bengkel ini sangat berguna bukan hanya untuk meningkatkan profil usahawan muda di pentas antarabangsa tetapi juga untuk meningkatkan rangkaian mereka di rantau APEC. Bengkel yang diadakan merangkumi sesi interaktif dan perkongsian yang dipimpin oleh penceramah dan moderator terkemuka dari ekonomi APEC serta penceramah antarabangsa lain.

## INISIATIF PENGANTARABANGSAAN ASEAN

Di ASEAN, PKS merangkumi antara 88.8% dan 99.9% daripada jumlah pertubuhan di semua negara anggota dan menggaji antara 51.7% dan 97.2% daripada jumlah tenaga kerja. Sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di negara anggota, masing-masing dalam julat antara 30.0% hingga 53.0% dengan sumbangan kepada eksport antara 10.0% hingga 29.9%. Data ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh PKS menerusi pelbagai aktiviti perniagaan dan kehadiran mereka di bandar dan luar bandar dalam menyumbang kepada penjanaan pendapatan dan pewujudan pekerjaan serta pemerkasaan jantina dan belia.

SME Corp. Malaysia, sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengambil peranan dengan menyokong Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (*ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises*, ACCMSME). Mesyuarat ACCMSME diadakan secara dwitahunan mengikut giliran antara negara anggota ASEAN. Pada tahun 2019, mesyuarat ACCMSME ke-7 telah diadakan dari 22 - 26 April 2019 di Nha Trang City, Vietnam, manakala mesyuarat ACCMSME ke-8 telah diadakan di Phnom Penh, Kemboja, dari 25 - 29 November 2019.

Dengan Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan PKS (*Strategic Action Plan for SME Development*, SAP SMED) 2016 - 2025 telah pun berada di peringkat pertengahan pelaksanaannya, kajian separuh penggal rancangan ini sedang dijalankan pada tahun 2020 bagi menilai kemajuan yang telah dicapai setakat ini, serta untuk menilai hasil dan kesan daripada garis tindakannya. Berdasarkan pengesanan yang dilakukan pada bulan November 2019, 70.0% daripada garis tindakan telah berjaya dilaksanakan.

Pada mesyuarat terakhir ACCMSME, penyampaian utama bagi tahun 2020 seperti berikut telah diterima guna:

KEUTAMAAN 01 Pelancaran Penjenamaan Semula Pusat Perkhidmatan PKS ASEAN.

KEUTAMAAN 02 Pembangunan Kit Peralatan Diagnostik Kendiri Digitalisasi.

KEUTAMAAN 03 Garis Panduan Dasar untuk Mempromosikan Syarikat di Peringkat Permulaan (*Start-ups*) dan Inovasi Digital.

KEUTAMAAN 04 Penyertaan Syarikat di Peringkat Permulaan ASEAN dalam Minggu *ASEAN-Korea Start-up* (program kerjasama yang dicadangkan oleh Korea di bawah Perkongsian *ASEAN-ROK Start-up*).

KEUTAMAAN 05 Garis Panduan untuk Mempromosikan Perniagaan Inklusif (*Inclusive Business*, IB) dan Persidangan IB ke-3.

KEUTAMAAN 06 Mempromosikan Rangkaian PKS ke Rantaian Nilai Global.

Mesyuarat ACCMSME ke-9 (15 – 17 Jun 2020) dan ke-10 (8 – 10 Disember 2020) telah dijalankan secara maya berikutan penularan COVID-19. Mesyuarat berkenaan telah mengumpulkan kesemua sepuluh negara anggota ASEAN dalam satu platform maya untuk mengadakan perbincangan mengenai pelbagai isu, perkongsian amalan terbaik, serta pembangunan bersama pelan tindakan, strategi dan pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk PKS dan pembangunan keusahawanan seperti yang telah ditetapkan di bawah SAP SMED 2016 - 2025.

Antara perkara yang dibincangkan adalah langkah-langkah serantau dan domestik yang diambil sebagai tindak balas terhadap pandemik COVID-19, termasuk perkongsian berterusan tentang langkah-langkah dasar di setiap negara anggota dan rancangan untuk menjalankan kaji selidik serantau mengenai kesan pandemik terhadap perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Mesyuarat turut membincangkan mengenai Pembangunan Garis Panduan Serantau untuk Perniagaan Inklusif di ASEAN; Pembangunan Garis Panduan

Serantau mengenai syarikat di peringkat permulaan di bawah inisiatif Ekosistem *ASEAN-ROK Start-up*; Menghubungkan Pusat-pusat Inovasi di ASEAN; Portal Web Pusat Perkhidmatan PKS ASEAN; dan Status Terkini Projek mengenai Sokongan Pemantauan Petunjuk Prestasi Utama SAP SMED 2016 - 2025: Fasa 2 Menjelang 2020. ACCMSME akan menjalankan kajian separuh penggal bagi tempoh 2016 - 2020 untuk mengukur tahap kemajuan yang dicapai sehingga kini.

Pandemik COVID-19 juga disebut dalam Deklarasi dan Kenyataan bersama Pemimpin dan Menteri ASEAN, dengan penekanan terhadap mempromosikan penggunaan teknologi digital untuk membolehkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana kekal beroperasi dalam keadaan krisis.

Pencapaian ACCMSME pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- **Program Rangkaian Usahawan Wanita ASEAN-Jepun**

  SME Corp. Malaysia dengan kerjasama ASEAN Japan Center (AJC) telah menganjurkan Program Rangkaian Usahawan Wanita ASEAN-Jepun (*ASEAN-Japan Women Entrepreneurs' Linkage Program*, AJWELP) dari 27 - 30 Januari 2019 di Kuala Lumpur. AJWELP menyasarkan untuk memperkasa usahawan wanita ASEAN di peringkat permulaan bagi menambah baik komuniti mereka dengan memperkenalkan dan membangunkan produk dan perkhidmatan baharu. Menerusi AJWELP dan rangkaiannya, para peserta diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan dan persembahan mereka serta membangunkan rangkaian dengan syarikat-syarikat lain, usahawan berpengalaman dan rakan setara AJWELP.

- ***ASEAN Mentorship for Entrepreneurs Network* - Program Rintis Bimbingan Mentor ASEAN untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di Malaysia**

  *ASEAN Mentorship for Entrepreneurs Network* (AMEN) bertujuan mewujudkan sistem yang membolehkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana mendapat akses kepada 3M: *Money* (Wang), *Market* (Pasaran) dan *Mentorship* (Bimbingan Mentor). Objektif program ini adalah untuk membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana menambah baik operasi perniagaan mereka serta meningkatkan keuntungan dan kelestarian bagi memenuhi agenda pertumbuhan inklusif. Program rintis bertujuan mewujudkan satu set modul universal untuk program AMEN yang boleh digunakan di rantau ASEAN.

  SME Corp. Malaysia bersama-sama dengan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (*ASEAN Business Advisory Council*, ASEAN BAC) Malaysia telah menganjurkan program rintis AMEN di Malaysia pada 20 Ogos 2019 bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan modul daripada PKS tempatan. Program rintis ini telah dihadiri oleh 18 mentor daripada pelbagai latar belakang dan 30 perusahaan mikro, kecil dan sederhana Malaysia sebagai menti. Wakil-wakil daripada ASEAN BAC Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Laos, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam juga telah hadir untuk melihat dan mengkaji semula program rintis berkenaan. Selepas Malaysia, dua lagi program rintis telah dijalankan pada 12 September 2019 di Indonesia dan 27 September 2019 di Filipina.

- **Bengkel Akses PKS kepada Sumber Pembiayaan Alternatif di ASEAN**

  SME Corp. Malaysia, di bawah MEDAC, bersama-sama dengan OECD dan Sekretariat ASEAN telah bersama-sama menganjurkan Bengkel Akses PKS kepada Sumber Pembiayaan Alternatif di ASEAN dari 5 - 6 November 2019 di Kuala Lumpur. Seramai 148 peserta yang terdiri daripada PKS serta wakil daripada sektor awam dan swasta telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel selama satu setengah hari ini menampilkan 28 penceramah terkemuka dari OECD dan negara anggota ASEAN bagi membincangkan perkembangan pasaran dan dasar untuk mekanisme pembiayaan alternatif PKS di Asia Tenggara serta pelbagai sumber pembiayaan alternatif lain untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti pendanaan ekuiti ramai (*equity crowdfunding*, ECF), modal teroka (*venture capital*, VC), pembiayaan perdagangan dan pemajakan. Menerusi bengkel yang diadakan, dapat disimpulkan bahawa terdapat skop yang cukup besar bagi pembuat dasar untuk membolehkan kepelbagaian dalam ekosistem pembiayaan PKS yang lebih besar.

Draf laporan mengenai Instrumen Pembiayaan Alternatif untuk PKS ASEAN yang dibentangkan dalam bengkel ini menunjukkan bahawa minat dan penglibatan pelabur dalam pasaran pembiayaan PKS – pelaburan modal teroka, ekuiti awam dan pemfaktoran – di negara-negara ASEAN telah berkembang sejak sedekad yang lalu, didorong oleh pembangunan makroekonomi serantau yang kukuh dan trend demografi yang baik. Antara bidang lain yang menjanjikan potensi adalah teknologi kewangan atau pembiayaan dengan kemampuan teknologi kewangan yang mengalami perkembangan pesat, seperti yang ditunjukkan dalam kadar pertumbuhan tiga digit bagi pembiayaan antara rakan setara (*peer-to-peer*, P2P) dan pendanaan ekuiti ramai dalam beberapa tahun kebelakangan ini di kebanyakan negara anggota ASEAN. Laporan tersebut menekankan potensi teknologi kewangan untuk meningkatkan rangkuman kewangan di rantau ini dengan capaian kepada segmen populasi yang kurang menerima perkhidmatan daripada pihak bank, sehingga dapat membawa usahawan yang berada dalam sektor tidak formal kepada sektor formal. Di samping itu, risiko yang timbul berkaitan dengan pembiayaan berasaskan blok rantai (*blockchain*) dan pembiayaan alternatif dalam talian untuk pengguna serta perlindungan pelabur turut ditekankan.

Antara bidang lain yang menjanjikan potensi adalah teknologi kewangan atau pembiayaan dengan kemampuan teknologi kewangan yang mengalami perkembangan pesat, seperti yang ditunjukkan dalam kadar pertumbuhan tiga digit bagi pembiayaan antara rakan setara dan pendanaan ekuiti ramai dalam beberapa tahun kebelakangan ini di kebanyakan negara anggota ASEAN.

Antara cadangan dasar yang disyorkan bagi memacu pembangunan dan penerapan instrumen pembiayaan alternatif adalah pengawalseliaan dan pembaharuan undang-undang; campur tangan Kerajaan dengan perancangan yang teliti dan ditentukur; insentif langsung dan tidak langsung bagi pelabur dan pengguna pembiayaan; usaha untuk memupuk ekosistem PKS yang rancak; promosi pendidikan kewangan; dan peningkatan kemahiran PKS.

Kesimpulan awal bagi draf laporan OECD-ASEAN menunjukkan bahawa Malaysia memperolehi manfaat daripada pasaran yang matang dalam kebanyakan instrumen pembiayaan alternatif, termasuk ekuiti swasta dan pembiayaan modal teroka untuk PKS, yang merupakan 'juara pasaran' bersama dengan Singapura dan Indonesia. Relatif kepada negara anggota ASEAN yang lain, Malaysia memperolehi manfaat daripada persekitaran pro-perniagaan dan ekosistem yang rancak, keyakinan pelabur yang tinggi dan aliran urus niaga yang sihat serta pilihan keluar untuk pelabur. Laporan awal juga telah menganalisis campur tangan dasar oleh Kerajaan Malaysia dan pengawalselia dalam pelbagai pasaran untuk pembiayaan alternatif PKS. Laporan akhir mengenai Instrumen Pembiayaan Alternatif untuk PKS ASEAN telah diterbitkan pada 23 September 2020.

## PROGRAM LATIHAN NEGARA KETIGA: PEMBANGUNAN PKS UNTUK NEGARA-NEGARA AFRIKA 2019

Dalam meneruskan komitmen Malaysia untuk memupuk kerjasama teknikal serantau dan subserantau khususnya dalam kalangan negara membangun, SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Japan International Cooperation Agency, JICA) Pejabat Malaysia dan Kementerian Luar Negara Malaysia untuk menganjurkan Program Latihan Negara Ketiga (*Third Country Training Programme*, TCTP): Pembangunan PKS untuk Negara-negara Afrika yang diadakan dari 6 - 19 Oktober 2019 di Kuala Lumpur. Sepuluh pegawai Kerajaan dari Ethiopia, Ghana, Mauritius, Nigeria, Tanzania dan Uganda telah menyertai program ini. TCTP dirancang untuk memudahkan perkongsian maklumat dan pengalaman dalam menggubal dan melaksanakan dasar dan inisiatif pembangunan PKS.

Selama beberapa tahun, SME Corp. Malaysia telah berkongsi amalan terbaik dan dasar mengenai pembangunan PKS menerusi platform TCTP serta meneroka potensi perkongsian bagi inisiatif PKS serantau dan global. Menerusi program ini, imej Malaysia telah dipertingkatkan ke tahap antarabangsa dan hubungan yang lebih erat telah dijalinkan untuk manfaat ekonomi bersama.

## AKSES YANG LEBIH LUAS KEPADA RANTAIAN NILAI GLOBAL DAN PENGANTARABANGSAAN MELALUI PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS

Sehingga bulan Disember 2020, Malaysia telah menandatangani 16 Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreements*, FTA) dan melaksanakan 14 FTA (tujuh FTA dua hala dan tujuh FTA serantau), termasuk dua FTA terkini yang masih menunggu untuk diratifikasi

dan mulai berkuat kuasa, iaitu Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership*, CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership*, RCEP) yang masing-masing ditandatangani pada 8 Mac 2018 dan 15 November 2020.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), perdagangan dengan negara-negara yang termasuk dalam FTA serantau dan dua hala merangkumi 66.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia atau RM1.22 trilion pada tahun 2019. Eksport ke negara-negara FTA berjumlah RM672.1 bilion manakala import berjumlah RM551.5 bilion. Setakat sembilan bulan pertama tahun 2020, perdangan dengan rakan FTA merangkumi 66.5% atau RM860.6 bilion. Eksport berjumlah RM483.3 bilion, sementara import berjumlah RM377.3 bilion.

**Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership*, CPTPP)**

Setelah Amerika Syarikat menarik diri daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Partnership Agreement*, TPPA) pada tahun 2017, perjanjian perdagangan bebas, CPTPP telah dibentuk antara 11 negara di rantau Asia Pasifik iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Vietnam. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 8 Mac 2018 oleh kesemua 11 negara yang mengambil bahagian di Santiago, Chile.

CPTPP mula berkuat kuasa pada 30 Disember 2018 bagi Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand dan Singapura, dan pada 14 Januari 2019 bagi Vietnam, dengan jangkaan bagi negara-negara lain iaitu Brunei, Chile, Malaysia dan Peru untuk mengikutinya pada masa hadapan. Pada bulan Jun 2020, Kabinet Malaysia telah bersetuju dengan pelanjutan proses ratifikasi yang memerlukan pindaan terhadap 19 perundangan sebelum ratifikasi dan pelaksanaannya.

Setelah mendapat ratifikasi, Malaysia akan memperolehi manfaat daripada CPTPP dengan mewujudkan tiga rakan kongsi FTA baharu dengan Kanada, Mexico dan Peru. Sehingga kini, kesemua empat negara yang tidak mendapat ratifikasi masih diundang ke semua mesyuarat berkaitan di bawah CPTPP sebagai 'pemerhati'.

CPTPP mengikat anggotanya yang mewakili pasaran dengan 500 juta orang dengan gabungan KDNK sebanyak US$10 trilion (13.5% KDNK dunia). Melihat kepada potensi besar ini, segala usaha sedang dilakukan untuk membantu negara-negara anggota membangun untuk membina keupayaan dan kemampuan mereka menerusi pelbagai program kerja dan perkongsian amalan terbaik. Inisiatif baharu CPTPP termasuk:




i. Suruhanjaya CPTPP ke-3 dan mesyuarat berkaitan yang dipengerusikan oleh Mexico telah diadakan secara maya dari 22 - 23 Julai 2020 dan dihadiri oleh semua negara anggota termasuk negara yang

berstatus pemerhati. Mesyuarat ini telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai kepentingan untuk mengenal pasti kesan sebenar COVID-19 terhadap gangguan rantaian bekalan bagi membolehkan diagnosis yang spesifik dijalankan terhadap situasi kawasan perdagangan bebas CPTPP. Bagi menentukan kesan spesifik terhadap rantaian nilai dan bekalannya, mesyuarat telah bersetuju untuk negara Kanada menganjurkan bengkel secara maya mengenai Kesan CPTPP terhadap Rantaian Bekalan dan PKS.

ii. Lanjutan daripada Suruhanjaya CPTPP ke-3 dan mesyuarat berkaitan, Kanada menerusi Jawatankuasa Daya Saing dan Pemudahan Perniagaan (*Competitiveness and Business Facilitation Committee*, CBF) telah berjaya menganjurkan bengkel secara maya mengenai Kesan CPTPP terhadap Rantaian Bekalan dan PKS dari 29 - 30 September 2020. Bengkel yang disertai oleh pakar bidang, terutamanya mengenai PKS dalam kalangan pegawai Kerajaan negara CPTPP bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik bagi menilai kesan FTA dengan tumpuan kepada kesan terhadap PKS dan rantaian bekalannya. Inisiatif yang dijalankan menunjukkan perkembangan awal penting terhadap obligasi Jawatankuasa CBF untuk memulakan kajian sejauh mana CPTPP telah membantu pembangunan, pengukuhan dan pengoperasian rantaian bekalan dalam kawasan perdagangan bebas semasa tahun keempat selepas CPTPP berkuat kuasa. Suruhanjaya CPTPP ke-4 dan mesyuarat berkaitan akan dipengerusikan oleh negara Jepun pada tahun 2021.

**Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership*, RCEP)**

Inisiatif RCEP telah dilancarkan pada bulan November 2012 dan rundingan Perjanjian bermula pada Mei 2013. Perjanjian RCEP, yang ditandatangani pada 15 November 2020 merupakan usaha besar yang melibatkan 15 negara, termasuk sepuluh negara anggota ASEAN dan lima rakan kongsi FTA ASEAN iaitu Australia, China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand, menunjukkan kepada dunia bahawa RCEP mengutamakan integrasi ekonomi serantau yang membantu perdagangan rentas sempadan dan pelaburan serta memudahkan langkah-langkah bukan tarif.



RCEP mendorong penghapusan dan pengurangan tarif yang lebih besar untuk barang dagangan, termasuk pemudahan eksport dan import barangan dalam kalangan negara-negara RCEP, yang mampu menjadi galakan yang sangat


diperlukan bagi pertumbuhan perniagaan Malaysia. Langkah-langkah ini adalah amat penting memandangkan rantau RCEP merupakan pusat pembuatan, merangkumi hampir 50.0% output pembuatan global terutamanya dalam sektor pengeluaran automotif dan elektronik. Sementara itu, penyedia perkhidmatan e-dagang akan dapat menikmati akses pasaran yang lebih luas dari segi bekalan rentas sempadan dan mewujudkan kehadiran komersial dalam pasaran RCEP. Tambahan lagi, RCEP akan mempromosikan, memudahkan dan melindungi pelaburan negara-negara serantau yang mengambil bahagian. Ini termasuk pertukaran maklumat dan promosi langkah-langkah ketelusan untuk memudahkan perniagaan dan pelaburan dalam kawasan RCEP.

Sebilangan besar negara RCEP sangat bersepadu dalam rantaian nilai global (*global value chain*, GVC). Menurut Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Conference on Trade and Development*, UNCTAD), rantau ini merangkumi 26.0% daripada jumlah rantaian nilai perdagangan global dunia (termasuk barangan dan perkhidmatan) dan perdagangan bagi barangan perantaraan berkembang pesat dalam negara RCEP dan negara bukan RCEP. Jumlah dagangan rantaian nilai global negara RCEP meningkat sebanyak 34.0% di antara tahun 2010 dan 2018, dengan rantaian nilai global dalam kalangan anggota RCEP berjumlah $1.5 trilion pada tahun 2017. Keupayaan RCEP untuk menyokong pertumbuhan rantaian nilai intra-serantau dengan lebih lanjut boleh menjadi penting berikutan jangkaan perubahan dalam perdagangan serantau dan corak pelaburan akibat ketegangan perdagangan yang mempengaruhi China, serta kepelbagaian rantaian bekalan dalam tempoh pasca-COVID dan trend pelaburan menjangkau ketahanan.

Rantaian nilai perdagangan antara anggota RCEP berpusat pada beberapa nod utama, dengan ASEAN sebagai satu kumpulan, China, Jepun dan Republik Korea merupakan hab rantaian nilai global utama seperti yang digambarkan dalam carta berikut:

Perjanjian RCEP, yang ditandatangani pada 15 November 2020 merupakan usaha besar yang melibatkan 15 negara, termasuk sepuluh negara anggota ASEAN dan lima rakan kongsi FTA ASEAN iaitu Australia, China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand, menunjukkan kepada dunia bahawa RCEP mengutamakan integrasi ekonomi serantau yang membantu perdagangan rentas sempadan dan pelaburan serta memudahkan langkah-langkah bukan tarif.

**Carta 2.1**: Hubungan Rantaian Nilai dalam RCEP





*Sumber: UNCTAD, berdasarkan pangkalan data UNCTAD-Eora, 2019*

*Nota: Saiz bulatan mewakili bahagian rantaian nilai dagangan bagi intra-RCEP. Ketebalan garisan menggambarkan jumlah rantaian nilai dagangan. Hanya jumlah dagangan melebihi $10 bilion diambil kira.*

Sebagai FTA terbesar di dunia yang merangkumi 15 negara dengan 2.2 bilion atau 29.7% daripada populasi dunia, RCEP mewakili US$24.8 bilion atau 28.9% daripada KDNK dunia, berdasarkan data Bank Dunia pada tahun 2018. Mengintegrasi rantaian nilai RCEP merupakan peranan PKS, termasuk perusahaan mikro, yang mewakili lebih daripada 90.0% populasi perniagaan merentasi rantau. Menyedari hakikat ini, RCEP dapat memberi saingan yang setara antara negara-negara membangun dan paling kurang membangun sambil menawarkan potensi pasaran yang besar kepada PKS Malaysia yang kini akan bertambah daripada 32 juta populasi domestik kepada 2.2 bilion populasi serantau. Bagi tujuan ini, bahagian khusus mengenai PKS memberikan peruntukan bagi pertukaran maklumat dan promosi langkah-langkah ketelusan untuk memudahkan perniagaan dan pelaburan dalam rantau, termasuk memberikan kerjasama ekonomi dan teknikal terutamanya kepada PKS.

Walaupun anggota RCEP berbeza dari segi tahap pembangunan ekonomi yang mungkin menimbulkan cabaran untuk usaha integrasi, kepelbagaian ini meningkatkan daya tarikan terhadap kumpulan ini secara menyeluruh bagi tujuan pelaburan, dengan kelebihan letakan saling melengkapi antara anggota. Berlatarbelakangkan keadaan ini, RCEP akan menyumbang kepada kelestarian Malaysia sebagai hab perdagangan dan destinasi pelaburan pilihan.

# Artikel Khas
## *SMEs Go Global*



Perdagangan eksport yang kukuh merupakan pemacu utama pengembangan KDNK benar, pewujudan pekerjaan dan aliran pendapatan per kapita. Sebagaimana di negara-negara seperti China, Korea Selatan, Singapura dan negara-negara sedang pesat membangun yang lain, pertumbuhan dalam industri eksport telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara berkenaan. Sebagai mengiktiraf peranan penting industri eksport dalam memacu pertumbuhan ekonomi, pada tahun 2014, Kerajaan telah memperkenalkan Program *Going Export* (Go-Ex) sebagai Program Berimpak Tinggi (*High Impact Programme*, HIP) 4 di bawah Pelan Induk PKS (2012 - 2020). Program Go-Ex telah dibangunkan dengan usaha sama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan dijenamakan semula sebagai *SMEs Go Global* pada tahun 2020. Penjenamaan semula program ini mengambil kira jurang pelaksanaan dan isu-isu baharu seperti kos perkhidmatan logistik pengangkutan yang tinggi bagi pengangkutan laut dan udara serta penyimpanan barangan sebelum penghantaran.

*SMEs Go Global* bertujuan memacu pengantarabangsaan PKS tempatan, terutamanya mereka yang berada dalam industri berpertumbuhan tinggi, serta bagi memudahkan penyertaan mereka dalam rantaian nilai global. Program ini telah dilancarkan pada 30 Januari 2020 dan dibuka untuk penyertaan secara rasminya pada 1 Julai 2020. Peserta program ini akan menerima bantuan kewangan dalam bentuk geran padanan, tertakluk kepada maksimum RM200,000 bagi setiap PKS. Skop bantuan kewangan untuk program ini merangkumi:

- Perkhidmatan penghubung pasaran;
- Perkhidmatan pakar pengamal (*practitioner expert*);
- Sewaan pejabat promosi jualan luar negara;
- Pembuatan prototaip produk untuk pembeli antarabangsa;
- Aktiviti pengurusan rantaian bekalan;
- Lawatan audit pembeli antarabangsa ke Malaysia;
- Aktiviti serapan pasaran luar negara;
- Pensijilan kualiti dan piawaian; dan
- Penyertaan dalam pasaran maya (*e-marketplace*).


*SMEs Go Global* bertujuan meningkatkan daya saing dan kemampuan PKS dalam menghasilkan produk yang memenuhi keperluan pasaran antarabangsa, dan seterusnya mendorong daya saing PKS di peringkat global. Matlamat utama *SMEs Go Global* adalah untuk membantu PKS menyumbang kepada peningkatan sebanyak 25.0% dalam nilai eksport negara menjelang akhir tahun 2025.

# Artikel Khas
# Platform Global bagi Menyokong Pengantarabangsaan PKS


Pengantarabangsaan menjadi kepentingan strategik dalam meningkatkan daya saing PKS. Memiliki kehadiran dalam pasaran global bukan sahaja dapat menjana pendapatan tambahan dan menyebarkan risiko untuk PKS tetapi juga dapat meningkatkan penjenamaan dan seterusnya menaikkan profil mereka dalam pasaran global. Walau bagaimanapun, tahap pengantarabangsaan PKS masih rendah. Sebagai contoh di Malaysia, walaupun 98.5% daripada pertubuhan perniagaan di negara ini merupakan PKS, bahagian peratusan eksport PKS hanyalah sebanyak 17.9% pada tahun 2019. Usaha untuk menggalakkan pengantarabangsaan PKS masih berterusan menerusi aktiviti-aktiviti, namun terhad untuk dijalankan pada waktu ini berikutan pandemik COVID-19. Bagi terus menyokong pengantarabangsaan PKS, tiga portal perdagangan antarabangsa – *Global Trade Helpdesk*, *UNCTAD Trade Portal* dan *Foresight Trade Portal* – telah dilancarkan untuk menyokong proses pengantarabangsaan PKS.

SMEinfo ONE STOP SME RESOURCES  SMEhub

**Membawa perniagaan anda ke seluruh dunia.**
**Navigasi proses menerusi 3 portal perdagangan sekarang!**




**GLOBAL TRADE HELPDESK**
- Maklumat perdagangan dan perniagaan dalam satu portal dalam talian.
- Membandingkan permintaan di seluruh pasaran, meneroka tarif dan keadaan akses pasaran lain, mengakses butiran mengenai pembeli, menavigasi proses eksport, mencari rakan kongsi perniagaan dan mengambil bahagian dalam latihan dan tutorial secara percuma.




**unctad.org**
- 195 profil negara dengan gambaran asas mengenai situasi ekonomi dan kewangan untuk perbandingan antara negara.
- Statistik mengenai perdagangan antarabangsa dan trend ekonomi.




**TRADE FORESIGHT**
- Menganalisis pasaran, produk dan industri
- 1,000,000 pembeli dan penjual dari lebih daripada 180 negara
- Maklumat mengenai 7,000+ produk yang diperdagangkan di seluruh dunia

**DUNIA DI HUJUNG JARI**

Maklumat lanjut:
https://www.smeinfo.com.my/international-sme-development/international-trade-portals

# BAB 3

# Ekosistem Pembiayaan untuk PKS



# Bab 3
# Ekosistem Pembiayaan untuk PKS



Dalam persekitaran domestik dan global yang mencabar, terdapat peningkatan dari segi sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang meningkat kepada 38.9% pada tahun 2019 berbanding 38.3% pada tahun 2018, membuktikan peranan PKS sebagai tunggak ekonomi Malaysia. Berikutan kejutan ekonomi yang dicetuskan oleh penularan COVID-19 dalam cara yang belum pernah terjadi sebelum ini, usaha perlu dipergiat untuk merealisasikan potensi sasaran makro seperti yang ditetapkan dalam Pelan Induk PKS (2012 - 2020) bagi meningkatkan sumbangan PKS sebagai pemacu pertumbuhan. Akses kepada pembiayaan yang merupakan salah satu daripada enam bidang tumpuan dalam Pelan Induk masih menjadi komponen penting bagi pembangunan sektor PKS yang berdaya maju dan mampan. Berdasarkan pelaporan dalam Pelan Tindakan Bersepadu PKS (*SME Integrated Plan of Action*, SMEIPA), Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM9.1 bilion (95.1% daripada jumlah dana untuk program pembangunan PKS) pada tahun 2019, bagi melaksanakan 38 program akses kepada pembiayaan untuk membantu 444,640 PKS. Peruntukan ini menyaksikan peningkatan sebanyak 39.6% kepada RM12.7 bilion pada tahun 2020 menerusi 93 program pembiayaan, dijangka akan memberi manfaat kepada 459,173 PKS. Perincian program boleh didapati di www.smeinfo.com.my.


Di samping itu, salah satu sasaran utama Pelan Sektor Kewangan (2011 - 2020) adalah meningkatkan rangkuman kewangan untuk membangunkan sistem inklusif yang bertindak sebagai penggerak bagi kesemua segmen masyarakat – termasuk mereka yang kurang mendapat perhatian – untuk mengakses perkhidmatan kewangan berkualiti dan berpatutan yang begitu penting bagi merealisasikan agenda kemakmuran bersama.

Berdasarkan pelaporan dalam Pelan Tindakan Bersepadu PKS (*SME Integrated Plan of Action*, SMEIPA), Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM9.1 bilion (95.1% daripada jumlah dana untuk program pembangunan PKS) pada tahun 2019, bagi melaksanakan 38 program akses kepada pembiayaan untuk membantu 444,640 PKS.

## EKOSISTEM PEMBIAYAAN PKS YANG KONDUSIF DAN KOMPREHENSIF

Bank Negara Malaysia (BNM) telah mewujudkan ekosistem pembiayaan yang komprehensif bagi memastikan terdapat capaian yang mesra PKS kepada perkhidmatan pembiayaan. Inisiatif yang diperkenalkan oleh BNM tertumpu kepada pembangunan dan infrastruktur pembiayaan, pembiayaan langsung dan skim jaminan, kemudahan pembiayaan, penyelesaian dan pengurusan pinjaman, saluran maklumat dan penyelesaian serta program capaian dan kesedaran.

**Carta 3.1**: Akses Berterusan kepada Perkhidmatan Pembiayaan



Pada tahun 2019, institusi kewangan terus memainkan peranan yang penting dalam menyediakan bantuan kepada PKS dengan menyalurkan dana sejumlah RM295.8 bilion, dan meluluskan pembiayaan baharu sebanyak RM71.2 bilion untuk lebih daripada 115,000 akaun. Kelulusan dan penyaluran pada tahun 2019 adalah setanding atau lebih tinggi daripada yang direkodkan pada tahun-tahun sebelumnya, dengan kira-kira 87.0% daripada jumlah akaun pembiayaan perniagaan adalah akaun PKS, membuktikan sokongan institusi kewangan terhadap PKS. Tiga daripada empat permohonan PKS untuk pembiayaan telah diluluskan pada tahun 2019. Setakat akhir bulan September 2020, jumlah bagi pinjaman baharu yang diluluskan untuk lebih daripada 105,000 akaun PKS mencapai RM48.0 bilion, dengan jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sebanyak RM183.5 bilion bagi menyokong PKS yang menghadapi cabaran perniagaan akibat pandemik COVID-19.

Keutamaan dasar pembiayaan terkini berpusat kepada peningkatan serta pembangunan ekosistem pembiayaan PKS yang menyeluruh untuk menyokong pertumbuhan PKS menerusi inisiatif yang menangani masalah biasa dihadapi PKS, seperti kemampuan pembiayaan, asimetri maklumat, pemulihan dan pengurusan penyelesaian pinjaman. Namun begitu, di sebalik usaha berkenaan, cabaran berterusan masih dihadapi oleh individu dan perniagaan dalam usaha mendapatkan kredit. Bagi mengatasi masalah ini, pada bulan Ogos 2019, BNM telah bekerjasama dengan Credit Guarantee Corporation Malaysia (CGC), Agensi Kaunseling Kredit & Pengurusan Hutang (AKPK) dan industri kewangan untuk melancarkan MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan) bagi membantu perniagaan dan individu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

MyKNP bertindak sebagai pusat sehenti dengan peminjam dibantu untuk lebih memahami alasan permohonan dana mereka tidak berjaya dan nasihat akan diberikan untuk meningkatkan peluang permohonan mereka pada masa hadapan. Peminjam diberikan penerangan mengenai pendokumenan yang digunakan oleh institusi kewangan bagi menilai kedudukan kredit individu atau perusahaan dan menawarkan cadangan untuk meningkatkan pendapatan atau merasionalisasi pinjaman atau komitmen lain sedia ada bagi menambah baik prospek kejayaan permohonan mereka.

Dalam perihal PKS, MyKNP akan melakukan diagnosis mengenai cabaran yang dihadapi oleh pemohon yang tidak berjaya dan menyediakan tindakan yang dapat diambil oleh PKS untuk meningkatkan peluang memperolehi pembiayaan di masa hadapan. Ini termasuk menyerahkan permohonan ke beberapa institusi kewangan atau pembiayaan alternatif menerusi platform imSME kerana sebilangan pembiaya mungkin mempunyai kecenderungan untuk memberi pinjaman kepada perniagaan dengan profil risiko tertentu. Setakat akhir bulan September 2020, MyKNP telah membantu lebih daripada 1,600 PKS dan pembeli rumah bagi permohonan pembiayaan mereka.

MyKNP bertindak sebagai pusat sehenti dengan peminjam dibantu untuk lebih memahami alasan permohonan dana mereka tidak berjaya dan nasihat akan diberikan untuk meningkatkan peluang permohonan mereka pada masa hadapan.

Pada bulan November 2020, AKPK telah memperkenalkan Meja Bantuan Perusahaan Mikro khusus untuk memudahkan perusahaan mikro memohon bantuan pembayaran balik daripada pihak bank. Penasihat kewangan AKPK akan memberi nasihat secara percuma mengenai pembayaran balik dan membantu perusahaan mikro untuk menyerahkan permohonan bantuan pembayaran balik mereka ke bank masing-masing.

Pada bulan Oktober 2019, BNM memperluas kriteria kelayakan untuk perniagaan yang ingin memohon bantuan di bawah Skim Penyelesaian Hutang Kecil (*Small Debt Resolution Scheme*, SDRS) bagi membolehkan bantuan disalurkan kepada perniagaan yang tidak aktif atau yang telah ditamatkan dengan menawarkan sumber pendapatan alternatif untuk menyusun semula obligasi pembiayaan mereka. Perluasan kriteria ini membantu mengelakkan PKS kebankrapan serta menyelesaikan obligasi hutang sebelum tindakan undang-undang diambil. Sejak awal, SDRS telah memudahkan penstrukturan semula pembiayaan untuk lebih daripada 1,300 akaun perniagaan yang berjumlah kira-kira RM1.8 bilion.



## DANA BNM UNTUK PKS YANG TERJEJAS AKIBAT COVID-19


BNM menawarkan pelbagai bantuan pembiayaan yang komprehensif menerusi Dana BNM untuk PKS yang terjejas akibat penularan COVID-19. Bagi mengurangkan kesan buruk penularan COVID-19 kepada perniagaan dan isi rumah, BNM telah meningkatkan peruntukan dana yang berjumlah RM18.1 bilion setakat akhir bulan September 2020. Kenaikan peruntukan diumumkan sebagai sebahagian daripada Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA. Dana ini bertujuan menyokong PKS mengekalkan operasi perniagaan, melindungi pekerjaan serta mendorong pelaburan domestik.

### Kemudahan Bantuan Khas

Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) bertujuan meringankan beban kewangan dan membantu penyambungan semula operasi perniagaan PKS yang terjejas akibat penularan COVID-19. Kemudahan ini – yang dirancang khusus untuk membantu PKS menguruskan aliran tunai mereka dengan lebih baik serta mewujudkan penimbal untuk pemulihan – menawarkan akses kepada pembiayaan yang berpatutan pada kadar 3.5%, termasuk yuran jaminan dan tempoh enam bulan penangguhan untuk pembayaran balik. SRF boleh diakses menerusi 18 institusi kewangan yang mengambil bahagian, dengan perlindungan jaminan daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dan CGC.

Lebih daripada 21,000 akaun PKS telah memperolehi manfaat daripada RM10 bilion yang diperuntukkan kepada SRF, yang berperanan membantu melindungi pekerjaan untuk lebih daripada 450,000 pekerja di seluruh negara. Lebih daripada 80.0% benefisiari ini adalah perusahaan mikro atau kecil, termasuk PKS di peringkat permulaan dengan tempoh operasi kurang daripada tiga tahun serta peminjam kali pertama yang menghadapi cabaran lebih berat untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak bank berikutan rekod prestasi yang tidak mencukupi. Kira-kira 52.3% penerima yang diluluskan adalah dalam perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; 15.2% dalam pembuatan; 9.0% dalam pelancongan; 9.8% dalam kewangan, insurans dan hartanah; 9.0% dalam pembinaan; 5.6% dalam pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; 3.4% dalam pertanian primer serta 0.3% dalam perlombongan dan pengkuarian.

**Carta 3.2**: Benefisiari Kemudahan Bantuan Khas




**52.3%** Perdagangan Borong & Runcit, Restoran dan Hotel

**15.2%** Pembuatan

**9.8%** Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan berkaitan Perniagaan

**9.0%** Pembinaan

**5.6%** Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi

**4.3%** Lain-lain

**3.4%** Pertanian Primer

**0.3%** Perlombongan dan Pengkuarian

*Sumber: Status diperolehi setakat 7 Ogos 2020 daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian*

- Kira-kira separuh daripada penerima yang menerima kelulusan adalah dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit.
- 9.0% berada dalam pelancongan (contoh: hotel bajet dan agensi pelancongan), pengangkutan (contoh: pengusaha bas) dan industri perkhidmatan peribadi (contoh: pengurusan acara, perancang perkahwinan, dobi, salun kecantikan dan perkhidmatan pencetakan).
- Lebih daripada 80.0% adalah perusahaan mikro atau kecil.
- Salah satu pinjaman paling sedikit yang diluluskan adalah RM5,000, diberikan kepada pemilik tunggal yang mengusahakan perniagaan pembiakan ikan patin dengan purata perolehan bulanan sebanyak RM2,900 dengan hanya seorang pekerja sepenuh masa.
- Purata saiz pembiayaan yang diluluskan adalah di antara RM305,600 untuk perusahaan mikro dan RM718,700 untuk perniagaan bersaiz sederhana.

Selain SRF, terdapat juga kemudahan pembiayaan lain yang turut tersedia di bawah Dana BNM untuk PKS iaitu:

- **Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility*, AF)**, dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk meningkatkan pengeluaran makanan bagi penggunaan domestik dan eksport;
- **Kemudahan Automasi dan Digital (*Automation and Digitalisation Facility*, ADF)**, dengan peruntukan sebanyak RM300 juta sebagai insentif kepada PKS untuk menerapkan automasi dan digitalisasi bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan; dan
- **Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (*All Economic Sectors*, AES)**.

PKS yang tidak terjejas dengan pandemik COVID-19 juga boleh mendapatkan pembiayaan daripada salah satu kemudahan ini tertakluk kepada kriteria kelayakan masing-masing dan penilaian oleh institusi kewangan yang mengambil bahagian.

Kemudahan **Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA *Tourism Financing Facility*, PTF)** diperkenalkan pada 30 Julai 2020 untuk menyokong PKS dalam sektor pelancongan dan sektor yang berkaitan dengan pelancongan dalam mengekalkan kemampuan mereka serta untuk menyesuaikan diri dan berdaya tahan semasa pasca-COVID-19. BNM menganggarkan lebih daripada 6,300 PKS akan memperolehi manfaat daripada kemudahan ini sahaja. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1 bilion, PKS boleh memohon kemudahan ini menerusi salah satu daripada 12 institusi kewangan yang mengambil bahagian. PKS layak untuk memohon sehingga RM300,000 manakala had bagi perusahaan mikro adalah RM75,000. Sebagaimana SRF, kadar pembiayaan bagi kemudahan ini adalah sebanyak 3.5%, yang digandingkan dengan tempoh penangguhan selama enam bulan untuk pembayaran balik. Setakat akhir bulan September 2020, dana yang masih tersedia untuk permohonan baharu adalah berjumlah RM2.0 bilion.



## PROGRAM iTEKAD

iTEKAD, satu komponen daripada Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat merupakan program pembiayaan mikro bagi perusahaan mikro dan mereka yang terjejas akibat kehilangan pendapatan disebabkan oleh penularan COVID-19. Program ini dikendalikan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan SME Corp. Malaysia, agensi Kerajaan lain dan pertubuhan bukan Kerajaan (*non-governmental organisations*, NGOs).

iTEKAD menawarkan modal permulaan dengan pengaturan pembiayaan mikro yang berpatutan bagi peserta yang layak memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka untuk menjana pendapatan yang berterusan. Selain menyediakan dana untuk modal kerja, program ini juga akan menggunakan dana zakat bagi pembelian perkakas dan peralatan seperti yang diperlukan oleh penerima yang layak.



Selain menyediakan dana untuk modal kerja, program ini juga akan menggunakan dana zakat bagi pembelian perkakas dan peralatan seperti yang diperlukan oleh penerima yang layak.

Pemohon yang layak untuk iTEKAD akan menjalani program latihan selama enam hari yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia, dan setelah tamat latihan, pemohon akan menerima pembiayaan untuk modal kerja dan dana zakat daripada BIMB. Setiap peserta akan dipantau oleh SME Corp. Malaysia selama enam bulan menerusi program mentor-mentee bagi memastikan para peserta mengaplikasi pengetahuan yang diterima semasa latihan dalam perniagaan mereka.

**Carta 3.3**: Program iTEKAD




**Ciri-ciri Unik iTEKAD**

- Menggabungkan pembiayaan dengan instrumen kewangan sosial untuk mengurangkan keberhutangan
- Skim pembiayaan mikro yang berpatutan tanpa cagaran, kadar pembiayaan yang rendah dan pengeluaran yang pantas

Pada fasa berikutnya yang akan dilancarkan pada tahun 2021, iTEKAD akan diperluas bagi melibatkan bank-bank Islam, negeri, pertubuhan bukan Kerajaan atau perusahaan sosial. Instrumen kewangan sosial yang lain seperti wakaf tunai akan turut diteroka.

## PENANGGUHAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA KEMUDAHAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN

Pada awal tahun 2020, BNM dengan kerjasama sektor kewangan telah memperkenalkan penangguhan bayaran (moratorium) secara automatik terhadap pembayaran balik pinjaman dan pembiayaan selama enam bulan bermula 1 April. Moratorium ini bertujuan mengurangkan masalah aliran tunai individu dan isi rumah yang terjejas akibat penularan COVID-19. Moratorium ini diberikan kepada pinjaman berbayar, dalam denominasi Ringgit Malaysia serta tidak mempunyai tunggakan melebihi 90 hari setakat 1 April 2020.

Bagi kemudahan kad kredit, bank akan menukar baki terkumpul menjadi pinjaman bertempoh selama tiga tahun dengan pengurangan kadar faedah bagi membantu peminjam menguruskan pinjaman mereka dengan lebih baik. Tiada bayaran tambahan atau caj pembayaran lewat akan dikenakan terhadap pembayaran ini sehingga tamat tempoh berdasarkan jadual pembayaran yang disemak semula yang dipersetujui dengan peminjam atau pelanggan. Walau bagaimanapun, peminjam boleh memilih untuk keluar daripada penangguhan ini dengan memaklumkan kepada pihak bank sewajarnya dan meneruskan pembayaran berjadual berdasarkan syarat perjanjian sedia ada. Dalam konteks ini, peminjam atau pelanggan diberi tempoh yang munasabah oleh pihak bank untuk mengatur sebarang tunggakan pembayaran berjadual yang telah ditangguhkan sebelum ini di bawah moratorium.

Pada bulan-bulan akhir pelepasan pembayaran pinjaman, bengkel secara maya tentang penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman serta siri webinar dilancarkan bagi meningkatkan kemampuan PKS menguruskan kewangan serta meningkatkan kesedaran tentang mengakses pengaturan penstrukturan dan penjadualan semula. Menjelang tarikh tamat moratorium yang berakhir pada 30 September 2020, BNM mengumumkan pelanjutan moratorium dan pembayaran balik yang fleksibel kepada individu dan PKS yang masih terjejas dengan pandemik COVID-19. Moratorium yang disasarkan memastikan golongan yang paling memerlukan, seperti mereka yang kehilangan pekerjaan atau mengalami pengurangan pendapatan diberikan perhatian agar dapat meringankan cabaran pendapatan dan aliran tunai mereka. Bank akan memberikan lanjutan moratorium bersasar dan menyediakan fleksibiliti terhadap pembayaran balik seperti berikut:

- Individu yang telah kehilangan pekerjaan pada tahun 2020 dan masih menganggur akan ditawarkan tempoh tiga bulan lanjutan moratorium.

- Individu yang bekerja tetapi gaji terjejas berikutan COVID-19 akan ditawarkan pengurangan bayaran ansuran pinjaman yang setara dengan pengurangan gaji mereka, bergantung kepada jenis pembiayaan. Bank akan menawarkan fleksibiliti untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan. Pelanjutan fleksibiliti pada akhir tempoh akan dipertimbangkan bergantung kepada gaji peminjam pada masa itu.

- Pihak bank juga komited untuk memberikan fleksibiliti pembayaran balik kepada individu lain dan semua peminjam PKS yang terjejas akibat COVID-19 sehingga peminjam berada dalam kedudukan yang lebih stabil dari segi kewangan bagi memulakan pembayaran balik sepenuhnya. Tertakluk kepada keadaan tertentu setiap peminjam, ini mungkin termasuk membenarkan peminjam membayar hanya faedah pinjaman dalam jangka masa tertentu atau memanjangkan tempoh pinjaman bagi mengurangkan nilai ansuran bulanan.

## BANTUAN DARIPADA CREDIT GUARANTEE CORPORATION UNTUK PKS YANG TERJEJAS AKIBAT COVID-19


Credit Guarantee Corporation (CGC) telah memperkenalkan beberapa skim untuk menyokong PKS dalam mengekalkan operasi perniagaan mereka semasa pandemik COVID-19.

### Kemudahan Bantuan Khas BizJamin

Kemudahan Bantuan Khas BizJamin yang tersedia pada 6 Mac 2020 bertujuan mengurangkan masalah aliran tunai jangka pendek bagi PKS dalam menyokong mereka mengekalkan perniagaan. Sebagai sebahagian daripada PRIHATIN, kadar pembiayaan kemudahan ini diturunkan daripada 3.75% kepada 3.50% setahun.

Di bawah kemudahan SRF, CGC memberikan perlindungan jaminan menerusi BizJamin SRF dan BizJamin-i SRF sehingga RM2.5 bilion kepada institusi kewangan yang mengambil bahagian. Setakat pertengahan Jun 2020, CGC telah meluluskan hampir 4,500 akaun dan menggunakan sepenuhnya peruntukan sebanyak RM2.5 bilion bagi pinjaman di bawah kedua-dua skim BizJamin dan BizJamin-i. Sebagai tambahan, CGC juga akan terus mengambil bahagian dalam Skim Khas BNM pada tahun 2021. Skim Khas ini seperti Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (*Targeted Relief and Recovery Facility*, TRRF) dan Kemudahan Teknologi Tinggi (*High Tech Facility*, HTF) adalah untuk menyediakan bantuan lebih lanjut dan untuk menyokong pemulihan PKS yang disasarkan serta mengekalkan kedudukan mereka dalam rantaian nilai global (*Global Value Chain*, GVC).

**Carta 3.4**: Kemudahan Bantuan Khas CGC




### Penstrukturan dan Penjadualan Semula

Proses penstrukturan dan penjadualan semula terus dipermudah oleh CGC menerusi pengurangan pendokumenan dan keperluan justifikasi. Rancangan penstrukturan dan penjadualan semula yang disemak kini terbuka kepada PKS yang mempunyai pinjaman atau pembiayaan dengan CGC di bawah skim BizMula-i, BizWanita-i, Penebusan dan Penukaran, skim risiko penuh serta Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i). Peminjam boleh memohon penstrukturan dan penjadualan semula dengan bayaran tambahan (maksimum 24 bulan) sewaktu tempoh masa yang mereka hanya perlu membayar faedah

atau keuntungan dan jumlah pokok minimum. Setakat September 2020, lebih daripada 1,300 akaun yang terjejas akibat COVID-19 telah menerima kelulusan bagi penstrukturan dan penjadualan semula.

Sejak pengumuman moratorium yang berkuat kuasa pada April 2020, tiada permohonan baharu yang diterima daripada pelanggan CGC bagi penstrukturan dan penjadualan semula untuk skim risiko penuh dan skim pembiayaan langsung. CGC telah meningkatkan usaha untuk mendekati pelanggan, terutamanya daripada sektor yang terjejas teruk seperti pelancongan dan makanan & minuman, untuk bertanyakan tentang keperluan mereka bagi penstrukturan dan penjadualan semula setelah berakhir moratorium pada bulan September 2020.

**Skim Pembiayaan Langsung yang Lain**

- **BizMula-i dan BizWanita-i**
  Pembiayaan BizMula-i dan BizWanita-i adalah bagi tujuan modal kerja dan / atau pemerolehan aset seperti pembelian mesin, kelengkapan dan pengubahsuaian premis perniagaan. Kadar pembiayaan bagi BizMula-i telah diturunkan kepada 7.0% manakala untuk BizWanita-i kini pada 6.8%.

- **BizBina-i**
  BizBina-i khusus untuk perniagaan yang terjejas akibat bencana alam, dan dalam konteks semasa, pandemik COVID-19. Pembiayaan ini adalah untuk modal kerja. Kadar keuntungan juga telah dikurangkan daripada 5.0% kepada 3.5% setahun manakala tempoh pembiayaan dilanjutkan sehingga lima tahun enam bulan bersama-sama dengan enam bulan moratorium bagi pembayaran balik.

## PEMBIAYAAN ALTERNATIF

PKS Malaysia terus mendapat akses kepada pelbagai sumber pembiayaan bagi menampung keperluan mereka di setiap peringkat kitaran perniagaan. Dengan kemunculan aktiviti perniagaan jenis baharu yang inovatif, pembiayaan secara tradisional didapati semakin tidak mencukupi.



Bagi memenuhi keperluan unik perniagaan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memudahkan pembangunan platform pembiayaan alternatif yang menghubungkan penerbit dengan kumpulan pelabur yang tidak digunakan secara tradisional menerusi saluran yang lebih murah, pantas dan sesuai. Terdapat sebilangan pembiayaan alternatif daripada saluran bukan perbankan seperti modal teroka (*venture capital*, VC), pendanaan ekuiti ramai (*equity crowdfunding*, ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (*peer-to-peer*, P2P).

### Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian

Setakat 31 Disember 2019, terdapat 122 syarikat yang berdaftar dengan jumlah dana yang diperuntukkan oleh pihak pengurusan adalah sebanyak RM5.9 bilion. Penurunan marginal sebanyak 1.4% tahun ke tahun disebabkan oleh beberapa dana yang telah hampir tamat tempoh. Pada tahun 2019, aktiviti pelaburan menurun sebanyak 7.6% kepada RM566.37 juta berbanding RM613.28 juta pada tahun 2018. Pada akhir tahun 2019, jumlah pelaburan terkumpul adalah sebanyak RM2.96 bilion.

Setakat 31 Disember 2019, terdapat 122 syarikat yang berdaftar dengan jumlah dana yang diperuntukkan oleh pihak pengurusan adalah sebanyak RM5.9 bilion.

Bilangan syarikat penerima pelaburan juga menurun daripada 387 pada tahun 2018 kepada 304 pada tahun 2019. Sebaliknya, aktiviti penyahlaburan meningkat daripada RM161 juta pada tahun 2018 kepada RM631.16 juta pada tahun 2019. Penyahlaburan ini, sama ada sebahagian atau penuh, melibatkan 149 syarikat penerima pelaburan berbanding 75 syarikat pada tahun 2018. Peningkatan mendadak dalam penyahlaburan disebabkan terutamanya oleh penyusunan semula sebuah firma modal teroka utama yang mengakibatkan beberapa pelaburan ditamatkan menerusi jualan dagangan, belian balik saham atau dihapus kira.

Dana awam kekal sebagai sumber modal terbesar kepada industri modal teroka dan ekuiti persendirian, dengan agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan yang merangkumi 41.1%, dan dana kekayaan negara menyumbang sebanyak 24.4%. Sumbangan sektor swasta kepada industri ini didahului oleh pelabur korporat (21.5%), diikuti oleh dana pencen dan kumpulan wang simpanan (5.4%), pengurusan aset (3.4%) serta pelabur individu dan perniagaan keluarga (2.8%).


**Jadual 3.1**: Statistik Peserta Industri

| | 31 Disember 2019 | 31 Disember 2018 |
|---|---|---|
| Bilangan syarikat berdaftar | 122 | 117 |
| Bilangan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) dan syarikat modal teroka (VCC) berdaftar | 105 | 105 |
| Bilangan syarikat pengurusan ekuiti persendirian (PEMC) dan syarikat ekuiti persendirian (PEC) berdaftar | 17 | 12 |
| Bilangan syarikat penerima pelaburan | 304 | 387 |
| Bilangan modal teroka dan ekuiti persendirian profesional* | 220 | 235 |

** Profesional dengan pengalaman melebihi empat tahun*

*Sumber: Laporan Tahunan 2019, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*

**Carta 3.5**: Sumber Dana (2019: RM5.9 bilion)




*Sumber: Laporan Tahunan 2019, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*



## Pendanaan Ekuiti Ramai

Sebanyak RM73.74 juta telah dikumpulkan menerusi 80 kempen pendanaan ekuiti ramai (ECF) sejak bermula pertama kali pada tahun 2016. Sebanyak 77 penerbit telah memperolehi manfaat daripada kempen yang mempunyai kadar kejayaan sebanyak 85.0%.

Pada tahun 2019, modal sejumlah RM25.16 juta telah dikumpulkan menerusi 29 kempen, dengan 59.0% daripada kempen ini mengumpul dana bagi projek yang bertumpu kepada teknologi. Seperti pada tahun 2018, terdapat peningkatan dalam bilangan kempen yang berjaya pada tahun ini dengan sebahagian besarnya adalah untuk modal RM500,000 dan ke bawah.

**Jadual 3.2**: Bilangan Penerbit dengan Kempen Berjaya, 2018 - 2019

| | 2018 | 2019 |
|---|---|---|
| Bilangan kempen | 14 | 29 |
| Bilangan penerbit | 14 | 29 |

*Sumber: Laporan Tahunan 2019, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*

**Jadual 3.3**: Pengagihan Kuantiti Pengumpulan Dana

| Jumlah | Bahagian (%) |
|---|---|
| RM500,000 dan ke bawah | 55 |
| Lebih daripada RM500,000 dan sehingga RM1.5 juta | 24 |
| Lebih daripada RM1.5 juta dan sehingga RM3 juta | 21 |

*Sumber: Laporan Tahunan 2019, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*

**Pembiayaan antara Rakan Setara**

Pembiayaan antara rakan setara (P2P) telah menunjukkan kemajuan yang baik dalam memenuhi keperluan pembiayaan PKS sejak pelancaran kerangka kewangan pembiayaan ini pada tahun 2016. Sehingga kini, RM632.38 juta telah dikumpulkan menerusi kejayaan 8,102 kempen. Sebanyak 1,866 penerbit telah memanfaatkan kempen ini yang telah mencapai 99.0% kadar kejayaan.

Pada tahun 2019, jumlah modal yang diperolehi menunjukkan peningkatan yang teguh sebanyak 131.0%, yang berjumlah RM418.63 juta menerusi 5,583 kempen yang berjaya. Dari segi saiz kempen, kecenderungan adalah lebih kepada jumlah pengumpulan dana yang lebih kecil yang menunjukkan bahawa 72.0% kempen adalah untuk pengumpulan dana sebanyak RM50,000 dan ke bawah.

**Jadual 3.4**: Bilangan Kempen dan Penerbit yang Berjaya, 2018 - 2019


| | 2018 | 2019 |
|---|---|---|
| Bilangan kempen | 1,901 | 5,583 |
| Bilangan penerbit | 602 | 1,420 |

*Sumber: Laporan Tahunan 2019, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*

Platform pembiayaan ECF dan P2P terus menyediakan sumber modal alternatif bagi membiayai aktiviti perniagaan PKS. Kini terdapat 21 pengendali platform pembiayaan berasaskan pasaran di Malaysia, yang terdiri daripada 10 platform pembiayaan ECF dan 11 platform pembiayaan P2P yang berdaftar dengan SC. Pada tahun 2019, tiga pengendali pembiayaan ECF dan lima pengendali pembiayaan P2P yang baharu telah diluluskan. Sepanjang tahun 2019, hampir RM444 juta pembiayaan telah disalurkan kepada PKS, peningkatan ketara daripada RM196 juta yang dikumpulkan pada tahun 2018. Segmen ECF juga menyaksikan kejayaan tiga penerbit yang membolehkan pelabur merealisasikan keuntungan mereka. Perkembangan ini diharap dapat menarik lebih banyak kecairan ke dalam pasaran ECF.



**Carta 3.6**: Sorotan Platform Pembiayaan ECF dan P2P




*Catatan: Data terkumpul sejak penubuhan ECF pada 2015 dan P2P pada 2016.*

*Sumber: Laporan Tahunan 2019, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*

Berlatarbelakangkan pandemik COVID-19 dengan kesannya yang buruk terhadap punca pendapatan usahawan, SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan beberapa pemain P2P dan ECF seperti Funding Societies, MoneySave dan microLEAP PLT untuk meneroka kaedah yang menawarkan beberapa bentuk bantuan pembiayaan kepada usahawan mikro dan PKS.

***Malaysia Co-investment Fund***

*Malaysia Co-investment Fund* (MyCIF) telah ditubuhkan selepas Kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM50 juta menerusi Belanjawan 2019. MyCIF, yang ditadbir oleh SC akan melabur bersama pelabur swasta dalam platform ECF dan P2P. Dana ini bertujuan menjadi pemangkin kepada PKS untuk mengakses pembiayaan menerusi platform ECF dan P2P sebagai pendekatan alternatif untuk pengumpulan dana serta menyediakan ketelusan dalam pengeluaran dana awam bagi perusahaan yang disasarkan. Pada bulan Oktober 2019, MyCIF memulakan pelaburan bersama dalam kempen pembiayaan ECF dan P2P.






Dalam Belanjawan 2020, sebanyak RM50 juta lagi telah diperuntukkan kepada dana sedia ada, dengan tambahan sejumlah RM10 juta khusus untuk perusahaan sosial. MyCIF melabur bersama pada nisbah 1:4 di samping pelabur swasta bagi membolehkan dana awam memberi manfaat kepada sejumlah besar PKS. Pelaburan bersama hanya akan berlaku setelah dana yang cukup dikumpulkan daripada pelabur swasta, membolehkan MyCIF untuk memanfaatkan 'budi bicara khalayak ramai' dalam menentukan PKS yang layak dengan profil pelaburan bersama.

PKS yang menerima pelaburan bersama daripada MyCIF diminta melaporkan prestasi perniagaan mereka kepada Jawatankuasa MyCIF, dengan memberikan data yang berguna untuk mengukur hasil dana. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil SC, Kementerian Kewangan dan pengurus dana bebas. Oleh kerana MyCIF melabur dengan terma komersial yang sama dengan pelabur swasta yang lain, dana ini dijangka akan berkesudahan menjadi dana kendiri dan tidak perlu bergantung kepada dana awam.

# Artikel Khas
# imSME - Platform Rujukan Pembiayaan / Pinjaman Pertama Malaysia



imSME yang merupakan platform rujukan pembiayaan / pinjaman pertama PKS telah dilancarkan oleh CGC pada 9 Februari 2018. Inisiatif yang diambil oleh CGC ini memanfaatkan digitalisasi bagi memenuhi keperluan pembiayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan institusi kewangan yang bersesuaian. Hasil yang ditunjukkan positif, dengan platform dalam talian membantu pelanggan menjimatkan masa dan mengurangkan kebergantungan sumber dalam pencarian pembiayaan yang bersesuaian. Platform ini juga berfungsi sebagai pusat sehenti bagi pembiayaan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Platform ini mempunyai Pasukan Penasihat Kewangan (*Financial Advisory Team*, FA) yang membimbing pemohon yang tidak berjaya untuk meningkatkan peluang mereka dalam memohon pembiayaan pada masa hadapan dengan memberikan bantuan seperti berikut:

Melakukan tinjauan dan diagnosis yang komprehensif mengenai permohonan yang tidak berjaya atas sebab kegagalan mendapatkan produk yang sesuai atau permohonan ditolak oleh pihak bank yang mengambil bahagian.

Memberi khidmat nasihat kewangan bagi:

- Meningkatkan celik kewangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang berkaitan dengan penyimpanan rekod, termasuk rekod pembayaran balik.
- Mengesyorkan sumber alternatif seperti syarikat pembiayaan P2P atau institusi pembiayaan lain.

Memberi bimbingan perniagaan untuk menambah baik dan memperbaiki kekurangan pemohon dan mengesyorkan mereka kepada rakan kongsi yang berkeupayaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan operasi kewangan (tatabuku, penentuan kos, penganggaran, unjuran, aliran tunai), kredit (kriteria penilaian kredit biasa) dan perniagaan (model perniagaan dan pembangunan rancangan perniagaan).

Kini imSME menawarkan 40 produk daripada 25 bank yang mengambil bahagian, dengan senarai rakan kongsi yang sentiasa dikaji dan dikembangkan. Antara pilihan pembiayaan alternatif lain dalam ekosistem pembiayaan PKS termasuk P2P dan ECF seperti FinPal, Funding Societies, Fundaztic dan CrowdPlus.asia. imSME juga telah bekerjasama dengan agensi pembangunan kapasiti seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan (CEDAR).

imSME membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana untuk mengakses sistem pembiayaan formal dengan hanya empat langkah mudah.

**Carta 1**: Empat Langkah kepada Pembiayaan




**Carta 2**: Perjalanan Pelanggan menerusi imSME



Bank yang sepadan akan menghubungi pemohon yang berjaya dalam masa dua hari bekerja, bergantung kepada jenis pembiayaan atau pinjaman.

Sejak penubuhan dan sehingga 30 September 2020, imSME secara terkumpul telah menerima 1.9 juta pengunjung, secara purata 2,000 sehari, dan mengumpul lebih daripada 32,900 pendaftaran perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Sebanyak 2,800 permohonan dengan jumlah sebanyak RM288.83 juta telah diluluskan. Hasil ini sejajar dengan objektif CGC untuk menjadikan imSME sebagai 'pasaran untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana'.

imSME terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dalam membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana mendapatkan produk pembiayaan atau pinjaman.

Jumlah pelawat meningkat dengan ketara semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac dan April 2020, dengan kenaikan masing-masing hampir empat kali ganda dan tujuh kali ganda dalam dua bulan berkenaan. Bagi sembilan bulan pertama tahun 2020, imSME telah menerima lebih daripada 700,000 pelawat, dan lebih daripada RM117 juta pinjaman dan pembiayaan telah diluluskan. Setakat 30 September 2020, pasukan Penasihat Kewangan telah membantu lebih daripada 21,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana, merujuk lebih daripada 11,400 perusahaan mikro, kecil dan sederhana kepada institusi kewangan dan pembangunan, platform P2P dan agensi pembangunan kapasiti, serta membantu 650 perusahaan mikro, kecil dan sederhana untuk mendapatkan pinjaman dan pembiayaan. Bagi meningkatkan kecekapan imSME, CGC telah mencipta *chatbot* yang dikenali sebagai iDA (*imSME Digital Assistant*) yang beroperasi selama 24/7 dan bersedia untuk menjawab lebih daripada 600 soalan berkaitan perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

imSME terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dalam membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana mendapatkan produk pembiayaan atau pinjaman. Sumber pembiayaan yang disediakan oleh imSME terdiri daripada 25 institusi kewangan, institusi kewangan Islam dan institusi kewangan pembangunan yang menawarkan 40 produk pembiayaan dan pinjaman, lapan penerbit dan pemberi pinjaman P2P, tiga pemberi dana ECF, satu penyedia geran dan tiga agensi pembangunan kapasiti. Melangkah ke hadapan, peranan imSME bakal menjadi sangat penting dalam senario pasca pandemik COVID-19 kerana platform digital meningkatkan peranan mereka dalam memenuhi keperluan pembiayaan dan selanjutnya pertumbuhan dan kelestarian perusahaan mikro, kecil dan sederhana.



# BAB 4

# Teknologi, Inovasi dan Digitalisasi



# Bab 4
# Teknologi, Inovasi dan Digitalisasi



## MEMPERCEPAT DIGITALISASI

Digitalisasi adalah penting bagi kelestarian PKS dalam ekonomi baharu. Oleh kerana digitalisasi terus berkembang pesat di seluruh dunia, adalah penting untuk PKS Malaysia menerima ekonomi digital bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dan juga membantu memacu pertumbuhan ekonomi. E-dagang merupakan pengubah keadaan bagi PKS dengan kehadiran dalam talian telah membuka peluang baharu yang besar bagi PKS untuk melepaskan diri daripada keterbatasan pasaran kecil dan memasuki pasaran global dengan berbilion pelanggan. Daripada perspektif kos, membina kehadiran dalam talian hanya melibatkan sebahagian kecil kos berbanding kedai fizikal serta pelaburan minimum dalam penyelesaian e-dagang.

Tambahan lagi, media sosial, perkhidmatan berasaskan awan dan pasaran digital meningkatkan bidang lapangan untuk PKS dengan firma besar dari segi peningkatan produktiviti dalam operasi perniagaan seperti pemasaran, perakaunan, penjualan dan pembayaran gaji serta pengurusan inventori. Kajian Digital terhadap PKS Malaysia 2018 yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia dan Huawei Technologies (M) Sdn Bhd menunjukkan bahawa PKS yang menggunakan media sosial dan e-dagang dalam operasi perniagaan mereka merekodkan peningkatan produktiviti di antara 26.0% sehingga 27.0%, membuktikan bahawa memanfaatkan penggunaan internet bagi e-dagang akan meningkatkan peluang pertumbuhan, produktiviti jualan dan penciptaan kekayaan untuk PKS dan akhirnya untuk ekonomi secara amnya.

Media sosial, perkhidmatan berasaskan awan dan pasaran digital meningkatkan bidang lapangan untuk PKS dengan firma besar dari segi peningkatan produktiviti dalam operasi perniagaan seperti pemasaran, perakaunan, penjualan dan pembayaran gaji serta pengurusan inventori.

Menyedari peranan penting digitalisasi dalam ekonomi baharu, Kerajaan telah memperkenalkan sejumlah inisiatif dan program bagi memenuhi keperluan khusus untuk PKS dan usahawan dengan memberikan sokongan dalam bentuk pembiayaan, pembangunan modal insan dan bantuan akses pasaran. Program yang diperkenalkan bertujuan untuk menggalakkan

digitalisasi dalam kalangan PKS dan membina kehadiran dalam talian, termasuk:
- eTrade (Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE);
- eUsahawan dan Zon Perdagangan Bebas Digital (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia, MDEC);
- DesaMall@Online (Kementerian Pembangunan Luar Bandar);
- Program Digital Belia – Wira Muda (Kementerian Belia dan Sukan);
- Transformasi Produk dan Pengagihan Berkesan (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna); dan
- Pelaksanaan inisiatif e-Dagang di bawah Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan.

Program ini telah diperkukuh dengan pengenalan beberapa inisiatif di bawah pakej rangsangan ekonomi COVID-19 untuk membantu PKS dan usahawan membina kehadiran dalam talian bagi mengurangkan kesan pandemik terhadap operasi perniagaan fizikal mereka. Inisiatif ini merangkumi:
- RM70 juta untuk Kempen e-Dagang Perusahaan Mikro dan PKS bagi meningkatkan penerapan e-dagang;
- RM70 juta untuk '*Shop Malaysia Online*' bagi menggalakkan penggunaan pengguna dalam talian menerusi baucar e-dagang;
- RM20 juta untuk transformasi Pusat Internet Desa menjadi hab e-dagang; dan
- Geran sebanyak RM1,000 kepada 10,000 usahawan tempatan untuk menjual produk mereka menerusi e-dagang.

Penerapan teknologi digital dalam model perniagaan telah terbukti memberi manfaat kepada produktiviti dan kelestarian dalam jangka panjang, dan ini jelas terbukti terutamanya ketika krisis seperti pandemik COVID-19. Penerapan teknologi akan membantu merapatkan jurang produktiviti antara PKS dan firma besar menerusi peningkatan kapasiti dan kemampuan untuk berdaya saing dan berinovasi dengan lebih baik. Digitalisasi membolehkan PKS memanfaatkan peluang yang ditawarkan menerusi pelbagai platform dalam talian bagi mendapatkan bahagian pasaran yang lebih besar. Kelebihan yang ditawarkan menerusi penerapan teknologi digambarkan dengan baik dalam kes ARBA Travel & Tours Sdn Bhd. Model perniagaan syarikat ini memanfaatkan teknologi untuk operasi mereka dan ini membolehkan mereka berdaya tahan daripada kejutan yang dibawa oleh pandemik terhadap industri pelancongan.

Namun begitu, dengan semakin banyak platform dalam talian yang muncul dan persaingan yang semakin meningkat, perniagaan kecil mendapati bahawa semakin sukar untuk mengejar bahagian pasaran, terutamanya apabila bersaing dengan pemain asing yang besar. PKS kurang bernasib baik dalam hal penetapan harga kerana mereka tidak mempunyai skala ekonomi. Firma besar boleh memberikan tawaran yang lebih baik, misalnya, penghantaran pantas dengan harga yang lebih rendah, yang tidak mampu dilakukan oleh PKS, memandangkan margin mereka lebih tipis. Bagi menyamaratakan persaingan perniagaan domestik, Kerajaan telah memperkenalkan cukai perkhidmatan digital sebanyak 6.0% terhadap penyedia perkhidmatan digital asing di Malaysia mulai 1 Januari 2020.

Kajian Digital terhadap PKS Malaysia 2018 menunjukkan bahawa salah satu faktor yang menjadi halangan kepada digitalisasi dalam kalangan PKS adalah kekurangan bakat, dengan 48.0% responden melaporkan bahawa tenaga kerja mereka kurang kemahiran yang diperlukan untuk menggunakan alatan digital dalam operasi perniagaan seperti penjualan, pemasaran, pengeluaran, perancangan dan kewangan. Pembiayaan merupakan satu lagi halangan bagi digitalisasi, terutamanya untuk perusahaan mikro manakala PKS mempunyai keraguan

mengenai pulangan pelaburan digitalisasi mereka. Responden juga menyatakan kebimbangan mengenai keselamatan data dan isu perundangan yang boleh mengganggu operasi perniagaan dan mempengaruhi kepercayaan pelanggan antarabangsa.


Pandemik COVID-19 membentuk semula dunia perdagangan dan mempercepatkan peralihan daripada kedai fizikal kepada membeli-belah secara digital. Pembentukan semula ini telah menyebabkan lonjakan terhadap pembelian dalam talian dan perniagaan memberi sambutan dengan menerapkan teknologi dan mendapatkan platform e-dagang bagi memperoleh sebahagian daripada pasaran. Trend yang serupa juga kelihatan di Malaysia. Perkembangan tingkah laku pengguna dan transformasi PKS daripada model perniagaan konvensional kepada model perniagaan dalam talian akan menjadi penentu utama dalam pengembangan ekosistem e-dagang domestik semasa pasca COVID-19.

## MEMPROMOSIKAN TEKNOLOGI, INOVASI DAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN


### Kaji Selidik R&D Kebangsaan 2019

Perbelanjaan Kasar bagi Penyelidikan dan Pembangunan (*Gross Expenditure on Research and Development*, GERD) merupakan petunjuk utama bagi aktiviti penyelidikan & pembangunan (*research & development*, R&D) sesebuah negara. Sejak tahun 2008, GERD semakin meningkat di Malaysia.

**Carta 4.1**: Perbelanjaan R&D di Malaysia (2008 – 2018)




*Sumber: Kaji Selidik R&D Kebangsaan 2019, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi*



Sebanyak 73 lesen paten dan lesen pengetahuan teknologi dikeluarkan pada tahun 2018, dengan sejumlah RM83.5 juta hasil telah dijana.

Kaji Selidik R&D Kebangsaan yang melaporkan aktiviti R&D di Malaysia antara perusahaan perniagaan (*business enterprises*, BE), institusi penyelidikan dan agensi Kerajaan (*Government research institutes and agencies*, GRI), institusi pengajian tinggi (*higher learning institutions*, HLI) dan pertubuhan bukan Kerajaan (*non-governmental organisations*, NGO) menunjukkan bahawa GERD di Malaysia dianggarkan bernilai RM15.06 bilion pada tahun 2018, iaitu penurunan sebanyak RM2.62 bilion berbanding RM17.68 bilion pada tahun 2016. BE adalah pemacu utama aktiviti R&D kecuali pada tahun 2014 dan 2018 apabila institusi pengajian tinggi (HLI) menyumbang kira-kira bahagian yang sama kepada GERD.


SME Corp. Malaysia menganggarkan bahagian GERD PKS berjumlah RM2.04 bilion atau 30.9% daripada GERD BE. GERD PKS sebagai bahagian daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dianggarkan sebanyak 0.15% dan kepada KDNK PKS sebanyak 0.39%. Penurunan GERD sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan aktiviti R&D oleh BE, yang menurun daripada RM10.01 bilion pada tahun 2016 (diperoleh daripada kaji selidik kebarangkalian) kepada RM6.61 bilion pada tahun 2018 (diperoleh daripada bancian). Penurunan GERD BE dikaitkan dengan pengurangan peruntukan atau pemotongan belanjawan.

Sebanyak 73 lesen paten dan lesen pengetahuan teknologi dikeluarkan pada tahun 2018, dengan sejumlah RM83.5 juta hasil telah dijana. Jumlah produk yang dikomersialkan adalah sebanyak 1,064, dengan penjanaan hasil sejumlah RM979.7 juta. Tiga jenis insentif R&D teratas yang diterima oleh perusahaan perniagaan adalah geran R&D atau geran padanan (31.9%), status perintis (31.9%) dan pengecualian cukai pendapatan (31.2%).

Lima faktor utama yang dinyatakan sebagai penghalang kepada aktiviti R&D BE adalah kekurangan kakitangan R&D yang mahir; sumber kewangan yang terhad atau peningkatan kos modal; kekurangan infrastruktur R&D dan perkhidmatan sokongan; ketidakcukupan dana Kerajaan; dan kesukaran untuk bekerjasama dengan institusi awam.


BE menumpukan aktiviti R&D mereka dalam bidang kejuruteraan dan teknologi (51.9%) serta teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology*, ICT) (34.7%). Bidang penyelidikan lain yang menyumbang kepada aktiviti R&D adalah sains semula jadi; sains sosial; sains perubatan dan kesihatan; pertanian dan perhutanan; ekonomi, perniagaan dan pengurusan; bioteknologi; dan kemanusiaan.

**Carta 4.2**: Perbelanjaan R&D mengikut Bidang Penyelidikan, 2018




*Sumber: Kaji Selidik R&D Kebangsaan 2019, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi*

**Carta 4.3**: Sumber Dana untuk Aktiviti R&D, 2018




*Sumber: Kaji Selidik R&D Kebangsaan 2019, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi*

Daripada jumlah perbelanjaan aktiviti R&D bagi BE, 70.0% adalah daripada syarikat besar manakala 17.0% daripada syarikat bersaiz sederhana dan 13.0% daripada syarikat bersaiz kecil. Perbelanjaan untuk R&D daripada perusahaan mikro merangkumi 0.9% daripada jumlah perbelanjaan BE.

# Artikel Khas

## *Sandbox* Inovasi dan Teknologi Nasional – Memajukan Malaysia menerusi Teknologi Canggih



*Sandbox* Inovasi dan Teknologi Nasional (*National Technology and Innovation Sandbox*, NTIS) adalah inisiatif utama yang diumumkan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi mendorong aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi menerusi peningkatan pembangunan dan akses kepada teknologi canggih. NTIS bertujuan untuk mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi, meningkatkan pertumbuhan KDNK dan Keluaran Negara Kasar (KNK) seiring dengan rangkuman sosial serta meningkatkan pelaburan dan kerjasama dalam penyelidikan di sektor swasta.

Sebagai pusat penyelaras dan kemudahan penyelesaian nasional, NTIS diberi kuasa untuk membenarkan kelonggaran bagi semua atau proses terpilih dan / atau keperluan kawal selia untuk mempercepatkan pembangunan penyelesaian inovatif daripada tahap R&D sehingga pengkomersialan. Dana berjumlah RM100 juta telah disediakan untuk menyokong penyelidik, inovator, syarikat di peringkat permulaan dan usahawan berteknologi tinggi dalam menguji produk, perkhidmatan, model perniagaan dan mekanisme penyampaian mereka dalam tetapan langsung.

Inisiatif ini diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), dengan MaGIC berkhidmat sebagai sekretariat utama. NTIS bertujuan untuk memacu pembangunan dan pengkomersialan projek berteknologi canggih, terutamanya yang berkaitan dengan teknologi keutamaan dengan teknologi berpotensi tinggi seperti yang disenaraikan di bawah.

| Sektor Keutamaan | Teknologi Keutamaan | |
|---|---|---|
| • Teknologi perubatan dan penjagaan kesihatan<br>• Perjalanan dan pelancongan<br>• Pembuatan<br>• Pertanian<br>• Pendidikan | • 5G/6G<br>• Teknologi sensor<br>• Percetakan 4D/5D<br>• Bahan termaju<br>• Sistem kecerdasan termaju<br>• Analisis terimbuh dan penemuan data<br>• Blok rantai | • Teknologi neuro<br>• Teknologi biosains<br>• Robotik<br>• Teknologi pembuatan<br>• Elektrik dan elektronik<br>• Keselamatan siber dan penyulitan<br>• Dron |

Peserta program NTIS akan menerima sokongan dalam bentuk:

- Program pembangunan kapasiti
- Kemudahan untuk akses pasaran dan perolehan
- Kemudahan pembiayaan
- Kemudahan untuk tapak uji dan persekitaran ujian
- Kemudahan dan semakan semula peraturan dan undang-undang
- Penerapan pelbagai industri

Individu rakyat Malaysia atau syarikat milikan rakyat Malaysia adalah layak untuk menyertai NTIS. Syarikat asing dengan usaha sama atau rancangan penggabungan dengan entiti milikan rakyat Malaysia juga layak untuk menyertai program ini setelah rancangan penggabungan diluluskan. NTIS akan mempertimbangkan kemasukan teknologi asing ke dalam program ini sekiranya penyelesaian teknologi berkenaan dimiliki oleh syarikat dengan majoriti milikannya adalah rakyat Malaysia. Namun begitu, penyelesaian teknologi yang dibawa mungkin tidak memenuhi syarat untuk dana Kerajaan.

Permohonan bagi program NTIS telah dibuka sejak 15 Julai 2020. Setakat bulan Ogos 2020, sebanyak 658 permohonan telah diterima, dengan 94 permohonan lengkap telah diproses. Enam projek perintis telah dikenal pasti untuk memulakan program seperti berikut:

**01**

Penggunaan robot mudah alih ringan dalam sektor pertanian untuk meningkatkan prestasi kerja dengan tenaga manusia yang kurang.

**02**

Respirator separa (*semi-ventilator*) untuk pesakit yang mengalami kesukaran bernafas.

**03**

Robot untuk membantu proses pemulihan pesakit strok atau pesakit lain dengan fungsi anggota badan yang terhad atau terjejas kerana keadaan perubatan.

**04**

Penyelesaian dron untuk mengautomatikkan penyemburan racun perosak ketepatan tinggi bagi mengurangkan masa dan kos operasi di sektor pertanian.

**05**

Pilih dan letak robot linear (*pick-and-place linear robot*) untuk digunakan dalam sektor pembuatan bagi mengurangkan tenaga manusia dan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kualiti.

**06**

Robot penghantaran buatan Malaysia untuk membantu pegawai kesihatan dalam menyediakan penjagaan kepada pesakit COVID-19 dengan mengurangkan potensi pendedahan terhadap virus secara drastik.


Maklumat lebih lanjut mengenai NTIS boleh didapati di www.sandbox.gov.my.

# Artikel Khas
## PKS dan Penerapan ICT



Banci Ekonomi 2016 (tahun rujukan 2015) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia, DOSM) menunjukkan bahawa penggunaan komputer dalam kalangan PKS telah meningkat, daripada hanya 27.0% PKS pada tahun 2010 kepada 73.1%. Pada tahun 2015, sejumlah 56.5% PKS telah menggunakan perkhidmatan internet dan 20.1% PKS mempunyai kehadiran dalam talian untuk perniagaan mereka. Majoriti PKS (81.8%) mengakses internet menerusi jalur lebar tetap manakala yang lain menggunakan jalur lebar mudah alih (26.9%) dan jalur sempit (5.5%). PKS menggunakan internet terutamanya untuk e-mel (71.2%), perbankan internet (41.2%), mendapatkan maklumat mengenai barangan dan perkhidmatan (38.5%) dan menghantar maklumat atau pesanan segera (36.9%).


**Carta 1**: Penggunaan ICT dalam kalangan PKS




*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

Di antara tahun 2003 dan 2015, jumlah PKS yang terlibat dalam subsektor teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology*, ICT) telah meningkat, secara purata sebanyak 17.6% setiap tahun. Dari tahun 2005 hingga 2015, bahagian PKS dalam ICT berbanding jumlah PKS dan berbanding jumlah PKS dalam sektor perkhidmatan telah meningkat sebanyak empat kali ganda.

**Carta 2**: Peratusan Bahagian PKS dalam Subsektor ICT mengikut Saiz (Merentas pelbagai Banci Ekonomi)





*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*



## PKS dan E-dagang

Banci Ekonomi 2016 menunjukkan bahawa hanya 4.8% PKS (43,460 daripada 907,065 PKS) yang terlibat dalam urus niaga e-dagang pada tahun 2015, dengan sebahagian besar daripadanya adalah dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dalam sektor perkhidmatan, subsektor borong dan runcit serta teknologi maklumat dan komunikasi merupakan pemain utama e-dagang. Lebih daripada separuh PKS yang terlibat dalam e-dagang tertumpu di Selangor (34.6%) dan Kuala Lumpur (28.8%). Terdapat banyak peluang bagi PKS untuk meningkatkan profil pasaran produk atau perkhidmatan mereka dengan menceburi platform e-dagang, memandangkan platform e-dagang adalah saluran penjualan yang paling menjimatkan.

Pada tahun 2015, dari segi transaksi pendapatan dan perbelanjaan menerusi e-dagang, sektor pembuatan merupakan penyumbang utama dalam pasaran domestik manakala sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama di pasaran luar negara. Pendapatan PKS daripada urus niaga e-dagang berjumlah RM90.2 bilion, dengan RM84.9 bilion (94.1%) dihasilkan dalam negara dan RM5.3 bilion (5.9%) dari luar negara. Pendapatan tertinggi, berjumlah RM68.9 bilion (76.4%), dihasilkan menerusi transaksi perniagaan ke perniagaan (*business-to-business*, B2B), diikuti oleh perniagaan ke pengguna (*business-to-consumer*, B2C) dengan RM17 bilion (18.9%) dan perniagaan ke Kerajaan (*business-to-Government*, B2G) dengan RM4.2 bilion (4.7%). Transaksi perbelanjaan PKS yang terlibat dalam e-dagang bernilai RM33.9 bilion, dengan 93.8% dibelanjakan di dalam negara dan 6.2% di luar negara. Transaksi perbelanjaan B2B menyumbang sebanyak 93.1% daripada jumlah keseluruhan manakala 5.3% untuk B2C dan 1.6% untuk B2G.




*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

Berdasarkan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2018 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, e-dagang menyumbang sebanyak 8.0% kepada KDNK keseluruhan pada tahun 2018, dengan nilai ditambah meningkat sebanyak 7.9% kepada RM115.5 bilion berbanding RM107.1 bilion pada tahun 2017 ketika pertumbuhan adalah pada 11.9%. Penemuan Akaun Satelit ini juga menunjukkan bahawa sumbangan ICT kepada ekonomi negara terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 6.9% kepada RM267.7 bilion pada tahun 2018 berbanding dengan RM250.4 bilion pada tahun 2017 apabila pertumbuhan sebanyak 9.8% direkodkan. ICT menyumbang sebanyak 18.5% kepada KDNK pada tahun 2018 (2017: 18.3%), dengan industri ICT menyumbang sebanyak 12.6% (2017: 12.5%) dan e-dagang bagi industri bukan ICT menyumbang sebanyak 5.9% (2017: 5.7%).

Berdasarkan Kaji Selidik PKS 2019 yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia yang merangkumi 1,347 firma, 35.3% daripada responden terlibat dengan perniagaan dalam talian, sedikit menurun berbanding 37.9% yang dicatatkan pada suku ketiga tahun 2018. Kaji selidik ini melaporkan bahawa secara purata, sebanyak 15.0% daripada jumlah hasil jualan perniagaan adalah hasil jualan dalam talian. Majoriti PKS (77.0%) menggunakan platform media sosial seperti Facebook (78.3%), WhatsApp (61.5%) dan Instagram (54.3%) untuk perniagaan dalam talian mereka. Walau bagaimanapun, penggunaan media sosial semakin mula dilengkapi dengan platform pasaran e-dagang dalam talian seperti Shopee (digunakan oleh 18.7% responden) dan Lazada (14.9% responden) bagi mempamerkan produk atau perkhidmatan mereka.

Melihat kepada senario semasa, ketika pandemik COVID-19 membentuk kembali dunia, semakin ramai pengguna telah mula membeli-belah secara dalam talian serta perniagaan juga menggunakan teknologi dan platform dalam talian untuk membantu mereka menjalankan operasi perniagaan. Pandemik COVID-19 telah mempercepatkan peralihan daripada membeli-belah di kedai fizikal kepada membeli-belah secara digital di seluruh dunia, dan Malaysia turut mengharapkan pertumbuhan e-dagang yang pesat dalam negara. Bagi tempoh pasca COVID-19, tingkah laku pengguna dan transformasi PKS daripada perniagaan konvensional kepada model perniagaan dalam talian akan menjadi faktor utama dalam pengembangan ekosistem e-dagang.

# SOROTAN KHAS

## COVID-19: Kesan terhadap Perniagaan dan PKS — Perspektif Global, Rantau & Nasional



# Sorotan Khas

## COVID-19: Kesan terhadap Perniagaan dan PKS – Perspektif Global, Rantau & Nasional



### SENARIO GLOBAL

Statistik mengenai pandemik COVID-19 sangat membimbangkan. Dalam tiga bulan pertama pandemik global ini melanda, sekolah dan universiti telah ditutup kepada lebih daripada satu bilion pelajar daripada semua peringkat umur. Setakat November 2020, COVID-19 telah menular ke hampir semua negara dan menjejaskan lebih daripada 50 juta orang di seluruh dunia, menyebabkan lebih daripada 1.25 juta kematian dan lebih daripada separuh populasi dunia berada dalam keadaan sekatan pergerakan dan hidup dalam langkah pembendungan yang ketat. [1]

Langkah pembendungan mempunyai kesan yang buruk terhadap ekonomi global, lebih-lebih lagi pandemik ini berlaku ketika perdagangan dunia sedang menyusut. Kejutan sistemik – gangguan aktiviti normal perniagaan, penguncupan dalam permintaan, gangguan dalam rantaian bekalan serta sekatan perjalanan dan pergerakan – telah mempercepatkan penurunan perdagangan dunia, dengan Organisasi Perdagangan Dunia (World Trade Organisation, WTO) telah mengunjurkan perdagangan dunia akan menurun di antara 13% dan 32% pada tahun 2020. [1]

COVID-19 telah membawa kepada fokus kesalinghubungan serta risiko dan kerentanan rantaian bekalan global. Tiga ekonomi terbesar di dunia – China,

COVID-19 telah membawa kepada fokus kesalinghubungan serta risiko dan kerentanan rantaian bekalan global. Tiga ekonomi terbesar di dunia - China, Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (European Union, EU) - ekonomi G3 - mengalami kejutan bekalan dan permintaan.

Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (European Union, EU) – ekonomi G3 – mengalami kejutan bekalan dan permintaan. Ekonomi G3, yang merangkumi 63% rantaian bekalan import dunia dan 64% rantaian bekalan eksport dunia bukan sahaja antara pengeksport terbesar di dunia tetapi juga pengimport utama bahan mentah dan barang perantaraan, lantas menjadikan ekonomi ini sebagai pemain penting dalam rantaian bekalan global. Penutupan hab rantaian bekalan ekonomi G3 diunjurkan akan menyebabkan kerugian perdagangan antarabangsa sebanyak USD126.3 bilion dalam input pembuatan, dengan kesan berterusan daripada negara asal akan disebarkan ke peringkat global dan mencetuskan kejutan dalam ekonomi rakan kongsi. [1]

Sekatan pergerakan di EU, pengimport industri input yang terbesar di dunia dan sangat bersepadu dalam rantaian bekalan global telah menyebabkan kejutan terbesar kepada eksport rantaian bekalan di tempat lain. Import EU bagi industri input – sebahagian besarnya dari Asia dan Afrika – diunjurkan menurun sebanyak USD147.1 bilion pada tahun 2020. Eksport industri input dari Asia diunjurkan merosot sebanyak USD71.4 bilion, dengan sebahagian besar kerugian ini berasal daripada sekatan pergerakan di China dan EU. Kira-kira 50% pendedahan Asia ke EU berkait dengan hubungan perdagangan EU-China. Pendedahan negara-negara Asia ke China sebahagian besar adalah dalam rantaian bekalan elektronik, termasuk Malaysia, Filipina dan Thailand. Banyak negara Afrika lain yang terjejas teruk disebabkan oleh pengeksportan bahan mentah mereka ke China. [1]

Eksport dari China adalah 21% lebih rendah pada Februari 2020 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2019. Nilai eksport telah menjunam ke tahap terendah sejak Ogos 2009 di tengah-tengah krisis kewangan global 2008. Walaupun Mac 2020 menyaksikan sedikit pemulihan dalam eksport China, jumlahnya kekal 10% di bawah paras Mac 2019. Sebahagian besar China tidak dapat meneruskan aktiviti normal ekonomi sehingga akhir Mac 2020, manakala kebanyakan negara lain yang terjejas mengenakan sekatan pergerakan sama ada pada akhir Mac atau April 2020. Kesan daripada perkembangan ini ditunjukkan dalam penurunan eksport sebanyak 8% dari EU, 7% dari AS dan 4% dari negara-negara lain. [1]



Perkhidmatan, terutamanya pengembaraan dan pelancongan adalah antara perkhidmatan yang paling teruk terjejas. Sejak bermulanya penularan COVID-19 sehingga 7 Mei 2020, 113 negara telah mengenakan larangan perjalanan global. Sektor pelancongan ASEAN sangat bergantung kepada pelancong China dan juga dari ekonomi Asia Timur. Organisasi Pelancongan Dunia menjangkakan 60% ke 80% kemerosotan tahun ke tahun dalam ketibaan pelancong antarabangsa dan 100.8 juta pekerjaan dalam sektor pengembaraan dan pelancongan – dengan lebih daripada separuh di Asia – adalah berisiko. [1]

Ketika pandemik global COVID-19 berlanjutan, negara-negara di seluruh dunia bersiap sedia untuk mengalami kemelesetan yang teruk. Tabung

Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*, IMF) telah meramalkan senario kes terburuk iaitu kemerosotan ekonomi global sebanyak 3%. WTO telah mengunjurkan bahawa jumlah perdagangan dunia pada tahun 2020 akan menjunam sebanyak 32%. [1]

**Kesan COVID-19 terhadap PKS**

Senario global bagi perniagaan kecil ketika pandemik adalah senario dengan keyakinan yang rendah, kredit yang berlebihan dan muflis yang memuncak. Langkah pembendungan virus mempengaruhi pengguna dan perniagaan, dengan perniagaan membatalkan atau menangguhkan pelaburan manakala isi rumah memotong perbelanjaan lantaran keyakinan pengguna semakin berkurang. PKS, yang merupakan kumpulan yang paling rentan melihat penguncupan permintaan yang drastik bagi produk mereka akibat daripada gangguan ekonomi berskala besar di ekonomi G3.

Pusat Perdagangan Antarabangsa (International Trade Centre, ITC) menerusi Kaji Selidik Kesan COVID-19 ke atas Perniagaan – merangkumi 4,467 syarikat di 132 negara – melaporkan bahawa 55% responden sangat terjejas dengan pandemik dan langkah pembendungan. Hampir dua pertiga PKS menyatakan bahawa operasi perniagaan mereka sangat terjejas berbanding kira-kira 40% syarikat besar. Satu perlima daripada PKS menyatakan bahawa mereka berisiko untuk menutup perniagaan secara kekal. [1]

Pelbagai kaji selidik tentang kesan pandemik COVID-19 terhadap PKS menunjukkan bahawa terdapat gangguan yang teruk terhadap perniagaan kecil. Lebih separuh PKS menghadapi kerugian pendapatan yang teruk.

Kesan pandemik ini tidak sekata merentas semua sektor. Firma yang terlibat dalam perkhidmatan adalah yang paling teruk terjejas, dengan syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan penginapan dan makanan menerima kesan terbesar, diikuti oleh pembuatan bukan makanan, perdagangan borong dan runcit serta pelancongan dan pengangkutan. Terdapat banyak PKS dalam kebanyakan sektor ini. Daripada mereka yang terlibat dalam perniagaan perkhidmatan penginapan dan makanan, 76% melaporkan bahawa mereka sangat terjejas dengan COVID-19 disebabkan oleh sekatan pergerakan secara sebahagian dan keseluruhan, manakala 75% mengalami pengurangan penjualan. Walau bagaimanapun, penularan ini juga telah mencipta peluang kepada beberapa perniagaan dalam sektor pembuatan seperti pemprosesan agromakanan yang telah mencatatkan peningkatan jualan sekitar 10%. [1]

Berdasarkan analisis oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), bilangan PKS dalam sektor yang paling teruk terjejas oleh COVID-19 adalah melebihi purata, iaitu pengangkutan darat dan udara, pembuatan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan penginapan dan makanan, hartanah, perkhidmatan profesional dan lain-lain perkhidmatan peribadi. Data terkini menunjukkan bahawa walaupun PKS merangkumi lebih daripada 50% guna tenaga merentasi negara OECD dalam ekonomi perniagaan pada umumnya, bahagian PKS bagi guna tenaga dalam sektor yang terjejas

adalah secara purata sebanyak 75% merentasi negara ini, dan hampir 90% di Greece dan Itali. Di Itali dan Greece, bahagian perusahaan mikro dalam sektor yang paling terjejas adalah sebanyak 60% manakala bahagian mereka dalam jumlah guna tenaga di ekonomi masing-masing adalah sebanyak 45% dan 55%. [2]

Pelbagai kaji selidik tentang kesan pandemik COVID-19 terhadap PKS menunjukkan bahawa terdapat gangguan yang teruk terhadap perniagaan kecil. Lebih separuh PKS menghadapi kerugian hasil yang teruk. Satu pertiga daripada responden bimbang mereka akan berhadapan dengan penutupan perniagaan dalam tempoh sebulan manakala sehingga 50% daripada responden menyatakan mereka akan menutup perniagaan mereka dalam tempoh tiga bulan jika tidak menerima sokongan selanjutnya. Di AS, Biro Penyelidikan Ekonomi Nasional melaporkan tentang hasil kaji selidik terhadap 5,800 perniagaan kecil yang menunjukkan bahawa 43% daripada perniagaan telah ditutup buat sementara waktu dan secara purata, perniagaan telah mengurangkan tenaga kerja mereka sebanyak 40%. Tiga perempat daripada responden menyatakan bahawa mereka mempunyai simpanan tunai untuk bertahan selama dua bulan atau kurang. Jadual 1 menunjukkan hasil daripada 41 kaji selidik terhadap PKS di seluruh dunia mengenai kesan COVID-19. [3]

**Jadual 1**: Kaji Selidik tentang Kesan COVID-19 terhadap PKS

| Tarikh (2020) | Negara | Kesan terhadap Perniagaan | Jangkaan |
|---|---|---|---|
| 10 Februari | China | 80% daripada PKS belum mula beroperasi | 1/3 menutup perniagaan dalam masa satu bulan, 1/3 lagi dalam masa dua bulan |
| 25 Februari | Finland | 1/3 menjangkakan kesan negatif atau sangat negatif | n.a |
| Awal Mac | Itali | 72% terjejas secara langsung | n.a |
| Awal Mac | UK | 63% melihat krisis sebagai ancaman sederhana hingga tinggi / teruk bagi perniagaan mereka | n.a. |
| 9 Mac | Jerman | 50% menjangkakan kesan awal | n.a. |
| 9 Mac | Jepun | 39% melaporkan gangguan rantaian bekalan, 26% penurunan dalam pesanan dan penjualan | n.a. |
| 10 Mac | Poland | 1/3 PKS mengalami peningkatan kos dan penurunan jualan | 27% sudah menghadapi masalah aliran tunai |
| 11 Mac | AS | 70% mengalami gangguan rantaian bekalan, 80% mengalami kesan krisis | n.a |

| Tarikh (2020) | Negara | Kesan terhadap Perniagaan | Jangkaan |
|---|---|---|---|
| 12 Mac | UK | 69% mengalami masalah aliran tunai yang serius | 1/3 bimbang akan terpaksa menutup perniagaan dalam masa satu bulan |
| 13 Mac | AS | 23% terjejas secara negatif, 36% menjangkakan akan terkesan secara negatif | n.a |
| 16 Mac | Kanada | 50% penurunan dalam jualan | 25% menjangkakan tidak akan dapat bertahan lebih lama daripada 1 bulan |
| 16 Mac | Israel | 55% belum mengalami kesan lagi, 1/3 merancang pemberhentian kerja | n.a. |
| 16 Mac | Greece | 60% mengalami penurunan yang ketara dalam penjualan | n.a. |
| 17 Mac | AS | 50% terjejas secara negatif, 75% berasa sangat bimbang | n.a. |
| 17 - 20 Mac | Korea | 61% telah terjejas | 42% bimbang dengan penutupan perniagaan dalam masa tiga bulan, 70% dalam masa enam bulan |
| 18 Mac | Belgium | 75% melaporkan penurunan dalam perolehan | 50% bimbang tidak akan dapat membayar kos dalam jangka masa pendek |
| 19 Mac | AS | 96% telah terjejas | 51% menyatakan tidak dapat bertahan selama tiga bulan |
| 20 Mac | Hungary | 60% menjangkakan penurunan dalam jualan | n.a |
| 20 Mac | Belanda | 50% syarikat di peringkat permulaan kehilangan pendapatan yang ketara | 50% menjangkakan akan menutup perniagaan dalam masa tiga bulan |
| 21 Mac | Jepun | 92% menjangkakan kesan ekonomi | n.a |
| 24 Mac | Kanada | 60% mengalami kesan yang ketara | 1/3 menjangkakan akan menutup perniagaan dalam masa satu bulan |
| 31 Mac - 6 April | Beberapa negara Asia | 30% PKS menjangkakan pemberhentian 50% kakitangan mereka | 50% PKS mempunyai simpanan tunai untuk sebulan atau kurang |

| Tarikh (2020) | Negara | Kesan terhadap Perniagaan | Jangkaan |
|---|---|---|---|
| 1 April | UK | n.a. | 18% syarikat mungkin menutup operasi dalam masa satu bulan |
| 1 April | AS | n.a | 35% daripada perniagaan kecil mungkin menutup operasi dalam masa tiga bulan |
| 3 April | Australia | Dua pertiga daripada perniagaan kecil mengalami kesan daripada krisis ini. 41% mengalami penurunan pendapatan sebanyak 50% atau lebih dalam dua bulan terakhir ini | n.a. |
| 3 April | Belgium | 40% syarikat melihat penurunan pendapatan sebanyak 75% atau lebih | Satu daripada 10 syarikat berkemungkinan akan menghadapi kebankrapan |
| 7 April | Belgium | n.a. | Lebih daripada 31% PKS Belgium mungkin tidak dapat bertahan dengan krisis ini |
| 7 April | Kanada dan AS | 90% daripada perniagaan kecil terjejas | 1/3 kekurangan simpanan untuk bertahan lebih daripada beberapa minggu |
| 8 April | UK | 37% menjangkakan akan memberi cuti daripada bertugas buat 75% - 100% kakitangan mereka pada minggu depan | 6% kehabisan wang tunai, 57% mempunyai simpanan tiga bulan atau kurang |
| 8 April | Belanda | n.a | 85% daripada PKS sedang menghadapi masalah kewangan akibat COVID-19. 20% berisiko serius |
| 6 - 10 April | Portugal | 37% mengalami penurunan pengeluaran melebihi 50% | 50% tidak mempunyai sumber untuk lebih dari dua bulan |
| 15 - 22 April | AS | 62% daripada perniagaan kecil mengalami penurunan pendapatan | 32% tidak mampu dibuka untuk lebih daripada tiga bulan |
| 24 April | Jerman | 58% daripada PKS mengalami penurunan perolehan secara purata sebanyak 50% | Separuh daripada PKS hanya mempunyai simpanan mudah tunai selama dua bulan |

| Tarikh (2020) | Negara | Kesan terhadap Perniagaan | Jangkaan |
|---|---|---|---|
| 4 Mei | Kanada | 81% daripada perniagaan kecil menyatakan bahawa pengoperasian mereka terkesan secara negatif | 32% bimbang tentang kebolehhidupan perniagaan mereka pada tahun hadapan |
| 5 Mei | AS | n.a | 1/5 perniagaan kecil ditutup buat sementara waktu, 1/3 dijangka ditutup secara kekal dalam masa dua bulan |
| 11 Mei | AS | 81% daripada firma mengalami kesan pandemik dan menjangkakan kesannya dalam tempoh 12 – 16 bulan lagi | n.a. |
| 13 Mei | UK | 37% daripada syarikat sedang mempertimbangkan, atau telah membuat pengurangan | 41% ditutup sementara waktu, 35% bimbang perniagaan boleh dibuka semula |
| 15 Mei | Thailand | 90% daripada firma menjangkakan kerugian pendapatan yang ekstrim | 52% daripada perniagaan kecil menjangkakan akan ditutup sekiranya langkah pembendungan berterusan dengan lebih lama |
| 8 Jun | Ireland | PKS yang masih ditutup sehingga 18 Mei menanggung kos purata sebanyak EUR 177,000 sepanjang tempoh sekatan pergerakan. Daripada perniagaan yang masih dibuka, 70% melaporkan penurunan hasil | n.a |
| Pertengahan Jun | Kanada | 78% daripada perniagaan kecil melaporkan penurunan dalam penjualan, 47% di antara 50% dan 100% | n.a. |
| 20 Jun | New Zealand | 71% daripada PKS telah menerima asakan hasil disebabkan oleh COVID-19 | 39% daripada PKS bimbang perniagaan akan ditutup |

*Sumber: Coronavirus (COVID-19): SME Policy Responses, OECD*

*Catatan: Jadual 1 dibentangkan mengikut turutan kronologi dan menunjukkan peningkatan kebimbangan dalam kalangan PKS. Sentimen telah bertambah baik sejak daripada itu ketika negara-negara mulai melonggarkan sekatan pergerakan.*

**Risiko Kemandirian**

Kaji selidik oleh ITC juga menunjukkan bahawa risiko kemandirian adalah lebih besar bagi perusahaan kecil, dengan 21% daripada PKS melaporkan berisiko dengan penutupan secara kekal. Kira-kira 26% perniagaan yang diterajui oleh belia melaporkan risiko ditutup secara kekal dalam tempoh tiga bulan berbanding dengan 18% syarikat yang tidak diterajui oleh belia, menunjukkan bahawa syarikat diterajui belia lebih rentan terhadap kesan pandemik dan kurang mampu untuk mengatasinya kerana tidak cukup pengalaman, kepelbagaian, rangkaian sosial dan akses kepada sumber. Namun begitu, kebanyakan usahawan muda didapati lebih mahir memanfaatkan program bantuan Kerajaan yang berkaitan dengan COVID-19 berbanding dengan responden yang lebih berusia. [1]

Kaji selidik mendapati bahawa sektor perniagaan tak formal adalah yang paling rentan dan besar kemungkinan menutup perniagaan, dengan 25% berkemungkinan terkesan hingga berlaku kebankrapan. Di beberapa negara Asia dan Afrika, perniagaan tak formal merangkumi 90% daripada jumlah perusahaan. Perniagaan ini mempunyai sumber yang terhad untuk mereka tempuhi krisis sebesar pandemik COVID-19. Dengan perniagaan tak formal yang menyediakan pekerjaan kepada kebanyakan golongan yang paling kurang bernasib baik di negara sedang membangun – dan kira-kira 60% pekerjaan di seluruh dunia – kegagalan sektor ini akan menambahkan lagi kesulitan terhadap ekonomi. Keadaan perniagaan tak formal yang tidak menentu semakin bertambah buruk berikutan ketaklayakan mendapatkan sokongan kecemasan perniagaan yang disediakan oleh Kerajaan manakala pekerja mereka tidak layak mendapat faedah pengangguran. [1]

Sementara itu, OECD telah menilai risiko krisis kecairan dengan meluas menerusi sampel yang merentas sektor daripada hampir satu juta firma – merangkumi semua sektor pembuatan dan bukan kewangan – di 16 buah negara Eropah. Hasil penilaian mendapati bahawa intervensi dasar sangat penting untuk mengelakkan daripada terjadinya kemuflisan secara besar-besaran. Tanpa intervensi dasar, 20% daripada firma dalam sampel tersebut akan kehabisan wang tunai selepas satu bulan; 30% selepas dua bulan; dan 38% selepas tiga bulan. Sekiranya langkah sekatan pergerakan berlangsung selama tujuh bulan, lebih daripada 50% syarikat akan menghadapi krisis kecairan. [3]

**Pekerjaan Berisiko**

Kajian terkini yang dijalankan oleh pelbagai organisasi mengenai kesan COVID-19 terhadap pekerjaan menunjukkan bahawa pekerjaan yang paling berisiko adalah pekerjaan dalam perniagaan bersaiz kecil. Di Amerika Syarikat, laporan terkini Brookings melaporkan bahawa 47.8 juta pekerjaan dalam 4.2 juta (54%) perniagaan kecil berhadapan risiko serta-merta atau jangka pendek. Sejumlah 8.7 juta pekerjaan dalam 2.9 juta perniagaan mikro (dengan kurang daripada 10 pekerja) menghadapi risiko serta-merta atau jangka pendek. [3]

Kajian serupa oleh McKinsey melaporkan bahawa sekurang-kurangnya dua daripada tiga pekerjaan berisiko bagi PKS, dan lebih daripada 30% daripada semua pekerjaan yang berisiko adalah perusahaan mikro dengan tenaga kerja seramai sembilan pekerja atau kurang. Di Amerika Syarikat, daripada 20 juta pekerjaan yang hilang pada April 2020, 11 juta daripadanya adalah PKS. Organisasi Buruh Antarabangsa (International Labour Organisations, ILO) melaporkan bahawa di serata dunia, pekerjaan dalam sektor yang paling

berisiko tertumpu kepada perniagaan dengan pekerja kurang daripada 10 orang manakala sebahagian besar pekerjaan dalam sektor berisiko yang seterusnya adalah firma yang lebih besar dengan lebih daripada 10 pekerja. [3]

Institut penyelidikan Jerman IFM (Institute für Mittelstandsforschung) membangunkan dua senario untuk menilai kesan pandemik terhadap PKS. Salah satu hasil menunjukkan bahawa kebanyakan PKS akan mengelakkan pembubaran perniagaan jika sekatan pergerakan terhad antara dua dan dua bulan setengah, walaupun kesannya akan lebih sukar pada industri runcit, kebudayaan dan rekreasi. Senario kedua dengan sekatan pergerakan yang berlanjutan lebih daripada enam bulan akan menyaksikan kehilangan pekerjaan antara 850,000 hingga 1.6 juta dalam kalangan PKS, terutamanya dalam kalangan perusahaan mikro. [3]





## SENARIO KESATUAN EROPAH

PKS merangkumi 99% daripada perniagaan Eropah, dengan lebih daripada 25 juta PKS mengambil pekerja seramai hampir 95 juta orang di EU pada tahun 2018. PKS – yang dianggap sebagai pemain paling rentan dalam rantaian nilai EU – menyediakan pekerjaan yang signifikan dalam lima sektor yang terjejas teruk oleh pandemik iaitu aktiviti perkhidmatan runcit, borong, makanan dan minuman, aktiviti pembinaan khusus dan pengangkutan darat. PKS membentuk sebahagian besar syarikat, nilai ditambah dan pekerjaan di negara OECD. Keutamaan PKS bahkan lebih tinggi di beberapa rantau dan sektor yang terjejas teruk – pelancongan, pengangkutan, makanan dan fesyen – yang menerima asakan akibat langkah-langkah pembendungan. [4]

Di Jerman, 58% daripada PKS mencatatkan penurunan jualan secara purata sebanyak 50%; 58% di Belanda mengalami kesukaran kewangan disebabkan oleh COVID-19; di Belgium, 40% melaporkan pengurangan hasil sebanyak 75% atau lebih; dan di Portugal, 37% melaporkan pengurangan pengeluaran melebihi 50%. Pada Jun 2020, 86% daripada responden melaporkan beberapa kesan akibat COVID-19 manakala 24% merasakan kesan yang besar, khususnya berkaitan dengan pengekalan kos tetap dan gaji kakitangan. Beberapa PKS melaporkan terpaksa memberhentikan pekerja manakala lain-lain menghadapi cabaran dengan pembekal dan mengakses barangan. [4]

Majoriti PKS (71%) sangat bimbang dengan kemampuan mereka untuk mengekalkan kos tetap seperti sewa dan gaji kakitangan, 62% bimbang tentang pengekalan jualan dan perolehan yang sihat dalam pada berlakunya pengurangan permintaan terhadap produk mereka dan 52% merasakan bahawa kelangsungan perniagaan merupakan masalah utama berserta dengan akses kepada pasaran eksport dan rangkaian rantaian bekalan. Majoriti responden menyatakan keperluan maklumat dan risikan pasaran bersama pusat sehenti untuk menyokong PKS dalam aktiviti pengantarabangsaan bagi membantu mereka mengakses pasaran alternatif. Bidang utama lain yang dikenalpasti sebagai penting untuk kelangsungan PKS adalah akses kepada pembiayaan, digitalisasi, sokongan teknikal dan nasihat untuk meningkatkan pengoperasian perniagaan semasa dan sokongan untuk membangunkan model perniagaan yang baharu, inovatif dan lebih berdaya tahan. [4]

## SENARIO ASEAN

Pandemik COVID-19 menekankan hubung kait antara negara-negara yang diwujudkan oleh globalisasi serta akibat risiko dan kerentanan. Gangguan di satu kawasan rantaian bekalan global mempengaruhi kawasan lain dan bahkan boleh menyebabkan pengalihan perdagangan dan pelaburan ke rantau lain bagi mengelakkan risiko pemberhentian pengeluaran. Situasi ini diburukkan lagi oleh pendedahan ASEAN kepada AS, EU dan China, ekonomi terbesar di dunia yang menghadapi kejutan bekalan dan permintaan. Ekonomi G3 adalah rakan dagang utama ASEAN dan merangkumi sebanyak 50.3% daripada keseluruhan perdagangan barangan di rantau ini. Rakan perdagangan utama ASEAN yang lain – Jepun, Korea dan Hong Kong – turut sama terjejas. [5]

Dengan rantaian bekalan rantau ini sangat berintegrasi dengan sektor pembuatan China dan AS, EU, Jepun, Korea dan Hong Kong sebagai rakan perdagangan dan pelaburan utama, negara anggota ASEAN telah menghadapi gangguan serta-merta dan meluas, walaupun dengan kesan pelbagai peringkat merentas kumpulan. Secara kolektif, ekonomi G3 merangkumi sedikit melebihi 50% daripada perdagangan barangan ASEAN. China adalah rakan perdagangan dan pelabur luar terbesar di rantau ini, merangkumi lebih 17% daripada jumlah perdagangan pada tahun 2018 dan menyumbang sebanyak 6.5% kepada jumlah aliran pelaburan langsung asing. [5]

Prospek pemulihan dari ekonomi global yang berpertumbuhan sederhana pada tahun 2019 semakin merosot disebabkan pandemik dan ramalan pertumbuhan oleh negara anggota ASEAN telah dikaji semula ke bawah. Malaysia mengunjurkan penguncupan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 4.5% manakala negara anggota ASEAN yang lain telah mengkaji semula unjuran pertumbuhan ke bawah bagi negara mereka di antara 0.4% hingga 2.5%. Dalam senario terburuk, Singapura telah meramalkan penguncupan sebanyak 4.0%. Pandemik COVID-19 telah membawa keyakinan perniagaan dan pengguna ke paras terendah.



Indeks Pengurusan Pembelian (*Purchasing Managers Index*, PMI) – petunjuk prestasi sektor pembuatan – menjunam pada bulan Mac ketika penularan ini melonjak di AS, Eropah dan bahagian lain di Asia. Penurunan PMI juga diperhatikan di seluruh ASEAN. [5]

Di luar bidang perniagaan, pandemik ini telah memberi kesan buruk kepada isi rumah dan individu disebabkan kehilangan pekerjaan atau pengurangan pendapatan. Perusahaan mikro dan PKS, sektor tak formal, golongan miskin bandar dan warga tua adalah antara kumpulan rentan paling terjejas oleh pandemik COVID-19. Kesan pandemik yang lebih luas terhadap isi rumah disebabkan oleh kerugian yang besar terhadap kehilangan pekerjaan dalam perniagaan kecil, pekerja tak formal dalam pekerjaan sementara, pekerja ekonomi gig dan juga sektor perkhidmatan.

Aliran pelancongan – China, Korea dan Jepun adalah sumber terbesar bagi pelancong ke ASEAN – bersama-sama dengan perjalanan udara yang merosot. Sektor kembara dan pelancongan menyumbang sebanyak 12.6% kepada ekonomi ASEAN pada tahun 2018, dengan Kemboja, Filipina dan Thailand paling teruk terjejas. Tidak termasuk perkhidmatan awam, 43.8% atau 126.9 juta orang dalam tenaga kerja ASEAN bekerja dalam sektor perkhidmatan. Singapura mempunyai peratusan pekerja tertinggi dalam sektor perkhidmatan (65.7%), diikuti oleh Malaysia (56.6%) dan Brunei (56.5%). Walau bagaimanapun, dari segi bilangan mutlak, Indonesia memiliki tenaga kerja terbesar dalam sektor perkhidmatan dengan 57.5 juta, diikuti oleh Vietnam dengan 19.4 juta dan Filipina dengan 16.3 juta. [5]




## SENARIO MALAYSIA

Kesan buruk langkah pembendungan terhadap COVID-19 terserlah melalui penguncupan ekonomi Malaysia sebanyak 17.1% pada suku kedua tahun 2020, daripada pertumbuhan sebanyak 0.7% pada suku pertama. Sekatan terhadap aktiviti pengeluaran dan penggunaan yang timbul susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara telah menyebabkan kejutan bekalan dan permintaan yang menjunam. Dari segi bekalan, kebanyakan sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan negatif manakala sebahagian besar komponen perbelanjaan merosot. Aktiviti pelancongan juga terjejas teruk berikutan penutupan sempadan antarabangsa dan sekatan perjalanan merentas negeri. [6]

Melangkah ke suku ketiga tahun 2020, ekonomi Malaysia merekodkan penguncupan yang lebih rendah sebanyak 2.7%, sejajar dengan pembukaan semula ekonomi selepas pelaksanaan langkah-langkah pembendungan COVID-19 dan keadaan permintaan luaran yang bertambah baik. Pertumbuhan yang meningkat pada suku tahunan tersebut juga disebabkan oleh pelaksanaan pelbagai pakej rangsangan ekonomi oleh Kerajaan. Pemulihan ini dapat dilihat di kebanyakan sektor ekonomi, terutamanya sektor pembuatan, yang berubah positif berikutan aktiviti pengeluaran elektrikal & elektronik yang kukuh.

### Kesan COVID-19 terhadap Perniagaan Malaysia

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan Survei Khas Kesan COVID-19 kepada Syarikat / Firma Perniagaan dari 10 April hingga 1 Mei 2020 semasa Fasa 2 sehingga Fasa 4 PKP. Kaji Selidik ini merangkumi 4,094 syarikat, dengan 43.4% adalah perusahaan mikro,



40.4% adalah perniagaan bersaiz kecil, 9.1% adalah perniagaan bersaiz sederhana dan 7.2% adalah firma besar. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa lebih daripada dua pertiga responden (67.8%) melaporkan tiada pendapatan dalam tempoh tersebut, manakala sebahagian kecil iaitu 12.3% memperoleh hasil jualan mereka secara dalam talian dan 9.8% masih mendapat hasil jualan mereka menerusi kedai fizikal. [7]

Memberi tumpuan kepada sumber kewangan, majoriti 68.9% responden bergantung kepada simpanan untuk kos operasi dan modal kerja, sementara 19.8% bergantung kepada pinjaman dan 11.3% kepada suntikan modal. Mengakui keadaan yang sukar, lebih daripada separuh responden melaporkan bahawa mereka akan dapat bertahan selama satu hingga dua bulan jika pekerja mereka bercuti tanpa gaji atau dibayar separuh gaji. Sementara itu, satu perempat percaya bahawa mereka dapat bertahan selama tiga hingga enam bulan dan 4.7% menyatakan bahawa mereka dapat bertahan lebih daripada enam bulan. Responden memaklumkan bahawa tiga cabaran utama yang mereka hadapi adalah pembayaran gaji (76.6%); kekurangan perniagaan dalam tempoh PKP (65.5%) dan pembayaran sewa (61.4%). [7]

Dalam meringankan masalah perniagaan mereka, majoriti responden (83.1%) menyatakan bahawa mereka memerlukan bantuan kewangan atau subsidi daripada Kerajaan; 67.0% memerlukan pengurangan cukai syarikat atau cukai lain yang berkaitan serta 39.1% memohon penangguhan pembayaran pinjaman. Berhubung dengan jangkaan pemulihan perniagaan, sejumlah 42.5% responden menganggarkan mereka memerlukan masa lebih daripada enam bulan untuk perniagaan kembali pulih; 28.7% memerlukan empat hingga enam bulan; 17.9% menjangkakan antara dua hingga tiga bulan; 9.0% menganggarkan kurang daripada dua bulan manakala 1.9% dijangka menutup operasi. [7]

Di samping itu, kajian mengenai Perniagaan dalam Pergolakan: Kesan COVID-19 ke atas Perniagaan Malaysia yang dijalankan secara bersama oleh Monash University Malaysia dan Monash Malaysia R&D Sdn Bhd menyatakan tahap kebimbangan yang berbeza-beza bergantung kepada industri responden tersebut berada. Industri makanan & minuman, hiburan & pelancongan dan pertanian sangat bimbang akan kejatuhan keyakinan pengguna. Sementara itu, industri pembuatan dan makanan & minuman bimbang akan kerentanan terhadap kejutan rantaian bekalan. Hampir separuh daripada firma dalam industri perniagaan & perkhidmatan kewangan bimbang terhadap potensi kemelesetan global manakala industri pembinaan bimbang akan kemerosotan produktiviti dalam pada sektor itu mengimbangi antara menjaga kesejahteraan pekerja dan produktiviti mereka. Mempertimbangkan kedudukan kewangan dan kemampuan perniagaan untuk mengatasi kesan pandemik, kira-kira satu pertiga firma dalam industri makanan & minuman (34.0%), hiburan & pelancongan (33.0%) dan pembuatan canggih (31.0%) melaporkan bahawa mereka dapat bertahan selama satu hingga tiga bulan sahaja. [9]

Tambahan lagi, Ernst and Young menjalankan COVID-19: Kaji Selidik Kesan Perniagaan, merangkumi 670 responden daripada syarikat yang tersenarai dan syarikat yang besar serta PKS. Hasil kaji selidik menilai cabaran utama bagi lima aspek iaitu kewangan, rantaian bekalan, pelanggan, teknologi dan manusia. Memberi fokus kepada hasil kaji selidik untuk PKS, responden menyatakan kelewatan penerimaan (41%) dan kelewatan pembayaran kepada pembekal (28%) sebagai kebimbangan utama mereka dan hampir separuh daripada responden PKS memilih langkah potongan kos bagi menguruskan kewangan mereka. Hasil kaji selidik terperinci mengenai faktor rantaian bekalan menunjukkan bahawa kelewatan pemenuhan dan penghantaran (42%) dan kelewatan penerimaan bekalan (32%) merupakan cabaran utama bagi perniagaan PKS. Berdasarkan isu-isu ini, PKS telah memohon pengecualian cukai merentasi sempadan dan cukai perkhidmatan serta kemudahan kredit tambahan dengan pihak bank. [8]

Hasil kaji selidik menilai cabaran utama bagi lima aspek iaitu kewangan, rantaian bekalan, pelanggan, teknologi dan manusia.

Sementara itu, kira-kira 43% PKS menyatakan bahawa penurunan permintaan adalah cabaran utama bagi pelanggan. Oleh itu, PKS menyatakan campur tangan dalam bentuk pelonggaran sekatan PKP (21%) dan dasar Kerajaan yang fleksibel seperti pelepasan cukai atau pengecualian yuran (18%) adalah diperlukan dan penting bagi operasi perniagaan mereka. Melangkah ke aspek teknologi, satu pertiga daripada PKS menunjukkan bahawa kesalinghubungan bagi bekerja dari rumah (*work-from-home connectivity*) adalah masalah utama, oleh itu responden PKS meningkatkan keupayaan teknologi mereka (37%) dan memastikan kesalinghubungan yang baik dengan pekerja di rumah (26%) dengan memanfaatkan alat rangkaian seperti Microsoft Teams atau OneDrive yang menjadikan bekerja dari rumah menjadi lebih mudah. Dari aspek manusia, 31% daripada PKS menghadapi kelewatan dalam menyelesaikan tugas dan projek, manakala 30% mengalami waktu henti (*downtime*) dalam operasi. PKS mengambil pelbagai langkah untuk menyelesaikan masalah ini, terutama dengan meningkatkan pendekatan kerja jarak jauh mereka dengan sokongan teknikal dan kesalinghubungan. [8]


# Respon Dasar terhadap COVID-19

## GAMBARAN GLOBAL

Mengakui kepentingan peranan perniagaan kecil dalam ekonomi, pihak Kerajaan di seluruh dunia telah memberikan perhatian khusus untuk mengurangkan kesan pandemik terhadap perusahaan kecil, terutamanya dalam memperkenalkan dasar bagi membantu mereka menghadapi risiko kewangan jangka pendek dan implikasi perniagaan jangka panjang agar dapat mengelakkan kehilangan pekerjaan dan kebankrapan serta mendorong pelaburan untuk meningkatkan proses pemulihan pasca-pandemik. Fokus kebanyakan Kerajaan adalah mengurangkan kesan COVID-19 terhadap kesihatan dan ekonomi. Namun, langkah kesihatan dan pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan sangat berbeza, daripada hampir tiada kepada kira-kira separuh daripada KDNK, yang menunjukkan bahawa KDNK per kapita adalah penentu utama dalam tahap sokongan yang disediakan oleh Kerajaan. Kesudahannya, perniagaan kecil di negara yang lebih kaya cenderung memperoleh lebih banyak sokongan daripada Kerajaan berbanding rakan sejawat di negara miskin.

Carta 1 menunjukkan perbezaan yang jelas bagi tahap sokongan yang tersedia untuk perniagaan kecil di negara kaya dan miskin.

**Carta 1**: Negara yang lebih Kaya Berbelanja lebih Banyak untuk Pemulihan





*Nota: Berdasarkan kesemua 136 negara dengan anggaran KDNK per kapita dan langkah fiskal tersedia. Setakat 16 April 2020, langkah fiskal berpadanan dengan tindakan budi bicara Kerajaan sebagai respon terhadap COVID-19. Angka dinyatakan sebagai peratusan KDNK 2019.*

*Sumber: Pengiraan ITC berdasarkan pangkalan data Tabung Kewangan Antarabangsa Prospek Ekonomi Dunia (Oktober 2019) 'Respon fiskal terhadap kejatuhan ekonomi akibat koronavirus' oleh Bruegel (2020) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (2020).*

Responden kaji selidik perniagaan COVID-19 oleh ITC menyatakan bahawa pengecualian cukai, pelepasan cukai sementara dan program kewangan akan menjadi langkah Kerajaan yang paling membantu (Carta 2). Kebimbangan utama adalah mengekalkan tenaga kerja mereka untuk pengeluaran masa depan, dengan 37% perniagaan bersaiz sederhana dan 39% syarikat besar memilih program pekerjaan bagi menyokong pendapatan pekerja mereka. [1]

**Carta 2**: Kebanyakan Firma memilih Program Kewangan dan Pengecualian Cukai




*Nota: Responden ditanya 'Sila pilih tiga langkah Kerajaan yang paling bermanfaat ketika anda menghadapi krisis COVID' dan 'Berapa ramai pekerja sepenuh masa yang dimiliki oleh perniagaan?' Carta menunjukkan peratusan responden yang memilih pilihan tersebut sebagai salah satu daripada tiga langkah teratas. Data mengenai 2,458 perniagaan di 125 negara; kadar respon berbeza di setiap negara dan rantau.*

*Sumber: Pengiraan ITC berdasarkan Kaji Selidik Kesan COVID-19 terhadap Perniagaan oleh ITC. Data dikumpulkan dari 21 April – 2 Jun 2020*

### Dasar yang Disasarkan bagi Melindungi Aliran Perdagangan

Melindungi eksport adalah kekunci ekonomi yang utama oleh Kerajaan dalam respon terhadap gangguan perdagangan global sebagai mata wang asing yang mencukupi untuk membayar barangan diimport yang penting. Industri berorientasikan eksport yang telah dibangunkan sejak beberapa dekad yang lalu harus dilindungi bagi membolehkan industri ini terus bertapak dalam pasaran antarabangsa. Bagi melindungi industri berorientasikan eksport, Bangladesh, contohnya, telah memberikan komitmen untuk membayar upah pekerja dalam industri ini. Di Filipina, industri berorientasikan eksport dikecualikan daripada sekatan pergerakan manakala Pakistan mempercepatkan pengembalian cukai untuk perniagaan berorientasikan eksport.

Pengecualian fi kastam juga diberikan bagi memudahkan perdagangan dan menurunkan harga pasaran domestik di kebanyakan negara. China telah mengurangkan dius kargo dan fi kemudahan pelabuhan sebanyak 20% dari 1 Mac hingga 30 Jun 2020. Pelabuhan Sharjah di Emiriah Arab Bersatu mengecualikan semua barangan pukal daripada fi penyimpanan pelabuhan selama 90 hari dan telah memotong tarif sebanyak 50% untuk tempat letak lori di pelabuhan. Beberapa negara sedang mengubah prosedur sempadan untuk memudahkan pengeluaran dokumen komersial antarabangsa. Indonesia, contohnya, telah memperkenalkan prosedur kastam pantas untuk pedagang bereputasi baik dan pengendali ekonomi yang dibenarkan.

**Respon Dasar PKS**

Kebanyakan Kerajaan secara umumnya telah memfokuskan pada inisiatif untuk mengekalkan kecairan jangka pendek, dengan beberapa penekanan pada dasar umum bagi mengurangkan kejutan terhadap ekonomi dan perniagaan secara keseluruhannya, manakala yang lain telah memperkenalkan langkah khusus untuk PKS dan mereka yang bekerja sendiri. Seperti yang dilihat dalam tindakan yang diambil oleh Simpanan Persekutuan AS dan Bank Pusat Eropah dalam cara yang belum pernah terjadi sebelum ini, bank-bank pusat menyokong pemberian pinjaman dengan melonggarkan syarat kewangan dan membolehkan bank perdagangan memberikan lebih banyak pinjaman kepada PKS.

Seperti yang digambarkan dalam Jadual 2, gambaran keseluruhan langkah dasar negara yang dikemas kini oleh OECD pada 15 Julai 2020 menunjukkan bahawa, merentasi negara, instrumen yang paling banyak digunakan sebagai respon terhadap penularan COVID-19 adalah penundaan cukai pendapatan dan keuntungan, jaminan pinjaman dan pinjaman langsung kepada PKS serta subsidi upah. Instrumen yang banyak digunakan ini sejajar dengan penemuan daripada papan pemuka Langkah Sokongan PKS Bank Dunia, yang menunjukkan bahawa daripada 845 instrumen dasar PKS yang digunakan di seluruh dunia, 328 berkait dengan pembiayaan hutang (pinjaman dan jaminan), 205 bagi sokongan pekerjaan dan 151 bagi cukai. Dasar berstruktur – dengan fokus terhadap kerja telekomunikasi dan digitalisasi – telah digunakan secara sederhana walaupun jumlah negara yang memulakan dasar tersebut sejak akhir-akhir ini meningkat. Penggunaan geran, moratorium pinjaman dan langkah khusus yang disediakan untuk mereka yang bekerja sendiri sangat berbeza bagi setiap negara. [3]

**Jadual 2**: Gambaran Keseluruhan Respon Dasar setakat Julai 2020

| | PEKERJA | | | PENUNDAAN | | | | | INSTRUMEN KEWANGAN | | | DASAR BERSTRUKTUR | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pengehadan Guna Tenaga | Subsidi Upah | Bekerja sendiri | Cukai Pendapatan / Korporat | Nilai Ditambah (VAT) | Pencen Keselamatan Sosial | Sewa / Utiliti / Cukai Tempatan | Moratorium Pinjaman | Jaminan Pinjaman | Pinjaman Langsung kepada PKS | Geran dan Subsidi | Pasaran Baharu | Kerja Telekomunikasi / Digitalisasi | Inovasi | Latihan dan Penempatan Semula |
| Argentina | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | | |
| Australia | | ✓ | ✓ | ✓ | | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | ✓ |

| | PEKERJA | | | PENUNDAAN | | | | | INSTRUMEN KEWANGAN | | | DASAR BERSTRUKTUR | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pengehadan Guna Tenaga | Subsidi Upah | Bekerja sendiri | Cukai Pendapatan / Korporat | Nilai Ditambah (VAT) | Pencen Keselamatan Sosial | Sewa / Utiliti / Cukai Tempatan | Moratorium Pinjaman | Jaminan Pinjaman | Pinjaman Langsung kepada PKS | Geran dan Subsidi | Pasaran Baharu | Kerja Telekomunikasi / Digitalisasi | Inovasi | Latihan dan Penempatan Semula |
| Austria | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | |
| Belgium | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | | | |
| Brazil | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | | ✓ | | ✓ | | | | | |
| Kanada | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | | | |
| Chile | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | | |
| China | | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ |
| Colombia | | ✓ | | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | |
| Costa Rica | ✓ | | | ✓ | ✓ | | | | ✓ | ✓ | | | | | ✓ |
| Croatia | | ✓ | | ✓ | | ✓ | | ✓ | | ✓ | | | | | |
| Republik Czech | | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | |
| Denmark | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ |
| Mesir | | | | ✓ | | | ✓ | ✓ | | | | | | | |
| Estonia | | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | | | | ✓ | | |
| Finland | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | | | | ✓ | | ✓ | | | ✓ | |
| Perancis | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Jerman | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | |
| Greece | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | | | ✓ | | |
| Hong Kong, China | | | | ✓ | | | | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | |
| Hungary | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | |
| Iceland | | ✓ | | ✓ | ✓ | | | | ✓ | ✓ | | | | | |
| India | | ✓ | | ✓ | | | | | | ✓ | | | | | |
| Indonesia | | ✓ | | ✓ | ✓ | | | | ✓ | ✓ | | | ✓ | | |
| Ireland | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Israel | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | | |
| Itali | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | |
| Jepun | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Korea | | ✓ | ✓ | | | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Latvia | ✓ | ✓ | | ✓ | | | | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | |
| Lithuania | | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | | | | | |

| | PEKERJA | | | PENUNDAAN | | | | | INSTRUMEN KEWANGAN | | | DASAR BERSTRUKTUR | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pengehadan Guna Tenaga | Subsidi Upah | Bekerja sendiri | Cukai Pendapatan / Korporat | Nilai Ditambah (VAT) | Pencen Keselamatan Sosial | Sewa / Utiliti / Cukai Tempatan | Moratorium Pinjaman | Jaminan Pinjaman | Pinjaman Langsung kepada PKS | Geran dan Subsidi | Pasaran Baharu | Kerja Telekomunikasi / Digitalisasi | Inovasi | Latihan dan Penempatan Semula |
| Luxembourg | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | | | | | | |
| Malaysia | | ✓ | | ✓ | | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ |
| Mexico | | ✓ | | | | | | ✓ | | ✓ | | | | | |
| Belanda | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | |
| New Zealand | | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | | | ✓ |
| Norway | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ |
| Peru | | ✓ | | ✓ | ✓ | | | | ✓ | ✓ | | | | | |
| Poland | | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ | | | | ✓ | |
| Portugal | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ |
| Romania | | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | |
| Rusia | | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | | ✓ | | | | | |
| Arab Saudi | | ✓ | | | | | | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | |
| Singapura | | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | | | | ✓ | |
| Republik Slovak | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | ✓ | | ✓ | | | | |
| Slovenia | | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | |
| Afrika Selatan | | ✓ | | ✓ | | | | ✓ | | ✓ | | ✓ | | | |
| Sepanyol | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | |
| Sweden | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | | | | | |
| Switzerland | ✓ | ✓ | | | | | | | ✓ | ✓ | | ✓ | | | |
| Thailand | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | | | | ✓ | ✓ |
| Turki | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | |
| United Kingdom | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | |
| Amerika Syarikat | | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | | ✓ | ✓ | | | ✓ | |
| Vietnam | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | | | | | | |

*Sumber: Coronavirus (COVID-19): SME Policy Responses, OECD*

**Respon Dasar Kewangan**

Bagi mengurangkan kekangan aliran tunai, banyak negara telah memperkenalkan langkah seperti penundaan cukai, bayaran keselamatan sosial, moratorium bayaran hutang, penangguhan bayaran sewa dan utiliti serta pelepasan cukai. Beberapa negara telah melonggarkan prosedur untuk perolehan awam dan pembayaran lewat manakala negara yang lain telah memperkenalkan, melanjutkan atau memudahkan penyediaan jaminan pinjaman bagi membolehkan bank komersial memperluaskan pinjaman kepada PKS. Institusi awam di beberapa negara juga telah meningkatkan pinjaman langsung kepada PKS manakala yang lain menyediakan geran dan subsidi kepada PKS serta syarikat lain bagi memulihkan penurunan hasil. Jumlah dana yang tersedia untuk pinjaman PKS menerusi skim pinjaman sedia ada juga telah dinaikkan manakala penundaan cukai pendapatan dan korporat telah disasarkan kepada sektor tertentu dan pelepasan cukai ditawarkan menerusi penurunan kadar atau pengecualian bayaran. Penggunaan pembiayaan bukan perbankan daripada pendanaan ramai atau syarikat teknologi kewangan semakin meningkat bagi hutang serta ekuiti.

Skim jaminan baharu juga telah diperkenalkan bersama-sama dengan peningkatan dana. Di beberapa buah negara, skim pinjaman baharu untuk menyokong syarikat yang terjejas oleh pandemik ini telah ditubuhkan manakala lain-lain negara memfokuskan pada instrumen pinjaman baharu untuk sektor tertentu, seperti di Colombia, dengan garis kredit baharu diwujudkan khas bagi industri pelancongan dan penerbangan. Beberapa negara telah memperkenalkan regim insolvensi dan kebankrapan yang diubah suai sebagai penimbal bagi syarikat yang menghadapi masalah kewangan semasa pandemik serta bagi mengelakkan kebankrapan. Langkah seperti ini sangat berguna bagi syarikat di peringkat permulaan yang mungkin tidak dapat mengaut keuntungan pada tahun-tahun awal pengoperasian mereka dan mungkin tidak memenuhi kriteria kemampuan bayar sedia ada bagi beberapa skim.

Cabaran kritikal yang dihadapi oleh PKS di tengah-tengah kelembapan pengeluaran dan kemerosotan pasaran adalah pembayaran upah dan cuti sakit untuk pekerja. Bagi membantu PKS mengekalkan pekerja mereka, Kerajaan menyumbang bayaran upah kepada pekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu atau yang sedang cuti sakit.

**Respon Dasar Berstruktur**

Negara semakin memanfaatkan sokongan kewangan bukan perbankan untuk membantu PKS menerapkan kaedah kerja dan teknologi baharu serta mencari pasaran dan saluran jualan baharu bagi membolehkan perniagaan meneruskan pengoperasian di bawah langkah pembendungan. Dasar ini tidak hanya bertujuan mengatasi cabaran jangka pendek segera, seperti pengenalan kerja telekomunikasi, tetapi juga untuk meningkatkan daya tahan PKS menerusi penerapan teknologi dan inovasi dengan cara yang lebih berstruktur bagi menyokong pertumbuhan dan daya saing di masa hadapan.

Bagi memperoleh kelebihan jangka panjang daripada penerapan teknologi dan amalan baharu, beberapa negara telah melaksanakan langkah bagi menyokong PKS menerapkan amalan ini ke dalam pengoperasian mereka. Contohnya, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menawarkan pelbagai penyelesaian digital kepada PKS oleh syarikat teknologi Malaysia. Di Singapura, Program *SMEs Go Digital* memberi

sokongan kepada perniagaan untuk melakukan peralihan digital. Negara-negara menawarkan sokongan kepada PKS untuk berinovasi, dengan langkah khusus bagi membolehkan syarikat di peringkat permulaan dan PKS mencari penyelesaian kepada penularan COVID-19.

**Membantu Perniagaan Tak Formal**

Perniagaan tak formal telah dikecualikan daripada kebanyakan program sokongan COVID-19 kerana mereka merupakan entiti tidak berdaftar. Namun begitu, disebabkan peranan penting mereka dalam menyumbang kepada pekerjaan, pengurangan kemiskinan, ekonomi dan eksport, Kerajaan telah memperkenalkan langkah khusus untuk sektor tak formal bagi membantu mengurangkan kos mereka semasa pandemik. Walau bagaimanapun, memandangkan kesukaran untuk mengenal pasti dan menjangkau perniagaan dalam sektor tak formal, cara yang paling popular untuk menyokong mereka semasa pandemik adalah menerusi pemindahan wang tunai kepada pekerja-pekerja mereka.

Program *Brazil's Cadastro Unico* memberikan pemindahan tunai kecemasan sebanyak USD115 selama tiga bulan kepada pekerja tak formal di negara Brazil. Uttar Pradesh, sebuah negeri di India memberikan 1,000 rupee (USD13) kepada 2.3 juta individu yang telah menyertai Skim Jaminan Pekerjaan Luar Bandar Nasional. Di wilayah Lagos dan Kaduna di Nigeria, keperluan asas makanan, air dan bekalan kesihatan disediakan untuk populasi sektor tak formal yang rentan.

## RESPON DASAR ASEAN TERHADAP COVID-19

Negara anggota ASEAN telah melancarkan pelbagai langkah dasar sebagai pertahanan awal terhadap pandemik COVID-19. Pelbagai pakej rangsangan ekonomi telah diumumkan sejak Februari 2020, dengan dasar kewangan pada mulanya diperkenalkan bagi mengatasi kebimbangan kecairan serta untuk meningkatkan keyakinan terhadap ekonomi sejak kemunculan gangguan rantaian bekalan dan pembatalan perjalanan. Langkah rangsangan fiskal yang dipertingkatkan, terutamanya untuk meningkatkan kapasiti sektor kesihatan dan mengurangkan kesan pada ekonomi keseluruhannya, telah diumumkan sejak pandemik COVID-19 menular dan memburukkan lagi keadaan ekonomi, terutamanya dalam sektor yang terjejas teruk.

Langkah yang paling umum dilaksanakan adalah insentif cukai untuk perniagaan yang terjejas, terutama sekali PKS dan mereka dalam sektor yang paling teruk terkesan seperti pelancongan, subsidi dalam bentuk bantuan tunai, diskaun bil elektrik, bantuan tunai buat isi rumah dan pekerja, termasuk insentif tambahan bagi mereka dalam sektor penjagaan kesihatan dan penundaan cukai atau bayaran pinjaman, pengecualian atau pengurangan yuran dan caj daripada Kerajaan. Beberapa negara anggota ASEAN telah mengumumkan langkah khusus sektor untuk menyokong kumpulan yang rentan. Sebagai contoh, Brunei membenarkan penangguhan sumbangan kepada dana amanah atau pencen manakala Malaysia membenarkan pengurangan caruman pencen. Singapura menggantung pinjaman dan caj pelajar manakala sektor perbankan Vietnam telah mewujudkan pakej kredit bernilai VND285 trilion (USD12.3 bilion) untuk perniagaan.

### Intervensi Fiskal yang Disasarkan

Negara anggota ASEAN telah memperkenalkan pelbagai pakej fiskal yang digabungkan berjumlah USD318.2 bilion atau setara dengan 10.1% daripada KDNK serantau pada tahun 2019. Setakat Mei 2020, Thailand menawarkan pakej rangsangan terbesar, yang merangkumi tiga bahagian berjumlah USD88.8 bilion, diikuti oleh Indonesia dengan USD81.8 bilion. Langkah fiskal yang disediakan tidak hanya untuk menyokong industri yang terjejas tetapi juga termasuk peruntukan tambahan bagi sektor kesihatan dan subsidi kepada isi rumah. Jadual 3 menunjukkan ringkasan pakej rangsangan negara anggota ASEAN. [10]

**Jadual 3**: Ringkasan Pakej Rangsangan Negara Anggota ASEAN setakat Mei 2020

| Negara Anggota ASEAN | Pakej Rangsangan | Setara USD (bilion) | Tarikh |
|---|---|---|---|
| Brunei Darussalam | BND450 juta | 0.3 | 30 Mac |
| Kemboja | KHR 420 bilion<br>KHR 8.1 trilion | 0.1<br>2.0 | 13 April<br>14 April |
| Indonesia | IDR10.3 trilion<br>IDR120 trilion<br>IDR22.9 trilion<br>IDR62.3 trilion<br>IDR405.1 trilion<br>IDR641.2 trilion | 0.7<br>8.1<br>1.5<br>3.9<br>24.6<br>43.0 | 25 Februari<br>13 Mac<br>16 Mac<br>18 Mac<br>31 Mac<br>19 Mei |
| PDR Lao | LAK30 bilion | 0.005 | 2 April |
| Malaysia | MYR20 bilion<br>MYR230 bilion<br>MYR10 bilion | 4.8<br>55.2<br>2.4 | 27 Februari<br>27 Mac<br>6 April |
| Myanmar | MMK100 bilion | 0.1 | 27 April |
| Filipina | HP27.1 bilion<br>PHP200 bilion | 0.5<br>3.8 | 16 Mac<br>31 Mac |
| Singapura | SGD6.4 bilion<br>SGD48 bilion<br>SGD5.1 bilion<br>SGD33 bilion | 4.6<br>33.7<br>3.4<br>23.3 | 18 Februari<br>26 Mac<br>6 April<br>26 Mei |
| Thailand | THB100 bilion<br>THB117 bilion<br>THB1.9 trilion | 3.2<br>3.6<br>82.0 | 4 Mac<br>24 Mac<br>7 April |
| Vietnam | VND250 trilion<br>VND62.0 trilion | 10.8<br>2.6 | 6 Mac<br>10 April |

*Sumber: ASEAN Policy Brief 2, Assessing ASEAN Economic Policy Responses in a Pandemic, ASEAN*

Intervensi fiskal negara anggota ASEAN tergolong dalam tiga kategori:

- Subsidi isi rumah diberikan dalam bentuk elaun tunai. Dalam beberapa keadaan, subsidi ini juga dilengkapi dengan pakej makanan dan subsidi untuk elektrik dan sumbangan keselamatan sosial atau pencen, terutama bagi mereka yang berada dalam kategori berpendapatan rendah dan rentan. Sebagai contoh, Filipina telah memperuntukkan semula PHP200 bilion (kira-kira USD3.9 bilion) untuk subsidi dalam bentuk tunai dan keperluan asas manakala Vietnam dan Indonesia telah memperkenalkan langkah inovatif seperti 'ATM beras'. [10]

- Pengecualian cukai, yuran, caj (termasuk sewa) atau moratorium bayaran pinjaman telah diberikan kepada individu, isi rumah dan perniagaan yang terjejas. Sama seperti subsidi kepada isi rumah, moratorium cukai, penangguhan sewa dan pengecualian daripada yuran dan caj untuk transaksi bank bertujuan meringankan beban kewangan perniagaan dan isi rumah yang kehilangan pendapatan bagi membantu mereka bertahan daripada krisis COVID-19 dan untuk menyegerakan pengoperasian semula selepas tempoh pandemik. [10]

- Langkah fiskal dalam bentuk kredit pantas dan murah, moratorium bayaran pinjaman atau penstrukturan semula pinjaman telah diperkenalkan. Langkah tersebut sangat penting, terutama bagi kumpulan yang paling rentan seperti PKS yang lebih cenderung memberhentikan pekerja atau menutup perniagaan lebih awal. Kegagalan perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan memberi akibat yang hebat terhadap ekonomi di kebanyakan negara membangun, yang merupakan penyumbang utama kepada pekerjaan, termasuk ASEAN. [10]

**Langkah dan Intervensi Sektor yang Disasarkan**

Kerajaan ASEAN juga telah memperluaskan intervensi yang disasarkan bagi membantu sektor yang paling teruk terjejas akibat pandemik. Antara respon awal yang diambil oleh negara anggota ASEAN adalah mengalihkan sebahagian besar belanjawan fiskal mereka ke sektor kesihatan, terutamanya untuk memperkukuh kapasiti dan memberikan respon pantas kepada krisis kesihatan. Langkah respon termasuk perolehan bekalan perubatan seperti kit ujian, alat ventilator, topeng muka, dan peralatan pelindung diri (*personal protective equipment*, PPE) yang lain serta penubuhan hospital sementara dan kemudahan penjagaan kesihatan seperti pusat pengasingan untuk meningkatkan keupayaan sedia ada, termasuk penukaran hotel menjadi tempat tinggal sementara bagi golongan profesional penjagaan kesihatan, individu di bawah pemantauan atau mereka yang menjalani kuarantin. Indonesia menambah peruntukan sebanyak IDR75 trilion (USD5 bilion) untuk penjagaan kesihatan manakala Singapura memperuntukkan SGD800 juta (USD564.2 juta) untuk respon terhadap pandemik. [10]

Sektor pelancongan dan runcit bersama-sama dengan industri penerbangan telah terhenti, menyebabkan gangguan yang teruk kepada ekonomi dengan kebergantungan yang tinggi terhadap pengembaraan dan pelancongan. Sebagai akibat daripada sekatan perjalanan, permintaan penumpang di Indonesia dan Thailand telah mengalami penurunan, masing-masing sebanyak 59.8 juta dan 55.6 juta. Industri pelancongan dan pengembaraan yang tergendala telah mengakibatkan kerugian hasil dengan jumlah berbilion dan kehilangan berjuta-juta pekerjaan. Langkah fiskal untuk menyokong perniagaan yang terjejas akibat

pandemik, seperti diskaun bagi bil dan moratorium cukai telah diperluaskan ke sektor penerbangan. Walau bagaimanapun, melihat pada skala kesan pandemik terhadap industri penerbangan, sokongan Kerajaan sahaja tidak cukup untuk memenuhi keperluan industri dan banyak syarikat penerbangan di seluruh ASEAN telah melakukan pengecilan dan memotong gaji pekerja. [10]

Negara anggota ASEAN juga telah melaksanakan langkah untuk memberi sokongan kredit kepada sektor pertanian bagi memastikan rantaian bekalan dari ladang ke pasaran tetap terbuka. Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM1 bilion untuk Dana Jaminan Makanan serta memberikan sokongan tambahan kepada petani dan nelayan bagi pengeluaran pertanian. Pembiayaan juga disediakan bagi menubuhkan kemudahan penyimpanan makanan dan saluran pengedaran untuk melindungi bekalan manakala sejumlah RM64.4 juta diperuntukkan untuk projek agromakanan. Langkah fiskal dilengkapkan dengan sokongan untuk akses kepada pasaran dan peningkatan produktiviti, kemudahan proses eksport serta program tunai untuk bekerja di luar bandar. [10]

**Dasar Monetari dan Langkah Kewangan**

Sejak berlakunya penularan COVID-19, bank pusat merentas ASEAN telah menggunakan pemotongan kadar dasar, pengurangan nisbah keperluan rizab dan pembelian aset bagi mengekalkan kestabilan kewangan, memastikan kecairan sistem serta menurunkan kos kredit. Langkah ini juga bertujuan meyakinkan orang awam bahawa Kerajaan komited untuk mengemudi ekonomi keluar daripada krisis dan memelihara kestabilan sektor perbankan.

Sejak berlakunya penularan COVID-19, bank pusat merentas ASEAN telah menggunakan pemotongan kadar dasar, pengurangan nisbah keperluan rizab dan pembelian aset bagi mengekalkan kestabilan kewangan, memastikan kecairan sistem serta menurunkan kos kredit.

Bank Negara Vietnam telah menyeru pemberi pinjaman komersial untuk mengurangkan yuran penyelesaian minimum sebanyak 50% menerusi sistem elektronik antara bank serta mengekang dividen dan perbelanjaan operasi bagi mengekalkan bekalan modal yang mencukupi manakala Pihak Berkuasa Monetari Singapura telah menyesuaikan keperluan pengawalan dan program penyeliaan terpilih dalam menangani cabaran kendalian yang dihadapi oleh institusi kewangan semasa pandemik. Bank Thailand menyediakan pembiayaan jambatan (*bridge financing*) kepada syarikat berkualiti tinggi menerusi Dana Penstabilan Bon Korporat, yang membeli bon Kerajaan untuk memastikan pasaran bon Kerajaan berfungsi dan menubuhkan kemudahan khas bagi menyediakan kecairan untuk dana bersama menerusi bank. Secara kolektif, langkah ini bertujuan meningkatkan kecairan dan keyakinan pasaran sambil mengekalkan sistem monetari dan kewangan yang stabil. [10]

## PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI COVID-19 – KISAH MALAYSIA



Kerajaan Malaysia telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan ekonomi bagi memastikan kesejahteraan rakyat serta kelangsungan perniagaan yang terjejas akibat pelanjutan langkah pembendungan pandemik. Pakej rangsangan tersebut adalah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) bernilai RM20 bilion diikuti oleh Pakej Ekonomi PRIHATIN Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM230 bilion, Pakej PRIHATIN Tambahan untuk PKS bernilai RM10 bilion, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion dan pakej Kita Prihatin bernilai RM10 bilion. [1]

Inisiatif ekonomi yang diperkenalkan di bawah pakej rangsangan bertujuan menangani isu-isu penting berkaitan pandemik yang dihadapi oleh perniagaan, terutamanya PKS, seperti pembiayaan, kos menjalankan perniagaan dan mengurangkan cabaran aliran tunai, pengekalan pekerjaan, pembangunan modal insan, pembangunan infrastruktur dan penerapan teknologi dan digitalisasi. Berikut adalah ringkasan beberapa inisiatif utama daripada pelbagai pakej rangsangan.

### Pembiayaan

Beberapa inisiatif utama bagi pembiayaan adalah:

- RM5 billion Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) untuk PKS dengan pengurangan kadar faedah daripada 3.75% ke 3.5%. Seterusnya, Bank Negara Malaysia (BNM) telah meningkatkan peruntukan SRF kepada RM10 bilion berikutan permintaan yang sangat tinggi daripada PKS; [11]
- RM6.8 bilion Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (*All Economic Sector Facility*, AES) untuk PKS oleh BNM dengan kadar faedah yang diturunkan daripada 8% ke 7%; [11]
- RM700 juta Skim Kredit Mikro oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) termasuk peruntukan tambahan bernilai RM500 juta di bawah PRIHATIN bagi menyediakan pinjaman mudah dengan kadar faedah sebanyak 2% dan tanpa cagaran untuk perusahaan mikro. Seterusnya di bawah Pakej PRIHATIN Tambahan untuk PKS, kadar faedah sebanyak 2% dihapuskan ke 0% dan jumlah pembiayaan meningkat daripada RM50,000 menjadi RM75,000; [1]
- RM200 juta Skim Kredit Mikro dengan jumlah pinjaman maksimum sebanyak RM10,000 bagi setiap syarikat dengan kadar faedah 0% oleh TEKUN Nasional; [11]
- RM2.1 bilion Geran Khas PRIHATIN untuk perusahaan mikro yang berkelayakan dengan penyediaan geran khas sebanyak RM3,000; [11]
- RM2 bilion Skim Pembiayaan PKS PENJANA untuk membantu PKS mengekalkan operasi perniagaan mereka; [12]

- RM1 bilion di bawah PENJANA untuk PKS dalam sektor pelancongan membiayai inisiatif transformasi bagi terus berdaya maju dan berdaya saing dalam normal baharu; [12]
- RM400 juta di bawah PENJANA bagi membiayai program perusahaan mikro; [12]
- RM500 juta Kemudahan bantuan Bumiputera bagi memastikan kelangsungan usahawan Bumiputera patuh Shariah; [12] dan
- Membenarkan PKS yang beroperasi kurang daripada empat tahun untuk memohon pembiayaan daripada skim BizMula-i dan BizWanita-i di bawah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC). [12]

**Mengurangkan Kos Menjalankan Perniagaan dan Cabaran Aliran Tunai**

Beberapa inisiatif utama untuk membantu mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta mengurangkan cabaran aliran tunai adalah:

- Moratorium pinjaman serta penstrukturan semula dan penjadualan semula pinjaman untuk perniagaan yang terjejas disediakan oleh pelbagai bank dan institusi kewangan; [11]
- Penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan bulanan kepada semua PKS selama tiga bulan bermula 1 April 2020; [11]
- Khidmat Rundingan Majikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi penangguhan pembayaran, penstrukturan semula dan penjadualan semula caruman majikan; [11]
- Pengecualian cukai perkhidmatan sebanyak 6% untuk hotel dari bulan Mac - Ogos 2020;
- Pengecualian sewa selama enam bulan untuk penyewa daripada semua premis yang dimiliki oleh Kerajaan persekutuan;
- Pengecualian levi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) untuk semua sektor selama enam bulan bermula April 2020; [11]
- Penangguhan tiga bulan bayaran ansuran cukai pendapatan untuk PKS, berkuat kuasa 1 April 2020; [11]
- RM500 juta untuk memberi subsidi diskaun sebanyak 15% kepada bil elektrik bagi sektor pelancongan dan diskaun sebanyak 2% untuk sektor komersial, perindustrian dan pertanian; [11] dan
- Pengurangan sebanyak 25% bagi levi permit pekerja asing yang tamat tempoh di antara 1 April 2020 dan 31 Disember 2020. [11]

**Pengekalan Pekerjaan**

Beberapa inisiatif utama untuk mengekalkan pekerjaan dan mengatasi pengangguran adalah:

- RM13.8 bilion Program Subsidi Upah oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk pekerja berpendapatan RM4,000 ke bawah, yang diumumkan menerusi beberapa pakej rangsangan. Selanjutnya, sejumlah RM2.4 bilion Program Subsidi Upah 2.0 diperuntukkan di bawah Kita Prihatin bagi membantu syarikat yang masih terjejas; [11]
- RM1.5 bilion di bawah PERKESO bagi menggalakkan pengambilan pekerja oleh perniagaan; [11]
- RM800 juta bagi menyokong majikan dan pekerja dengan insentif pengaturan kerja yang fleksibel di bawah PERKESO; [11] dan
- Membolehkan majikan berunding dengan pekerja mereka mengenai syarat pekerjaan, termasuk pelaksanaan potongan gaji dan pilihan cuti tanpa gaji selama tempoh PKP. [11]

**Modal Insan**

Beberapa inisiatif utama untuk meningkatkan produktiviti modal insan adalah:
- RM100 juta oleh PSMB untuk geran padanan asas bagi membiayai latihan pekerja daripada sektor pelancongan dan sektor lain yang terjejas; [12]
- Potongan dua kali ganda untuk perbelanjaan yang dikeluarkan bagi latihan berkaitan pelancongan yang telah diluluskan; [12]
- RM50 juta untuk memberi subsidi kepada kursus pendek bagi kursus kemahiran digital dan berkemahiran tinggi; [12]
- Kerjasama di antara MyCreative dan sektor swasta bagi membantu pemain menyesuaikan diri dengan normal baharu menerusi latihan dalam kaedah pengedaran digital dan promosi, pembangunan model perniagaan baharu, dan ketersambungan; [12] dan
- Mobiliti tenaga kerja agromakanan menerusi insentif bagi syarikat perintis untuk melatih dan mendidik tenaga kerja. [12]

**Infrastruktur**

Beberapa inisiatif infrastruktur utama untuk memacu pertumbuhan ekonomi adalah:
- RM13 bilion pelaburan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), termasuk mempercepatkan pelaksanaan lampu jalan LED, saluran transmisi dan sistem solar bumbung; [11]
- RM3 bilion diperuntukkan untuk *National Fiberisation and Connectivity Plan* oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM); [11]
- RM2 bilion bagi pelaksanaan segera projek pembaikan dan peningkatan infrastruktur kecil di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar; [11]
- RM100 juta untuk kemudahan penyimpanan dan pengedaran makanan serta program integrasi tanaman; [11] dan
- Mempercepatkan pelaksanaan projek 2020 oleh agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan. [11]

**Teknologi dan Digitalisasi**

Beberapa inisiatif utama untuk menyokong PKS dalam digitalisasi atau automasi adalah:
- RM700 juta bagi membantu dan memberi insentif kepada PKS dan syarikat peringkat pertengahan untuk mendigitalkan operasi dan saluran perdagangan, yang merangkumi: [13]
  – RM100 juta untuk Geran Padanan Digitalisasi PKS [13]
  – RM500 juta Dana Transformasi Teknologi PKS [13]
  – RM100 juta Geran Automasi Pintar [13]
- RM80 juta untuk pelaksanaan *Sandbox* Teknologi Inovasi bagi mendorong inovasi dan kreativiti yang dapat menggerakkan digitalisasi penyampaian perkhidmatan dan memacu syarikat di peringkat permulaan; [13]
- RM70 juta untuk Kempen e-Dagang Perusahaan Mikro dan PKS bagi menggalakkan penerapan e-dagang; [13]
- RM20 juta untuk mentransformasi Pusat Internet Desa sebagai hab e-dagang; [13] dan
- RM5 juta bagi penubuhan platform nasihat perniagaan sehenti secara dalam talian iaitu *MyAssist MSME*. [13]

**Ringkasan Pencapaian**

Sehingga kini, hasil daripada pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi dilaporkan secara berkala oleh Menteri Kewangan menerusi beberapa siri laporan LAKSANA. Setakat 11 Disember 2020, antara hasil utama berkaitan dengan sokongan kewangan bagi perniagaan dan langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi adalah:

- Sebanyak RM11.24 bilion telah diluluskan oleh bank tempatan dan dipersetujui oleh 23,875 PKS di bawah Dana Pinjaman Mudah PKS yang ditadbir oleh BNM. Jumlah ini merangkumi SRF, Kemudahan Automasi & Digitalisasi (*Automation & Digitalisation Facility*, ADF), AES dan Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility*, AF). Peruntukan sebanyak RM10 bilion bagi SRF telah digunakan sepenuhnya yang memberi manfaat kepada 21,000 PKS dan membantu menyelamatkan lebih daripada 450,000 pekerjaan;
- Program Subsidi Upah menyalurkan sebanyak RM12.61 bilion dalam pemberian subsidi upah bagi memanfaatkan 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja;
- Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Bantuan Latihan membantu 106,443 individu untuk mendapatkan pekerjaan, termasuk 85,242 individu di bawah umur 40 tahun; 13,513 individu dalam kumpulan umur 40 – 60 tahun; 1,268 individu kehilangan upaya dan 6,420 perantis;
- Seramai 129,144 individu telah menerima kelulusan untuk menyertai program kemahiran semula dan peningkatan kemahiran yang dikendalikan oleh pelbagai Kementerian dan agensi;
- Sebanyak 5,576 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman berjumlah RM1.1 bilion daripada dana Pembiayaan PKS PENJANA;
- Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM99.2 juta kepada 14,861 perusahaan mikro; dan
- Skim Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah BSN telah menyalurkan sejumlah RM253.1 juta kepada 7,252 PKS dan perusahaan mikro.




Tambahan lagi, pencapaian berikut turut direkodkan dalam laporan LAKSANA pada 2 Oktober 2020:

- Sebanyak 1,634 PKS dan syarikat di peringkat pertengahan diluluskan untuk menerima geran berjumlah RM24.6 juta bagi mendigitalkan operasi dan saluran perdagangan daripada Geran Padanan Digitalisasi PKS, Dana Transformasi Teknologi PKS dan Geran Automasi Pintar;
- Sejumlah RM567.9 juta telah disuntik ke dalam ekonomi menerusi aplikasi ePENJANA dengan memberikan kredit sebanyak RM50 kepada setiap 11.36 juta eWallet; dan
- Dana *MyCreative Ventures* berjumlah RM130 juta yang menyokong industri kesenian, kebudayaan dan hiburan telah menerima 182 permohonan bagi pinjaman dan geran berjumlah RM43 juta manakala dana RM10 juta oleh Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) telah meluluskan 184 permohonan bagi sokongan pembiayaan berjumlah RM2.7 juta.

Selanjutnya, inisiatif untuk menyokong penerapan e-dagang dan digitalisasi juga telah menerima sambutan luar biasa daripada PKS dan telah menjana jumlah penjualan dalam talian sebanyak RM1.2 bilion seperti yang dilaporkan oleh LAKSANA pada 27 Oktober 2020. Inisiatif tersebut merangkumi:

- Kempen e-Dagang Perusahaan Mikro dan PKS PENJANA yang dilancarkan pada akhir bulan Jun untuk membantu perniagaan tempatan meningkatkan produktiviti dan operasi mereka menerusi e-dagang dan digitalisasi, yang disokong oleh 20 platform e-dagang sebagai rakan kongsi pelaksanaan strategik telah berjaya mencatatkan lebih daripada 45,000 PKS baharu yang mendaftar dengan rakan kongsi strategik, membantu lebih daripada 115,000 PKS dan menjana lebih daripada RM332 juta jualan sehingga Oktober 2020; dan
- Inisiatif *Shop Malaysia Online* untuk menggalakkan pembelian barangan oleh penjual tempatan secara dalam talian menerusi penyediaan baucar digital. Inisiatif ini disertai oleh 22 platform e-dagang sebagai rakan kongsi strategik dan dibiayai bersama oleh Kerajaan. Sejak dilancarkan pada 1 Ogos 2020, PENJANA *Shop Malaysia Online* telah berjaya menghasilkan jualan bernilai RM896 juta dan telah memberi manfaat kepada lebih daripada 213,000 penjual tempatan serta 7.8 juta pengguna dari seluruh negara.

# Artikel Khas
# Kaji Selidik Kesan Pandemik COVID-19 terhadap PKS



Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan SME Corp. Malaysia telah menjalankan beberapa siri kaji selidik dalam kalangan PKS yang merentas pelbagai sektor ekonomi dan industri. Kaji selidik ini dijalankan untuk menilai kesan penularan COVID-19 serta maklum balas mereka terhadap pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan:

| Kaji Selidik | Tempoh | Responden |
|---|---|---|
| Kaji Selidik PKS mengenai Penularan COVID-19 | 19 - 26 Mac 2020 | 1,920 PKS |
| Kaji Selidik mengenai Kesan Penularan COVID-19 dan Pakej Rangsangan Ekonomi untuk PKS | 2 - 8 April 2020 | 982 PKS |
| Kaji Selidik bagi Menilai Respon PKS terhadap Pembukaan Semula Ekonomi Negara | 4 - 7 Mei 2020 | 1,786 PKS |

Penularan COVID-19 mempengaruhi pelbagai spektrum sektor perniagaan terutamanya PKS dalam cara yang belum pernah terjadi sebelum ini. Berdasarkan Kaji Selidik PKS mengenai Penularan COVID-19 yang pertama kali dijalankan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), amat mengejutkan apabila sebanyak 95.3% responden mengalami penurunan penjualan dengan serta merta dan ketara pada bulan Mac 2020, dengan 44.0% responden menyatakan jualan mereka menurun sehingga lebih daripada 70.0%. Selebihnya, 21.6% melaporkan penurunan jualan antara 51.0% sehingga 70.0% manakala 29.7% mengalami kerugian jualan sebanyak 50.0% atau kurang. Hanya 1.7% melaporkan peningkatan jualan terutamanya dalam kalangan industri berkaitan makanan & minuman, sementara 3.1% melaporkan tiada perbezaan yang ketara dalam jualan.


Susulan kuarantin di seluruh negara, PKS merasakan kesan kerana pengguna mengehadkan pergerakan mereka dengan berada di rumah sahaja, lantas menyebabkan penurunan yang merudum dalam perbelanjaan pengguna dan perniagaan. Dalam keadaan yang sukar, responden menekankan bahawa aliran tunai merupakan cabaran utama semasa pandemik, diikuti oleh penurunan permintaan dan gangguan rantaian bekalan. Masalah aliran tunai disebabkan oleh penurunan jualan yang ketara, sebahagiannya berpunca daripada penutupan sementara operasi perniagaan semasa PKP oleh lebih daripada tiga perempat responden. Tambahan lagi, responden mempunyai isu dalam pembayaran gaji dan faedah pekerja, pembayaran balik pinjaman serta pembayaran sewa dan utiliti, lantas memburukkan kedudukan kewangan mereka. Kemerosotan jualan secara mendadak dan

tekanan terhadap tunai telah mengakibatkan 48.5% responden, terutamanya PKS dalam sektor pembinaan, hanya dapat mengekalkan perniagaan mereka selama sebulan jika PKP berpanjangan.

Kekurangan jualan dan pendapatan adalah gangguan terbesar terhadap aliran tunai PKS yang merupakan inti pati kelangsungan perniagaan. Perlu diberi perhatian, sebanyak 57.9% daripada hasil jualan perniagaan PKS dijana melalui kedai fizikal, lantas menjadikan mereka lebih rentan terhadap gangguan aktiviti perniagaan yang disebabkan oleh PKP. Hanya 21.1% responden melaporkan menjual produk atau perkhidmatan mereka menerusi saluran dalam talian seperti media sosial, laman web dan platform e-dagang. Melihat kepada status tunai dalam tangan PKS, kebanyakan responden (79.3%) menyatakan bahawa mereka mempunyai tunai yang mampu bertahan kurang daripada tiga bulan manakala 14.8% melaporkan mereka mampu untuk bertahan selama tiga hingga lima bulan.

Peningkatan isu aliran tunai, permintaan dan rantaian bekalan memberi tekanan yang hebat kepada perniagaan terutamanya peniaga kecil. Memberi respon terhadap keperluan kelangsungan sektor perniagaan, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac 2020 dan Pakej PRIHATIN Tambahan untuk PKS pada 6 April 2020 yang telah memberi manfaat kepada PKS secara langsung dan tidak langsung. Keadaan di luar sana masih mencabar namun terdapat objektiviti susulan inisiatif yang diberikan. Kaji Selidik mengenai Kesan Penularan COVID-19 dan Pakej Rangsangan Ekonomi untuk PKS menunjukkan bahawa pakej rangsangan ekonomi telah sedikit sebanyak memberi kelegaan kepada PKS. Tiga insentif teratas yang telah memanfaatkan PKS adalah program Subsidi Upah (58.2%), Skim Kredit Mikro (48.9%) dan enam bulan moratorium ke atas pinjaman (40.2%).

**Carta 1**: Kesan Pakej Rangsangan terhadap PKS



Pemerhatian yang lebih terperinci terhadap hasil kaji selidik menunjukkan bahawa PKS memerlukan bantuan bagi mengekalkan perniagaan mereka dan meningkatkan momentum pertumbuhan semasa pandemik. Akses pantas kepada pinjaman dengan kadar faedah yang lebih rendah (60.1%); penangguhan atau pengecualian cukai dan pembayaran berkanun (50.7%); serta platform berasaskan dalam talian dan perkhidmatan maya (34.2%) telah dinyatakan sebagai bantuan utama yang diperlukan untuk perniagaan kembali pulih. Dengan sokongan yang diberikan, sebanyak 85.6% responden yakin bahawa perniagaan mereka akan pulih dalam masa setahun atau kurang. Daripada jumlah ini, sebanyak 16.8% responden optimis bahawa perniagaan mereka akan pulih dalam masa tiga bulan, terutamanya responden dalam industri berkaitan makanan dan minuman. Mengambil kira prestasi perniagaan dalam jangka masa terdekat, sejumlah 5.1% responden positif bahawa mereka akan mendapat keuntungan pada tahun 2020, 22.0% lagi menjangkakan perniagaan akan mendapat pulangan modal sementara hampir tiga perempat responden (72.9%) melaporkan bahawa tahun 2020 akan menjadi tahun yang merugikan buat mereka.

Beralih kepada Kaji Selidik bagi Menilai Respon PKS terhadap Pembukaan Semula Ekonomi Negara, kaji selidik ini telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas PKS mengenai keputusan Kerajaan dalam membuka semula aktiviti ekonomi secara beransur-ansur dengan membenarkan kebanyakan industri dan aktiviti perniagaan untuk beroperasi bermula pada 4 Mei 2020 susulan pelaksanaan PKP Bersyarat (PKPB). Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa kurang daripada separuh responden (49.6%) menyambung semula operasi perniagaan, terutamanya firma bersaiz sederhana. Antara isu utama yang dinyatakan oleh responden sebagai halangan dalam memulakan semula perniagaan adalah kekurangan pelanggan dan akses pasaran (66.7%); modal yang tidak mencukupi (60.6%); isu rantaian bekalan (37.2%); dan kesukaran untuk mematuhi prosedur operasi standard (22.4%).

Di samping itu, lebih daripada dua pertiga PKS mengalami kerugian perniagaan sehingga RM100,000 semasa PKP. Oleh itu, PKS telah melakukan penyesuaian yang diperlukan bagi mengatasi tekanan semasa yang disebabkan oleh pandemik iaitu merangkumi berunding berkenaan gaji dan faedah pekerja (36.5%), menstruktur semula perniagaan bagi mengurangkan pekerja (33.5%) dan mengehadkan perjalanan perniagaan yang tidak perlu bagi pekerja (33.0%). Beberapa PKS juga menghadapi isu untuk memulakan semula operasi, oleh itu mereka memohon pelbagai bantuan daripada Kerajaan yang dapat membantu meringankan beban mereka, terutamanya akses kepada sumber kewangan dan pinjaman mudah serta potongan cukai. Responden juga menyatakan keperluan untuk menubuhkan agensi Kerajaan yang khusus bagi hal-hal yang berkaitan PKS, lantas memperkemaskan dan memudahkan peniaga kecil secara menyeluruh.

Ketika perniagaan menyesuaikan diri dengan norma baharu, pelbagai penyelarasan dan kemajuan positif telah dilakukan terhadap operasi perniagaan mereka. Perubahan keutamaan dalam kalangan PKS dapat diperhatikan, bermula daripada pelaksanaan langkah-langkah potongan kos semasa tempoh puncak PKP pada Mei 2020, sehingga menjalankan langkah-langkah pembangunan yang dapat membantu mengekalkan perniagaan. Berdasarkan Kaji Selidik ke atas Usahawan Pasca COVID-19 yang dijalankan

oleh MEDAC pada bulan Julai 2020, keutamaan teratas dalam kalangan PKS telah beralih kepada penggunaan platform e-dagang (45.8%), membuat perubahan dalam terma pekerjaan (25.0%) serta penerapan teknologi dan digitalisasi (19.0%). Tanda-tanda optimistik semakin meningkat dengan berkurangnya bilangan firma (49.6%) yang melaporkan penurunan jualan melebihi 50% (Mac-Mei 2020: 65.6%), pemberhentian pekerja menurun kepada 12% (Mac-Mei 2020: 14.2%), sementara jumlah penutupan operasi perniagaan juga menurun, walaupun hanya sedikit, kepada 1.4% (Mac-Mei 2020: 1.6%). Perlu diberi perhatian bahawa sebanyak 43.1% responden menyatakan bahawa mereka sedang membangunkan pelan kelangsungan perniagaan, mencerminkan penekanan yang lebih besar oleh PKS terhadap kepentingan pelan tersebut sekiranya terdapat kejutan atau krisis ekonomi.

Kesan awal dari segi KDNK PKS menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 telah menyebabkan kerugian perniagaan berjumlah RM38.6 bilion pada April 2020, bersamaan dengan 7.4% penurunan sumbangan kepada KDNK PKS. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan yang ketara susulan pelaksanaan pelbagai langkah di bawah pakej rangsangan ekonomi seperti PRIHATIN dan PENJANA. Pada bulan Ogos 2020, unjuran kerugian pendapatan yang lebih rendah iaitu sebanyak RM30.7 billion telah dianggarkan, penurunan sebanyak 20.0% berbanding anggaran yang dibuat pada bulan April 2020. Trend ke arah unjuran kerugian pendapatan yang lebih rendah dijangka dapat dilihat dalam semua sektor ekonomi. Mengambil kira kerugian pendapatan mengikut saiz perniagaan, perusahaan mikro yang merangkumi 76.5% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia dengan jelas akan menjadi sektor perniagaan yang terjejas teruk.

**Carta 2**: Ringkasan Senario PKS dalam Pra-pandemik, ketika PKP dan Pasca-PKP

| Sebelum pandemik | Semasa PKP | Pasca-PKP |
|---|---|---|
| • 55.4% PKS menjangkakan peningkatan dalam jualan | • 78.9% PKS mempunyai tunai yang boleh bertahan untuk kurang daripada tiga bulan | Penurunan jualan berkurang dari: Mei: 65.6% → Ogos: 49.6% |
| • 44.3% PKS menjangkakan perniagaan akan bertambah baik dalam enam bulan akan datang | • 72.4% terpaksa menutup operasi perniagaan buat sementara waktu | Pemberhentian pekerja menurun dari: Mei: 14.2% → Ogos: 12.0% |
| • 34.6% PKS menghadapi masalah aliran tunai | • 58.6% mencatatkan tiada sebarang jualan | Penutupan operasi perniagaan menurun dari: Mei: 1.6% → Ogos: 1.4% |
| | • 39.4% hanya dapat bertahan selama sebulan atau kurang | |
| | • 19.2% mengalami kerugian perniagaan sebanyak RM100,000 dan ke atas | |

# Artikel Khas

## Langkah untuk Mengurangkan Isu PKS terhadap COVID-19 oleh Kerajaan Negeri



**PERLIS**


- Diskaun sewa gerai sebanyak 50% untuk peniaga kecil
- Pengecualian sewa tapak pasar malam / siang

**KEDAH**

- RM10 juta kepada peniaga, buruh harian, pemandu teksi, pemandu bot & pemandu pelancong
- Pelanjutan tempoh pembayaran cukai tanah dari 31 Mei sehingga 30 September 2020 tanpa dikenakan denda lewat

**PULAU PINANG**

- Penangguhan cukai berkaitan tanah (Mei - Ogos)
- Bayaran sekali beri sebanyak RM500 untuk perniagaan kecil dan pemandu pelancong berdaftar
- Tambahan sebanyak RM200 untuk pemandu teksi & pemilik beca ke atas RM300 tahunan yang diterima oleh mereka daripada Kerajaan negeri
- Maksimum RM10,000 untuk PKS dengan 0% bagi skim pinjaman mikro (jadual pembayaran balik enam bulan)
- Bantuan sekali beri sebanyak RM500 untuk 9,000 penjaja, pemandu bas, pemandu bas / van pelancongan dan pemandu kenderaan sewa & limosin pelancongan yang berdaftar & tidak berdaftar
- Pengendali sukan air pantai akan menerima bayaran sekali beri sebanyak RM300
- Dana RM10 juta untuk pemain industri pelancongan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
- Pengecualian sewa selama tiga bulan untuk lot kedai di flat kos rendah
- Rebat dalam bayaran taksiran untuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai bernilai RM47.3 juta untuk 600,000 pembayar cukai



**PERAK**

- Bantuan sekali beri sebanyak RM500 kepada penjaja & peniaga kecil
- Diskaun sewa sebanyak 50% untuk gerai makan dan kedai makan di bawah penguasa tempatan

**SELANGOR**

- Bayaran RM500 (sekali beri) kepada 80,000 penjaja / peniaga bernilai RM40 juta
- Penangguhan pembayaran balik pinjaman dengan penstrukturan semula pinjaman peminjam di bawah Skim Hijrah yang akan memberi manfaat kepada 40,000 usahawan bernilai RM70 juta
- Pengecualian sewa untuk 80,000 vendor berlesen bernilai RM12 juta

**NEGERI SEMBILAN**

- RM300 kepada peniaga kecil / berdaftar dengan penguasa tempatan bernilai RM3 juta
- RM300 untuk teksi / e-panggilan berdaftar bernilai RM1 juta
- Pengecualian sewa gerai selama dua bulan di bawah penguasa tempatan

**MELAKA**


- Pengecualian sewa tapak selama dua bulan bernilai RM1.04 juta (Mac - April) & yuran lesen tahunan 2020 bernilai RM0.90 juta untuk penjaja & peniaga

**JOHOR**

- Fleksibiliti & insentif untuk PKS yang beroperasi di 151 premis milikan Kerajaan
- Pengecualian sewa untuk premis & pasar awam milikan pihak berkuasa tempatan untuk 10,371 peniaga (April - Disember)
- Tempoh bayaran cukai tanah dilanjutkan sehingga 30 September

*Nota: Berdasarkan maklumat daripada pelbagai sumber, termasuk laman web Kerajaan dan dalam talian.*

Kerajaan negeri dan tempatan berada di barisan hadapan bagi meneruskan usaha yang terlaras dengan bekerjasama bersama Kerajaan persekutuan sambil bertindak secara proaktif untuk melaksanakan langkah yang disasarkan bagi menangani dengan pantas serangan ekonomi yang disebabkan oleh COVID-19. Menyedari hakikat bahawa salah satu cara utama pandemik ini boleh menggugat ekonomi tempatan adalah menerusi PKS, semua negeri di Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menyokong PKS dan usahawan yang rentan. Gambar rajah berikut menggambarkan senarai beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam bidang kuasa masing-masing:



**KELANTAN**

- Pengecualian sewa selama dua bulan (April - Mei) untuk premis Kerajaan Negeri yang dimiliki oleh Badan Berkanun Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan

**TERENGGANU**

- Penangguhan bayaran pinjaman Kerajaan & sewa selama dua bulan termasuk premis komersial milik YPU

**PAHANG**

- Kerajaan Negeri menerusi Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) telah melonggarkan syarat untuk peniaga dengan memberi keizinan berniaga di lokasi yang sesuai
- Dana Khas sebanyak RM10 juta sebagai bantuan perniagaan permulaan, khusus untuk belia Pahang

**SABAH**

- Dana kredit mikro sebanyak 2% untuk 20,000 perniagaan kecil bernilai RM40 juta
- Dana industri PKS bernilai RM50 juta dengan pinjaman pada kadar faedah 3.5%
- 1,000 projek infrastruktur asas desa bernilai RM200 juta
- Diskaun bil elektrik sebanyak 28% (April - Jun)
- 20% diskaun ke atas pungutan penilaian 2020 oleh pihak berkuasa tempatan
- Pengecualian yuran lesen 2020 & sewa selama enam bulan bagi premis di bawah pihak berkuasa tempatan untuk penjaja

**SARAWAK**

- Penangguhan bayaran balik pinjaman selama sembilan bulan untuk 144 peminjam Skim Pinjaman Industri Kecil dan Sederhana bernilai RM1.3 juta (mulai April)
- Penangguhan pembayaran premium tanah 2020 untuk 1,721 pemegang amanah
- Diskaun bil air bulanan sebanyak 10% - 25% (April - September)
- 50% diskaun sewa pasar dan gerai untuk 10,000 penjaja (April - September)
- 25% diskaun ke atas kadar penilaian tahunan 2020 melebihi RM400
- 30% diskaun sewa tanah bagi tahun 2020 untuk 52,403 pemegang amanah bernilai RM11.84 juta
- Pengecualian bayaran pelesenan bagi tahun 2020 untuk 17,289 bilik hotel / 340 pengusaha hotel & rumah penginapan bernilai RM386,630
- Pengecualian bayaran permit dan lesen untuk dua juta peniaga & penjaja
- Dana tambahan kredit mikro sebanyak RM20 juta untuk PKS
- Bayaran tunai sekali beri sebanyak RM500 kepada setiap pemilik teksi sungai 'penambang' yang berdaftar
- Bayaran tunai sekali beri sebanyak RM600 kepada 959 pengusaha van berlesen, 1,976 pemandu teksi dan 739 bas sekolah dan pengusaha van
- Geran khas sebanyak RM1,500 kepada 145 pemandu pelancong dan 113 pemandu pelancong taman
- Geran khas sebanyak RM750 untuk penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan pada bulan September

- **Geran Prihatin Usahawan Perak (GERUP)**

  Kerajaan Negeri Perak telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Perak Fasa Dua 2020 berjumlah RM71.17 juta pada 20 Mei 2020. Daripada jumlah ini, RM1.0 juta dana diperuntukkan kepada SME Corp. Malaysia bagi membantu perusahaan mikro Bumiputera di Perak yang terjejas oleh PKP dan PKPB disebabkan oleh penularan COVID-19. Objektif bantuan ini adalah untuk membolehkan mereka meneruskan dan mengembangkan perniagaan dalam tempoh pasca PKP / PKPB. Bantuan adalah dalam bentuk pemberian 'sekali beri' dengan jumlah maksimum sebanyak RM3,000 untuk perbelanjaan yang layak seperti syarat berikut:

  i. Pemasaran secara dalam talian / e-dagang atau luar talian bagi produk / perkhidmatan perniagaan;
  ii. Pembelian bahan mentah yang diperlukan dalam skop perniagaan yang sedang dijalankan;
  iii. Gaji pekerja tetap yang bekerja di premis perniagaan;
  iv. Penyewaan premis perniagaan;
  v. Pembelian peralatan yang sesuai untuk kegunaan perniagaan; dan
  vi. Perbelanjaan lain yang dianggap layak oleh Jawatankuasa.

  Sebagai tambahan kepada geran, penerima juga akan diberi kursus bimbingan bernilai RM300 yang akan dikendalikan oleh SME Corp. Malaysia.

- ***GANUSHOP***

  *GANUSHOP* pada mulanya dilancarkan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu pada 30 Mac 2020 sebagai penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh usahawan Terengganu, khususnya gerai makan dan restoran yang tidak dibenarkan beroperasi kerana pandemik COVID-19. Seterusnya, setelah Kerajaan membenarkan gerai makan dan restoran serta pelari penghantaran beroperasi dengan prosedur operasi standard yang ditetapkan, keadaan tersebut telah meluaskan peranan *GANUSHOP* diluar skop asal. Oleh itu, *GANUSHOP* akan dipertingkatkan menjadi pasaran yang lebih komprehensif, sama seperti Shopee atau Lazada dan akan dikenali sebagai *My Entrepreneur Development Foundation* (MyEDF). Di bawah inisiatif yang dipertingkatkan, *GANUSHOP* akan berintegrasi dengan sistem MyEDF, dengan *GANUSHOP* akan menjadi direktori usahawan Terengganu interaktif dengan lebih banyak pautan termasuk laman web pedagang, Instagram, Facebook, Shopee dan pasaran lain serta pautan ke media sosial. Ini akan memberi lebih banyak peluang kepada peniaga / penjual untuk memasarkan produk mereka.

*Nota: Berdasarkan maklumat daripada pelbagai sumber, termasuk laman web Kerajaan dan dalam talian.*

## ARAH KE HADAPAN

COVID-19 telah menimbulkan gangguan terhadap ekonomi global yang sudah sedia lemah dan memaksa supaya memikirkan semula sistem yang ditubuhkan demi bertahan daripada penularan sehebat ini, kini dan masa hadapan. Krisis ini telah membawa kepada pemerhatian khusus terhadap keperluan untuk membangunkan sistem yang berdaya tahan, lestari dan inklusif serta disokong oleh teknologi, terutamanya yang berkaitan dengan PKS, yang merupakan tulang belakang ekonomi global. Keadaan tidak akan kembali normal seperti dahulu, terutama dengan petunjuk bahawa COVID-19 berkemungkinan akan disusuli oleh gangguan perubahan lain seperti teknologi baharu, ketegangan perdagangan serta perubahan iklim dan sosial.

Pusat Perdagangan Antarabangsa (International Trade Centre, ITC) menerusi laporan Prospek Daya Saing PKS 2020 menekankan empat ciri utama yang perlu dimiliki oleh perniagaan kecil untuk kekal dalam dunia pasca-pandemik, iaitu ketahanan, keterangkuman, digitalisasi dan kelestarian.

Pusat Perdagangan Antarabangsa (International Trade Centre, ITC) menerusi laporan Prospek Daya Saing PKS 2020 menekankan empat ciri utama yang perlu dimiliki oleh perniagaan kecil untuk kekal dalam dunia pasca-pandemik, iaitu ketahanan, keterangkuman, digitalisasi dan kelestarian.

Ketahanan adalah penting bagi kelangsungan perniagaan ketika krisis melanda. Ketahanan dapat dipertingkatkan dengan dasar awam sokongan, contohnya, dengan memberi subsidi kepada pelaburan dalam teknologi pengurangan risiko dan memupuk kepelbagaian ekonomi dan perdagangan serta menggalakkan perkongsian, kerjasama dan penyelidikan yang merangsang pembangunan strategi baharu yang tangkas. Kepelbagaian perdagangan, rizab tunai yang kukuh, rangkaian dalam ekosistem perniagaan dan penyertaan dalam perdagangan antarabangsa juga akan meningkatkan ketahanan. Mempelbagaikan pembekal dan pembeli membolehkan perniagaan kembali menggunakan saluran alternatif manakala rizab tunai yang kukuh dapat meningkatkan peluang kelangsungan pada masa krisis. Rangkaian dengan pemain industri dalam ekosistem perniagaan memperkukuhkan kemampuan untuk menghadapi situasi krisis sementara penyertaan dalam perdagangan antarabangsa meningkatkan daya tahan hidup menerusi penyumberan daripada pelbagai pembekal dalam dan luar negara bagi mendapatkan akses kepada input yang lebih dipercayai. Penjualan kepada pembeli domestik dan luar negara memastikan bahawa turun naik terhadap permintaan dan harga dalam negara dapat diimbangi oleh mereka di luar negara dan sebaliknya.

Keperluan bagi rangkuman ekonomi telah diberi penekanan akibat daripada kesan gangguan ekonomi terhadap golongan yang kurang bernasib baik dari segi ekonomi, terutamanya mereka yang berada dalam sektor tak formal dan PKS. Mewujudkan ekonomi yang lebih inklusif dalam era pasca pandemik harus dimulakan dengan pekerjaan yang wajar dan perlindungan sosial untuk semua. PKS menyediakan kira-kira 70% pekerjaan dan separuh aktiviti ekonomi di seluruh dunia. Perniagaan kecil menggaji bahagian kumpulan yang kurang bernasib baik yang berkadar tak seimbang, termasuk pekerja kurang berkelayakan, golongan belia dan wanita. Dalam dunia pasca-pandemik, perlindungan sosial sejagat dan inisiatif yang dipimpin oleh majikan diperlukan bagi meningkatkan mata pencarian golongan kurang bernasib baik untuk melindungi segmen populasi yang rentan ini daripada krisis di masa hadapan.

Teknologi digital akan mengambil tempat di pentas utama dalam normal baharu kerana teknologi ini dapat membantu syarikat untuk mengatasi gangguan seperti ini dengan lebih baik — perubahan permintaan dan keyakinan pengguna dengan pantas, gangguan pengoperasian, ketidakpastian dan lebihan tenaga kerja — seperti yang dihadapi ketika sekatan pergerakan COVID-19. Semasa sekatan pergerakan, normal baharu bagi telekomunikasi, pembelajaran jarak jauh, telesidang, perkhidmatan kesihatan dalam talian, e-dagang dan pembayaran digital adalah sangat jelas dan pengalaman yang didapati berkemungkinan menyebabkan peningkatan penggunaan analisis data raya dan kecerdasan buatan oleh perniagaan dalam membuat keputusan semasa pasca pandemik. Berdasarkan senario pasca pandemik tersebut, reformasi dasar dan peraturan dalam perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi perlu dipercepatkan agar dapat meningkatkan akses, meningkatkan kebolehpercayaan dan mengurangkan kos.

Berdasarkan senario pasca pandemik tersebut, reformasi dasar dan peraturan dalam perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi perlu dipercepatkan agar dapat meningkatkan akses, meningkatkan kebolehpercayaan dan mengurangkan kos.

Krisis COVID-19 berkemungkinan akan membawa lebih banyak perhatian kepada isu kelestarian berikutan kebimbangan terhadap alam sekitar terus meningkat, terutamanya dengan bukti yang menunjukkan bahawa kemunculan krisis berikutnya mungkin daripada perubahan iklim, yang tergolong sebagai risiko teratas dalam perniagaan global menerusi kaji selidik 2019 oleh pakar industri insurans. Tumpuan akan diberikan kepada pengurangan kos dan peningkatan produktiviti menerusi kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui serta penerapan prinsip ekonomi kitaran (*circular economy*) untuk memenuhi matlamat kelestarian. Bagi meningkatkan daya saing, Kerajaan perlu memperkasa teknologi digital, seperti penggunaan proses kemudahan perdagangan rentas sempadan digital yang lebih mudah, pantas dan selamat.



Agenda yang lestari dan inklusif meningkatkan daya tahan ekonomi. Mereka yang dapat mengemudi persekitaran perniagaan digital yang didorong oleh perkhidmatan akan mendapat kelebihan berbanding pesaing lain kerana rantaian bekalan global dan juga model perniagaan sedang dibentuk semula bagi memenuhi permintaan yang baharu.

Berdasarkan sudut pandangan ini, Kerajaan Malaysia akan meneruskan momentum pemulihan ekonomi yang telah dimulakan sejak Mei 2020 bagi memberi pelbagai bantuan kepada PKS, termasuk menerusi PENJANA dan Kita Prihatin yang kini masih diteruskan. Kegigihan Kerajaan yang menyeluruh untuk menyokong agenda pembangunan PKS di tengah-tengah krisis ini terbukti menerusi Belanjawan 2021 yang memperuntukkan sejumlah RM38.7 bilion, dana tertinggi setakat ini, bagi memberi manfaat secara eksklusif kepada PKS atau dapat diakses oleh PKS bersama-sama dengan perniagaan lain. Walaupun kejayaan memulihkan ekonomi negara sebahagiannya bergantung kepada kejayaan membendung pandemik COVID-19, pelaksanaan langkah yang efisien dan tepat pada waktunya menerusi pemantauan yang rapi terhadap Belanjawan 2021 akan menjadi instrumen untuk menggalakkan pemulihan, pertumbuhan dan pelaburan dalam kalangan perniagaan Malaysia, khususnya PKS.

# KISAH INSPIRASI

ARBA Travel, Pakar Pelancongan Halal

Dari Menjual Kasut di Pasar Malam
ke Pereka dan Pengeksport Kasut

Profesor yang Memanfaatkan
Kepakarannya untuk Membina
Perniagaan yang Berjaya

Perjalanan LokaLocal ke Pengalaman
Pelancongan yang Autentik

Kemanisan Kejayaan
Dayang Sophia

Perniagaan ‘Bersih’ daripada
Minda yang Inovatif



# ARBA Travel, Pakar Pelancongan Halal



Seorang pemuda, yang melihat peluang dan memiliki keberanian untuk mencapai kejayaan telah mengubah perniagaan pelancongan dalam negara menjadi pemain utama dalam industri pelancongan.

Ketika Ammar Roslizar yang berusia 25 tahun pulang ke Malaysia pada tahun 2014 setelah memanfaatkan masa selama tujuh tahun di luar negara, beliau mendapati bahawa terdapat kurang pakej pelancongan yang mesra Muslim dalam negara. Terdapat permintaan untuknya namun bekalan adalah kurang, lantas memberi inspirasi kepada Ammar untuk merebut peluang bagi mengisi jurang tersebut. Beliau membayangkan pengendali pelancongan halal yang akan memberikan pengalaman yang hebat kepada pelancong Muslim dengan menyediakan jadual perjalanan khas yang merangkumi waktu solat, restoran halal serta pemandu pelancong Muslim dan banyak lagi. Beliau bercadang membina perniagaan pelancongan halal yang disokong oleh teknologi dan penyesuaian pakej pelancongan yang akan membezakan perniagaannya dengan pengendali pelancongan konvensional. Pada tahun 2014, ARBA Travel & Tours Sdn Bhd, pakar pelancongan halal, membuat kemunculannya dalam industri pelancongan.

Beliau membayangkan pengendali pelancongan halal yang akan memberikan pengalaman yang hebat kepada pelancong Muslim dengan menyediakan jadual perjalanan khas yang merangkumi waktu solat, restoran halal serta pemandu pelancong Muslim dan banyak lagi.

ARBA Travel pantas mendapat tempat menerusi kehadiran digital yang kukuh dan memahami selera pengguna. Syarikat ini yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, sejak itu menjadi pengendali pelancongan halal global dengan anak syarikatnya di Seoul, Turki dan Paris. Sejak ditubuhkan, syarikat ini telah menggandakan pertumbuhan setiap tahun, melebihi kadar pertumbuhan purata bagi 100 PKS Teratas Malaysia.

Mengimbau kembali fasa awal syarikat, Ammar, yang merupakan pengarah urusan ARBA Travel, berkata, "Kami berada pada lengkung pembelajaran yang curam. Bermula dengan modal yang kecil tanpa sokongan rangkaian untuk bergantung. Banyak kesilapan telah dilakukan, namun kami berjaya mengharungi cabaran dan rintangan. Pencapaian yang sangat memuaskan adalah apabila kami berjaya memperolehi penilaian 4-bintang menerusi alat diagnostik Penarafan Daya Saing PKS bagi Peningkatan (*SME Competitiveness Rating for Enhancement*, SCORE) oleh

SME Corp. Malaysia ketika syarikat baru berusia dua atau tiga tahun."

Beliau menambah, "Kami membangunkan syarikat ini dari awal tanpa bantuan kewangan daripada Kerajaan, pinjaman perniagaan atau pendanaan ekuiti. Kami bangga dapat melakukannya sendiri, dipacu oleh visi dan tekad kami sendiri."

Hampir tiga tahun selepas penubuhan, ARBA Travel telah memenangi Anugerah Enterpris 50 (*Enterprise 50*) pada tahun 2017, menjadikannya sebagai syarikat terpantas yang pernah menjadi penerima anugerah. Ammar dan rakan kongsinya juga turut tersenarai dalam *2018 Forbes 30 Under 30 Asia*. Pada tahun yang sama, iaitu pada usianya 29 tahun, beliau merupakan antara calon termuda bagi kategori usahawan baharu bagi program *Ernst and Young Entrepreneur of Year Malaysia*.

Pada 31 Mac 2020, ARBA Travel telah melancarkan sebuah syarikat baharu, iaitu Yezza Tech Sdn Bhd, yang menyediakan platform teknologi ringkas dan automatik untuk membantu usahawan menjalankan perniagaan mereka menerusi aplikasi WhatsApp. Platform Yezza Tech kini digunakan oleh hampir 16,000 usahawan PKS di Malaysia.

Mengenai perancangan masa hadapan, Ammar berkata, "Kami melihat prospek yang besar bagi pelancongan halal. Kadar pertumbuhan pelancongan halal lebih tinggi daripada industri pelancongan secara amnya. Kami juga ingin memastikan kami kekal berdaya saing dengan terus memanfaatkan teknologi seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), realiti terimbuh (*augmented reality*) dan realiti maya untuk meningkatkan pengalaman bagi pelancong Muslim."

Berhubung dengan kesan pandemik COVID-19 ke atas perniagaan, Ammar berkata, "Pada tahun 2019, jualan kami mencapai RM52 juta. Pada tahun 2020, kami mengunjurkan jualan akan mencecah RM140 juta pada suku pertama sahaja. Malangnya, COVID-19 telah melumpuhkan industri pelancongan yang secara praktikalnya telah terhenti. Jualan kami pada tahun 2020 setakat ini hampir sifar."

Beliau bersyukur kerana Kerajaan telah memperkenalkan Program Subsidi Upah yang membantu mengelakkan pekerjanya daripada diberhentikan, sementara syarikat juga telah memperolehi pinjaman PKS untuk mengekalkan operasi. Beliau menambah, "Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif yang baik semasa pandemik berlaku. Bagi tempoh pasca wabak, Kerajaan harus memberi keutamaan kepada syarikat tempatan dalam hal yang berkaitan dengan kontrak, tender dan projek yang akan dilaksanakan. Keutamaan ini akan memastikan aliran tunai dapat mengalir dalam negara dan mempercepatkan pemulihan eknonomi."

**Bagaimana Ammar menyifatkan kemajuan syarikat setakat ini?**

"Kami didorong oleh keazaman untuk membina perniagaan yang mempunyai kehadiran di peringkat global. Sebagai pengasas syarikat, kami didorong oleh visi untuk terus memperbaiki diri, membangunkan budaya kerja yang disokong oleh tadbir urus yang baik, berkualiti dan setanding dengan piawaian antarabangsa. Kesemua dorongan ini amat penting untuk kelestarian. Penggunaan data dan teknologi adalah sangat kritikal untuk mengekalkan daya saing."

Ammar menasihati PKS untuk mengguna pakai data dan teknologi kerana kedua-dua komponen ini sangat penting untuk ekonomi baharu. "Penularan COVID-19 telah mempercepat peralihan kepada digitalisasi dalam kalangan perniagaan dan individu. PKS mesti melabur dalam teknologi dan memastikan aliran tunai yang baik jika ingin bertahan dalam waktu bergolak. Aliran tunai merupakan oksigen kepada setiap perniagaan."

# Dari Menjual Kasut di Pasar Malam ke Pereka dan Pengeksport Kasut




Pereka kasut, Christy Ng merupakan bintang yang semakin bersinar dalam landskap fesyen kasut tempatan. Perjalanan keusahawanannya dari menjual kasut di pasar malam ke pereka kasut dan pengeksport produk rekaan sendiri hingga ke Amerika Syarikat dan Eropah adalah kisah tentang sikap tidak kenal erti penat untuk berjaya.

Semangat keusahawanan Ng telah dipupuk sejak usia muda lagi. Ketika berusia sembilan tahun, beliau mula menjual bunga jerami yang dibuat oleh ibunya di stesen-stesen transit aliran ringan (*light rail transit*, LRT) . Sebagai seorang remaja, beliau belajar mencari nafkah dengan bekerja sebagai pelayan untuk membantu membiayai pendidikan kolejnya. Semasa masih di kolej, beliau pergi ke Thailand untuk membeli kasut dari kilang di sana dan setelah kembali beliau menjual kasut-kasut itu di pasar malam dan pasar lambak. Setelah tamat pengajian, beliau meneruskan penjualan kasut di pasar malam meskipun sudah bekerja dengan syarikat farmasi.

Menjual kasut di pasar malam agak sukar, akhirnya beliau berhenti apabila keadaan menjadi terlalu membebankan. Rakan-rakan menggalakkannya untuk membuat laman web dan menjual kasut secara dalam talian. Pada tahun 2010, dalam tempoh sebulan menyiapkan laman web, jualan kasutnya meningkat dengan ratusan paparan halaman direkodkan. Beliau menjana pendapatan namun tidak memuaskan bagi Ng kerana beliau ingin menjual kasut rekaannya sendiri. Dengan bantuan daripada beberapa rakan dari Thailand, beliau berkunjung ke beberapa kilang kasut di sana untuk mempelajari cara membuat kasut. “Rekaan pertama saya adalah kasut bertumit lima inci. Pada masa itu, terdapat ruang kekosongan dalam pasaran untuk kasut setinggi ini,” Ng mengimbas kembali.

Reka bentuk kasutnya mendapat sambutan yang luar biasa, lantas mendorong Ng untuk meletak jawatan dan membina jenama eponimnya, Christy Ng pada tahun 2012. Pada hari ini, kasut Christy Ng dijual di Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Singapura, Indonesia, Hong Kong, Australia dan Brunei. Beliau menceritakan mengenai visinya, “Saya ingin mereka kasut yang selesa dengan harga yang berpatutan. Semasa saya bekerja sebagai seorang pelayan, saya memakai kasut yang murah kerana kasut itu diperbuat daripada bahan berkualiti rendah, sehingga menyebabkan saya mempunyai kematu yang besar di tapak kaki saya. Semasa saya mereka kasut pertama, tujuan saya adalah untuk memastikan wanita tidak perlu menderita akibat kematu, bunion atau penebalan kulit (*corns*) ketika memakainya. Wanita Asia mempunyai kaki yang lebih lebar. Kasut saya direka khas untuk wanita Asia.”

Selain daripada menjual kasut siap pakai termasuk kasut baji, kasut gelangsar (*sliders*),

selipar, kasut tumit, *flat ballerina*, *slip-in*, kasut *pumps* dan *stiletto*, Ng juga menghasilkan kasut yang ditempah khas. Usahanya dalam mereka bentuk kasut khas bermula dengan satu e-mel daripada seorang bakal pengantin perempuan dari North Carolina, Amerika Syarikat, yang bertanya sama ada Ng boleh mencipta sembilan pasang kasut dalam reka bentuk yang serupa tetapi dengan warna yang berbeza dan ketinggian yang berbeza.

Ng menjelaskan, "Kasut berkenaan adalah untuk pengantin sendiri serta lapan orang pengapit pengantin. Pengantin mahu semua orang kelihatan seakan mempunyai ketinggian yang sama, maka terdapat permintaan untuk ketinggian yang berbeza. Pengantin memberitahu saya bahawa tiada jenama kasut di Amerika Syarikat yang bersedia memenuhi permintaannya. Itu adalah peluang yang besar bagi saya memandangkan ia adalah langkah pertama saya dalam mereka kasut yang ditempah khas."

Pada tahun 2013, Ng memenangi Cabaran *Alliance Bank's Bizsmart SME Innovation* dan menggunakan hadiah wang tunai sejumlah RM250,000 untuk membina mesin reka bentuk penyesuaian 3D bagi kasut tempahan khas di laman web miliknya. Perniagaan dalam talian meningkat ke satu tahap lagi apabila beliau menerima geran sebanyak RM500,000 daripada Cradle Fund yang beliau gunakan untuk pemasaran dan pengiklanan perniagaan dalam talian.

Namun begitu, walaupun dengan kejayaannya, perniagaan ini sekadar perniagaan dalam talian. Ketika jenamanya mendapat pengiktirafan, beliau didekati oleh pengurusan Pusat Beli-belah 1Utama untuk membuka sebuah kedai di sana. Walaupun pada awalnya terdapat perasaan ragu-ragu atas kebimbangan terhadap keperluan modal yang besar, Ng akhirnya menerima tawaran itu dan cawangan Christy Ng yang pertama dibuka pada bulan September 2016. Hari ini, syarikat ini mempunyai tujuh cawangan kedai di pusat membeli-belah di seluruh negara, sebuah kilang di Johor dan di Lembah Klang serta 50 orang pekerja.

Mengimbas kembali peringkat awal perniagaannya, Ng memberitahu bahawa beliau bergelut dengan kekurangan kewangan dan hala tuju perniagaan yang merupakan dua cabaran utama yang ditempuhinya. "Saya memulakan perniagaan dengan menggunakan simpanan peribadi saya dan bergelut untuk mencari kedudukan yang ideal di pasaran yang sesak. Saya berada di sini sekarang kerana pertolongan yang saya terima daripada ramai orang. Mereka memberi saya platform untuk berkembang. Kami berjaya berkembang dengan modal yang minimum serta dengan menggunakan strategi teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology*, ICT) dan e-dagang. SME Corp. Malaysia memainkan peranan yang besar dalam membiayai kos mesin kami ketika kami sedang berkembang. Kami juga mendapat bantuan daripada Cradle Fund, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysia External Trade Development Corporation, MATRADE) dan MyCreative Ventures." Mengenai perancangan masa hadapan, beliau berharap agar dapat berkembang ke seluruh Asia Tenggara serta memiliki kedai fizikal di luar negara. "Perniagaan dalam talian kami telah memberikan kami pelanggan daripada serata dunia tetapi mempunyai kedai fizikal akan menjadikan jenama kami sebagai jenama global," jelasnya.

Mengenai kesan penularan COVID-19 ke atas perniagaan, beliau berkata, "Perniagaan di pusat beli-belah mengalami penurunan yang besar. Kami masih mempunyai overhed yang tinggi seperti sewa dan gaji untuk diuruskan dalam apa jua keadaan. Perniagaan kedai kami beroperasi dalam kerugian pada tahun 2020. Mujurlah, kami mendapat manfaat daripada inisiatif Kerajaan untuk meringankan kesan COVID-19. Kami menerima bantuan untuk automasi menerusi *Business Accelerator*

*Programme* (BAP) 2.0 yang sangat berguna dan tepat pada masanya untuk kami memperolehi mesin bagi mempercepatkan proses pengeluaran, lantas mengurangkan kebergantungan kami terhadap tenaga manusia. Automasi telah menurunkan kos masa kami secara ketara."

Menyentuh bagaimana Kerajaan dapat membantu menyokong PKS terutamanya semasa dan selepas pandemik, Ng menyarankan, "Tawarkan lebih banyak pengurangan cukai kepada PKS berpotensi tinggi. Ini akan membantu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan mempercepatkan pemulihan ekonomi. Geran automasi dan digitalisasi juga merupakan insentif besar bagi PKS untuk melaksanakan digitalisasi. Hulurkan bantuan kepada peruncit di seluruh negara yang menanggung beban sewa yang tinggi di pusat membeli-belah. Pengendali pusat membeli-belah juga harus diberi insentif seperti pengurangan cukai sebagai pertukaran untuk mengurangkan kadar sewa yang dikenakan kepada mereka. Ini akan membantu mengelakkan krisis yang bakal berlaku dalam sektor peruncitan pada tahun 2021."

**Apakah yang mendorong kisah kejayaan Christy Ng?**

"Automasi, penggunaan ICT dan kecemerlangan operasi yang diterajui oleh kepimpinan yang baik adalah sangat penting. Set kemahiran digital sangat penting untuk bertahan dalam perniagaan hari ini. Kepada sesiapa sahaja yang berhasrat menceburkan diri dalam perniagaan seperti kami, nasihat saya adalah: kekal kuat, jangan pernah berputus asa. Masa yang sukar tidak akan berpanjangan tetapi orang yang kuat mampu bertahan."



# Profesor yang Memanfaatkan Kepakarannya untuk Membina Perniagaan yang Berjaya



Pada tahun 2006, Prof. Dr. Norayati Abd Majid, mantan dekan Fakulti Sains Kesihatan Universiti Malaya, telah memanfaatkan kepakarannya dalam kawalan jangkitan dengan menubuhkan sebuah syarikat perdagangan untuk mengedar produk perubatan kepada hospital dan klinik serta membekalkan peralatan penyahjangkitan dan pembersihan kepada kontraktor penyelenggaraan bagi kemudahan kesihatan. Pada hari ini, syarikat beliau, Hana Medic Sdn Bhd bukan sahaja mengeluarkan produk sendiri, namun turut mengeksport.

Bermula dengan kecil, Hana Medic telah berkembang menjadi pengeluar pelbagai produk yang merangkumi pensanitasi, bahan penyahjangkit, pencuci tangan anti-bakteria, losyen badan, syampu dan sabun.

Prof. Norayati telah mengambil langkah penting yang mengubah takdirnya pada tahun 2010 dengan mendaftar dalam skim inkubator di bawah SIRIM untuk mengembangkan dan mengeluarkan produk perubatan seperti pensanitasi tangan, losyen tangan dan badan serta bahan penyahjangkit. Pada tahun 2012, beliau telah bekerjasama dengan SIRIM untuk membina sebuah kilang bagi pengeluaran produknya sendiri. Dari permulaan yang kecil, Hana Medic telah berkembang menjadi pengeluar pelbagai produk yang merangkumi pensanitasi, bahan penyahjangkit, pencuci tangan anti-bakteria, losyen badan, syampu dan sabun. Hana Medic turut menjadi satu-satunya pengeluar pensanitasi tangan halal di Malaysia. Produk keluarannya juga dijual di Oman, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Myanmar dan Macau. Di Malaysia, produk Hana Medic dijual di seluruh negara menerusi peruncit terkemuka seperti Tesco, Giant dan Malakat Grocer serta dijual secara dalam talian di Shopee dan Lazada.

Beliau mengaitkan kejayaan syarikat Hana Medic dengan galakan dan nasihat yang diterima daripada Kementerian Kesihatan. Beliau menjelaskan, “Sukar pada mulanya untuk produk baharu, lebih-lebih lagi produk tempatan, untuk diterima di pasaran. Kami bernasib baik kerana Kementerian Kesihatan percaya dengan kualiti produk kami. Kementerian juga mengesyorkan agar




kami tidak hanya meningkatkan pengeluaran untuk pengembangan pasaran domestik tetapi juga untuk mengeksport."

Terinspirasi dengan galakan itu, Prof. Norayati telah mendaftar dalam Program Pembangunan Pengeksport Wanita (*Women Exporters Development Programme*, WEDP) di bawah MATRADE selama tiga tahun, yang menyediakan bimbingan latihan, peningkatan kemahiran, pendedahan perniagaan antarabangsa, serapan pasaran, perangkaian dan pementoran serta latihan pengembangan kepimpinan dan keusahawanan untuk wanita. Beliau menyifatkan kejayaan syarikat menembusi pasaran luar negeri adalah disebabkan oleh program ini. "Program WEDP bukan sahaja mengajar kami cara mengeksport tetapi juga memberi kami keyakinan untuk meneroka pasaran baharu," kata Prof. Norayati. Beliau menambah, "Program WEDP telah mendorong perniagaan eksport kami. Setelah tamat mengikuti program pada tahun 2016, kami telah memperluas liputan eksport ke Emiriah Arab Bersatu, Qatar, Kuwait, United Kingdom dan China. Produk utama kami iaitu pensanitasi tangan pelembap tanpa bilas, kini digunakan di hospital di Oman, Macau, Brunei, Myanmar dan China."

Hana Medic telah menerima pensijilan standard global seperti *Good Manufacturing Practice*; ISO 9001: 2008 (Pengurusan Kualiti); ISO 13485: 2003 (Peranti Perubatan

Terinspirasi dengan galakan itu, Prof. Norayati telah mendaftar dalam Program Pembangunan Pengeksport Wanita (*Women Exporters Development Programme*, WEDP) di bawah MATRADE selama tiga tahun, yang menyediakan bimbingan latihan, peningkatan kemahiran, pendedahan perniagaan antarabangsa, serapan pasaran, perangkaian dan pementoran serta latihan pengembangan kepimpinan dan keusahawanan untuk wanita.

– Pengurusan Kualiti); Lesen Penubuhan Pembuatan dari Pihak Berkuasa Peranti Perubatan: (Seksyen 15 (1) Akta 737); dan perakuan Halal untuk produk daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Perniagaan eksport Hana Medic kini menyumbang sebanyak 30% kepada jumlah hasil dan menyasarkan untuk meningkatkannya kepada 60%. Dalam negeri, segmen runcit dan hospital masing-masing menyumbang sebanyak 30% dan 70% kepada jumlah hasil tempatan. Hana Medic juga mempelbagaikan produk kesihatan seperti JustGreat, minuman jus buahan campuran yang diperbuat daripada koktel durian belanda, mangga, limau kasturi dan madu asli. Produk ini dibangunkan secara bersama dengan Institut Penyelidikan




dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), dengan kos berjumlah RM2.5 juta dan sembilan tahun penyelidikan & pembangunan untuk dihasilkan dan telah memenangi banyak anugerah berprestij di Malaysia dan luar negara.

Prof. Norayati memulakan perniagaan dengan dana sendiri walaupun kemudiannya beliau menerima pembiayaan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah daripada SME Corp. Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA), MATRADE dan TERAJU. Pembiayaan yang diterima digunakan untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti serta pengembangan pasaran.

Beliau menambah, "Kami menjalankan ujian berkala terhadap keberkesanan produk kami. Pensanitasi tangan kami, Safercare Plus telah diuji di Jerman dan terbukti secara klinikal berkesan dalam menghapuskan pencemaran permukaan disebabkan oleh COVID-19. Ujian yang dijalankan menelan belanja yang besar. Kami amat menghargai setiap geran dan pinjaman mudah yang diterima yang membantu kami dalam menjalankan aktiviti berkenaan."

Mengenai bagaimana pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada perniagaannya, beliau berkata, "Memandangkan kami mengeluarkan produk perubatan dan penjagaan diri, maka sebenarnya penjualan meningkat disebabkan oleh penularan COVID-19."

Ditanya bagaimana Kerajaan boleh membantu PKS, beliau mencadangkan, "Agensi seperti MARA, MATRADE dan SME Corp. Malaysia secara berterusan menyokong dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh PKS. Sesetengah PKS mempunyai produk yang bagus tetapi kurang pengetahuan atau kemahiran pemasaran. Ada juga PKS yang mempunyai masalah kualiti."

Melangkah ke hadapan, Prof. Norayati berkata Hana Medic akan meneruskan usaha untuk memperluas pasarannya dengan terus menambah baik kualiti produk dan menerusi penjenamaan produk yang kukuh sebagai penyahjangkit halal terbaik dalam dan luar negara. Beliau juga ingin memperkenalkan rangkaian produk varian untuk memenuhi selera pasaran yang berubah.

Nasihatnya kepada bakal usahawan, "Jangan hanya fokus kepada keuntungan tetapi juga tentang bagaimana kita dapat memberi manfaat kepada masyarakat menerusi perniagaan kita. Produk kami, sebagai contoh, mestilah berkualiti tinggi dan bermanfaat kepada setiap lapisan masyarakat. Kerajaan menawarkan pelbagai sokongan kepada PKS. Kita harus menghargainya dengan menghasilkan produk berkualiti yang memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi secara amnya."

# Perjalanan LokaLocal ke Pengalaman Pelancongan yang Autentik



Mencari pengalaman pelancongan yang autentik dengan perjalanan yang dirancang oleh penduduk tempatan dan dibawa bersama penduduk tempatan? Ikuti perjalanan LokaLocal untuk pengalaman yang luar biasa.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi syarikat peringkat permulaan pelancongan LokaLocal, Chin Yoon Khen berkata, perniagaan yang berpusat di Petaling Jaya itu diilhamkan oleh pengalamannya ketika mendokumentasikan perdagangan tradisional di Pulau Pinang untuk bukunya bertajuk *Traditional Trades in Penang*. Ketika itulah beliau melihat keperluan platform untuk membantu memelihara tradisi-tradisi yang dimiliki dan juga menawarkan pengalaman pelancongan alternatif berbanding lawatan konvensional yang ditawarkan oleh kebanyakan ejen pelancongan.

Pelancongan autentik tempatan belum dimanfaatkan secara meluas lagi di Malaysia. Menerusi lawatan konvensional, pelancong hanya sambil lalu sesebuah kawasan tetapi dengan LokaLocal, mereka mendapat pengalaman yang lebih mendalam mengenai kawasan tempatan yang diterokai.

Beliau menjelaskan, "Minat terhadap pengalaman pelancongan yang luar biasa semakin meningkat berbanding pelancongan konvensional secara besar-besaran. Pelancongan autentik tempatan belum dimanfaatkan secara meluas lagi di Malaysia. Menerusi lawatan konvensional, pelancong hanya sambil lalu sesebuah kawasan tetapi dengan LokaLocal, mereka mendapat pengalaman yang lebih mendalam mengenai kawasan tempatan yang diterokai. Kami memadankan pelancong dengan penduduk tempatan sebagai pemandu pelancong yang berjalan bersama mereka dan memberikan mereka merasai keaslian kawasan yang dilawati. Tuan rumah tempatan berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat, daripada tukang mahir seperti pembuat batik hingga seorang ibu bekerjaya yang mempunyai minat terhadap masakan India, bekas wartawan televisyen hingga penyokong warisan."

LokaLocal ditubuhkan pada tahun 2016 dengan pelaburan awal diperolehi daripada pelabur angel (*angel investor*). Pada tahun

2017, syarikat ini memenangi anugerah *Best Social Impact* di Forum Pelancongan Mekong di Laos dan anugerah *Top 25 at the K-Startup Grand Challenge* di Korea Selatan. Kesemua pencapaian itu telah menarik perhatian BonAngels Partner Venture dari Korea Selatan, yang seterusnya menjadi pelabur utama syarikat ini.

Syarikat ini kini menjadi platform berasaskan pengalaman terbesar di Malaysia dan menghubungkan pelancong dengan pelbagai lawatan unik dan bengkel serta aktiviti lain, dengan tumpuan kepada pelancongan berasaskan komuniti yang membolehkan penduduk tempatan terlibat dan dalam masa yang sama menghasilkan manfaat sosial dan ekonomi untuk sesebuah komuniti.

Chin menyifatkan kejayaan LokaLocal sebagai 'pelaksanaan pantas dan berkualiti'. "Pasukan kami cukup fleksibel untuk mengubah perniagaan kami apabila diperlukan. Sebagai contoh, kami menyediakan lawatan maya berkualiti tinggi dengan tangkas dan cekap, secepat satu minggu untuk setiap projek." Namun, seperti kebanyakan perniagaan, syarikat ini juga terkesan akibat dilanda pandemik COVID-19. Chin berkata, "Tempahan telah menurun sebanyak 90%. Kami harus memastikan pasukan kami mendapat sokongan dan mengurangkan kos. Lebih penting lagi, kami harus mengubah perniagaan dengan menceburkan diri dalam realiti maya."

Syarikat mula mewujudkan lawatan secara maya dari bulan Mei 2020 untuk membantu rakan kembara serta menawarkan perkhidmatan ini kepada pelbagai perniagaan seperti hotel, tempat tarikan, hartanah, e-dagang dan restoran. Syarikat kini mempunyai platform terbesar untuk pengalaman realiti maya di Malaysia, dengan lebih daripada 140 lawatan maya untuk tarikan pelancongan dan lebih banyak lagi untuk sektor dalam pasaran seiring yang berbeza.



"Kami memanfaatkan kekuatan kami dalam teknologi dan penceritaan sambil memberi tumpuan kepada kepantasan dan pelaksanaan kami. Kami menggabungkan penceritaan menerusi fotografi, video, artikel dan lawatan realiti maya, bukan sahaja untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan berkongsi tentang kampung halaman, warisan dan kemahiran mereka, tetapi juga untuk perniagaan berkongsi visi dan kisah penjenamaan mereka."

LokaLocal kini mempunyai pasaran terbesar untuk pengalaman pelancongan tempatan di Malaysia, dengan aktiviti di tujuh negara lagi yang terdiri daripada Singapura, Vietnam, Indonesia, Laos, Jepun, Korea Selatan dan Myanmar. Ekspatriat yang tinggal di Malaysia dan pelancong asing mencakupi sebanyak 80% daripada pelanggannya. Syarikat juga mempunyai 129,000 pelanggan daripada 32 buah negara. Menyentuh tentang pergelutan di awal perniagaan, Chin menerima hanya sedikit sokongan kerana Malaysia, secara tradisinya, tidak begitu menerima syarikat peringkat permulaan teknologi (*tech start-ups*) seperti negara-negara lain. Beliau menyarankan pihak Kerajaan dapat membantu PKS, terutamanya pada saat krisis, dengan memanfaatkan pemain teknologi tempatan yang mempunyai penyelesaian




yang boleh dilaksanakan bagi menyokong pertumbuhan negara. Beliau menambah, "Beberapa PKS berasaskan teknologi sedang bergelut namun masih belum memperoleh sebarang bantuan disebabkan oleh perkara yang samar-samar dan pemahaman yang kurang tentang kepentingan pemain teknologi."

Mengenai hala tuju masa depan syarikat, Chin berkata, "Kami akan memberi tumpuan kepada realiti maya untuk masa hadapan yang boleh dijangkakan. Kami akan membuat projek lawatan maya di seluruh negara yang boleh digunakan oleh pemandu tempatan dan perniagaan tempatan. Kami juga akan memperluaskan perkhidmatan kami untuk diguna pakai dan disesuaikan mengikut kawasan setempat di negara lain. Kami membayangkan membantu orang merancang perjalanan sebelum dan semasa melancong dengan menghubungkan mereka dengan pengalaman tempatan dan menerusi pengalaman maya 360 darjah."

Beliau menambah, "Di seluruh dunia, realiti maya adalah trend yang semakin meningkat. Ini telah dipercepatkan oleh pandemik COVID-19 dan penerapan 5G. Negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Vietnam telah menerima penggunaannya manakala perniagaan di Malaysia secara beransur-ansur mula melihat nilainya. Ini merupakan peluang untuk membawa kemajuan teknologi yang lebih besar ke Malaysia dan Asia Tenggara."

**Apa yang diperlukan untuk berjaya dalam perniagaan seperti LokaLocal?**

"Sekiranya anda mempunyai penetapan minda dan sikap yang betul, keinginan, kepuasan dan kesediaan untuk belajar, anda berpotensi untuk berkembang dalam bidang ini. Tidak ada satu cara sahaja untuk mencapai kejayaan tetapi selagi anda boleh berfikir secara global dan mencari jalan penyelesaian secara tempatan, anda pasti akan mencari jalan untuk mencapai visi anda."

**Apa nasihat Chin untuk usahawan yang bercita-cita tinggi?**

"Sentiasa memperbaiki dan menyesuaikan diri agar tetap relevan. Perjalanan perniagaan adalah perjalanan yang mencabar, oleh itu tetap setia pada persoalan 'mengapa' anda dan sentiasa berusaha untuk teruskan."

# Kemanisan Kejayaan Dayang Sophia






Sophia Taha Holdings Sdn Bhd (STHSB) merupakan sebuah entiti pelbagai yang terlibat dalam tatasusunan aktiviti merangkumi pembuatan, pembuatan kontrak, ujian halal, makanan & minuman, pembinaan dan banyak lagi. Syarikat yang dahulunya dikenali sebagai Siti Hajar Enterprise, STHSB yang berpusat di Kuching telah diperbadankan di bawah nama semasa pada tahun 2009.

Pada tahun 2014, firma ini mengambil langkah 'manis' dalam pengeluaran madu lebah kelulut sebagai tambahan kepada pelbagai aktiviti sedia ada. Pemilik STHSB, Dayang Sophia Abang Taha menerangkan tentang penceburan ke perniagaan madu. "Kami lihat potensi madu lebah kelulut sebagai produk makanan super dan memutuskan untuk menceburkan diri dalam perniagaan asas tani dengan membuka ladang lebah kelulut. Lanjutan daripada itu, kami melibatkan diri dalam produk kosmetik dan penjagaan kulit dengan ramuan madu lebah kelulut."

Rangkaian kosmetik dan penjagaan kulit menyusul dengan pelancaran madu kelulut, propolis dan minuman berasaskan madu kelulut pada tahun 2015. STHSB telah melancarkan satu lagi produk penjagaan kulit yang dirumuskan di Switzerland pada tahun 2019. Pada tahun 2020, syarikat telah melancarkan pensanitasi tangan, satu-satunya produk keluaran tempatan di Sarawak. STHSB kini mengusahakan kilang yang telah mendapat pensijilan halal dan pensijilan MesTI bagi pengeluaran produk madu kelulut. Produk madu kelulut pertama kali dipamerkan di Ekspo Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2015. Sambutan terhadap produk itu adalah sangat menggalakkan dengan RM30,000 jualan direkodkan, membolehkan STHSB menerima penghargaan jualan tertinggi bagi kategori industri asas tani di ekspo yang dianjurkan. Sejak itu, syarikat telah memenangi pelbagai anugerah, termasuk Anugerah Kecemerlangan Industri Ketua Menteri 2019; Anugerah Usahawan Bumiputera Sarawak Paling Berpotensi 2019; dan pemenang Cabaran Perniagaan Luar Bandar 2016 peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Pada tahun 2017, STHSB terus melakar kemajuan dengan berpindah ke fasiliti yang lebih besar bagi menampung penambahan pengeluaran. Syarikat kini mengendalikan dua kilang yang beroperasi secara automatik sepenuhnya - yang pertama seumpamanya di Sarawak - untuk pengeluaran makanan & minuman dan produk kosmetik. Pada tahun 2018, syarikat ini telah mencapai kejayaan cemerlang dengan pembikinan penyahlembap tersendiri untuk madu lebah kelulut disamping memperolehi sijil halal untuk produk ini. Dayang Sophia berkata syarikatnya adalah yang pertama di dunia

yang menghasilkan kopi propolis lebah kelulut dalam bentuk uncang, cecair propolis yang larut dalam air dan produk kosmetik berasaskan madu.

Pada tahun 2019, firma ini telah memperolehi sijil GMP (*Good Manufacturing Practice*) untuk kilangnya dan membuat lonjakan berganda untuk menjadi pengeksport dengan penghantaran pertama produk madu lebah kelulut mereka ke Jepun, sebuah pasaran yang sangat sukar untuk ditembusi disebabkan keperluan kualiti yang ketat.

Dayang Sophia memberitahu bahawa perniagaan ini sangat bertuah apabila mendapat pembiayaan dan khidmat sokongan lain daripada Kerajaan. Beliau menjelaskan, "Kami membiayai usaha niaga madu lebah kelulut dengan pembiayaan persendirian. Namun begitu, ketika kami memerlukan modal tambahan untuk operasi kami, kami bernasib baik kerana memenangi Cabaran Perniagaan Luar Bandar 2016. Wang hadiah membolehkan kami menaik taraf kilang pemprosesan madu serta dapat membuka kilang kosmetik pertama di Sarawak. Pembukaan kilang kosmetik ini merupakan pembangunan yang ketara kerana sebelum ini, semua pengeluar kosmetik di Sarawak terpaksa menggunakan kilang kosmetik di Semenanjung Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan. Hal itu telah menyebabkan banyak kesulitan dari segi penglibatan logistik. Kami juga telah menerima geran daripada MARA dan SME Corp. Malaysia dalam bentuk peralatan untuk kilang kami."

Syarikat ini menggunakan platform media sosial dan pasaran e-dagang seperti Facebook, Googleland, StreamYard dan Shopee untuk mempromosikan produknya. Dayang Sophia memberitahu bahawa kehadiran dalam talian telah memberi bantuan yang luar biasa dalam penjualan produk mereka ketika keadaan krisis seperti pandemik COVID-19.

Mengenai kesan COVID-19 terhadap perniagaannya, beliau berkata, "Pandemik ini telah mengganggu perniagaan serta meningkatkan kos untuk penghantaran dan perkhidmatan logistik. Harga bahan mentah meningkat manakala permintaan menurun."

"Selain penjualan madu lebah kelulut, pendapatan utama kami yang lain dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperoleh daripada penjualan produk pensanitasi tangan. Mujurlah, kami telah mendapat bantuan daripada inisiatif PRIHATIN dan PENJANA seperti Program Subsidi Upah. Inisiatif ini telah membantu kami mengekalkan pengoperasian."

Memandang ke hadapan, Dayang Sophia mengatakan bahawa beliau membayangkan STHSB sebagai salah satu pengeluar produk Malaysia semula jadi berkualiti tinggi, premium dan inovatif menjelang tahun 2025. Beliau menambah, "Kekuatan kami adalah produk berkualiti dan harga yang berpatutan. Kami merancang untuk memohon sijil HACCP (*Hazard Analysis Critical Control Points*), ISO 22000 & ISO 22716:2017; menubuhkan Makmal Halal bertauliah ISO 17025 pertama di Borneo, yang sebenarnya telah kira-kira 40% sedang dibangunkan pada masa ini; dan memperluaskan fasiliti sedia ada. Kami juga ingin menceburkan diri dalam bidang farmaseutikal."

Bagi mereka yang beraspirasi menjadi usahawan dalam sektor pembuatan, beliau menasihati, "Ketahui perniagaan dan produk anda dengan teliti. Beringat bahawa sektor pembuatan memerlukan banyak modal. Sesiapa yang ingin menceburkan diri dalam sektor ini mesti memahami sepenuhnya apa yang diperlukan dan juga berpengetahuan mengenai amalan perdagangan. Dan jangan lupa bahawa kos meningkat dan produktiviti adalah kunci untuk mengekalkan penyata pendapatan yang sihat."

# Perniagaan 'Bersih' daripada Minda yang Inovatif

Pada usia enam belas tahun, Aaron Patel terpaksa meninggalkan pengajiannya demi menyara keluarga dan mengambil alih operasi perniagaan perdagangan berkaitan termal setelah ayahnya jatuh sakit. Secara kebetulan, pada tahun terakhir sekolah menengah, beliau menjadi tertarik dengan termodinamik dan pemindahan haba.

Ketika menjalankan penyelidikannya, beliau mendapati bahawa kos pemanasan boleh mencapai sehingga 20% daripada jumlah kos output dalam sektor intensif tenaga seperti pembuatan berat dan terdapat penyelesaian terhad bagi kecekapan terma di Malaysia. Penemuan itu mencetuskan semangatnya untuk mencari dan menawarkan penyelesaian bagi kecekapan tenaga.

Patel, jurutera-pencipta bertukar usahawan, merupakan pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif iHandal Energy Solutions Sdn Bhd, sebuah syarikat kejuruteraan turnkey dan kontrak yang menawarkan penyelesaian untuk kecekapan tenaga. Beliau telah menubuhkan iHandal pada tahun 2009 sebagai satu jalan untuk meneruskan minatnya terhadap penyelesaian kecekapan tenaga.

Patel ketika menceritakan penglibatan awalnya dalam perniagaan penyelesaian tenaga berkata, "Saya berhubung dengan pembekal pengeluar peralatan asli (*original equipment manufacturer*, OEM) bagi penyelesaian tenaga untuk memasarkan peralatan mereka. Kemudian saya mula membuat *pitching* tentang faedah penjimatan tenaga daripada penyelesaian termal ini dan akhirnya kumpulan Hotel Tune menjadi pelanggan pertama saya. Perniagaan kami kini adalah hasil daripada perjanjian berkenaan."



Patel menjelaskan model perniagaannya, "Kami menawarkan penyelesaian yang khusus untuk membantu pelanggan memaksimumkan tenaga dan penjimatan operasi dalam bidang seperti pemanasan air, proses penyejukan, penyaman udara dan haba buangan kepada aplikasi kuasa. Dalam istilah awam, kami menggunakan teknologi kami untuk memulihkan tenaga buangan daripada pelanggan, contohnya, daripada tempat letak kereta dan alat penyaman udara, memampatkan dan kemudian menyalurkan tenaga kitar semula untuk memanaskan atau menyejukkan fasiliti mereka."

Dengan fokus utamanya pada sektor hospitaliti dan penjagaan kesihatan Malaysia, iHandal telah menyelesaikan lebih daripada enam puluh projek utama sejak enam tahun kebelakangan ini dan mempunyai bahagian pasaran melebihi 60% untuk penjanaan air panas daripada tenaga sisa termal dalam

Sejak tahun 2017, iHandal telah membangunkan dan melesenkan teknologi bagi membolehkan peluasan aplikasi penyelesaian mereka terhadap industri seperti sarung tangan, farmaseutikal dan pembuatan makanan.

industri hospitaliti. Ini memberikan, setiap tahun, pengurangan jejak karbon hampir 100,000 tan karbon dioksida, yang setara dengan pelepasan $CO_2$ (karbon dioksida) lebih daripada 21,700 kereta.

Sejak tahun 2017, iHandal telah membangunkan dan melesenkan teknologi bagi membolehkan peluasan aplikasi penyelesaian mereka terhadap industri seperti sarung tangan, farmaseutikal dan pembuatan makanan. Patel berkata, penyelesaian tenaga proprietari telah membolehkan pelanggan memperolehi penjimatan sehingga 75% daripada kos tenaga mereka dan memberikan penjimatan sebanyak 5% daripada jumlah pendapatan.

Hari ini, iHandal mempunyai pelanggan di lapan negara Asia Tenggara dan di Australia serta sedang berkembang ke Amerika Syarikat menerusi jemputan daripada New York State Energy Research and Development Authority. Patel menganggap, "Pertumbuhan eksponen syarikat ini di peringkat serantau adalah kerana kemampuan kami untuk menunaikan semua janji kami." Beliau menambah bahawa 90% penjanaan perniagaan adalah menerusi rujukan daripada pelanggan.

iHandal pada awalnya menjual teknologi mereka sebagai suatu produk tetapi kini telah menyediakannya sebagai perkhidmatan sewaan jangka panjang. "Ini," jelas Patel, "memastikan perniagaan jangka panjang bagi kami dan juga perkhidmatan ini tidak menyusahkan pelanggan kerana kami kini komited terhadap perkhidmatan selepas jualan produk kami." Mengimbau kembali hari-hari terdahulu, beliau berkata, "Sukar untuk mendapatkan kerja daripada organisasi besar. Sebelum melihat cadangan kami, mereka mahu melihat rekod prestasi kami, sama ada penyelesaian kami telah dicuba dan diuji. Setelah mendapat perjanjian pertama dengan Hotel Tune, kami menunggu hampir dua tahun untuk mendapatkan pelanggan seterusnya. Kami menggunakan cabaran berkenaan sebagai motivasi untuk membina rekod prestasi. Kami bermula dengan syarikat yang lebih kecil, bergerak ke hadapan dengan perlahan, daripada satu projek ke projek yang lain sehingga kami memperoleh majoriti bahagian pasaran dalam masa beberapa tahun."

Perniagaan ini mendapat dana daripada keluarga dan rakan-rakan pada tahun pertama dan telah berkembang secara organik menerusi pendapatannya sejak itu. Baru-baru ini, syarikat telah mendapat pendanaan ekuiti ramai (*equity crowdfunding*, ECF). Setelah beberapa tahun beroperasi, syarikat telah diberikan Elaun Cukai Pelaburan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Development Authority, MIDA) untuk projek cekap tenaga, yang telah membantu melabur semula modal tambahan untuk mengembangkan perniagaan dengan lebih jauh.

Tentang cabaran yang timbul daripada COVID-19, Patel memberitahu, "Perkembangan yang positif daripada krisis ini adalah perniagaan yang menghadapi ketidakpastian ekonomi telah mengalihkan perhatian mereka kepada penyelesaian mampan yang kami sediakan. Sebelum ini mereka hanya memfokuskan kepada bantuan kewangan segera yang dapat kami berikan. Fokus global pada kelestarian juga telah



membantu meletakkan kecekapan tenaga dan teknologi hijau di barisan hadapan tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*, CSR) kebanyakan syarikat."

Tentang sokongan yang diterima daripada Kerajaan ketika krisis COVID-19, Patel menambah, "Kami berterima kasih atas sokongan daripada Kerajaan. Program Subsidi Upah, contohnya, telah membantu kami mengekalkan tenaga kerja kami bahkan dapat melakukan pengambilan pekerja. COVID-19 telah mempercepatkan keperluan PKS untuk pemodenan dan menjadi lebih tangkas. Kerajaan menawarkan pelbagai program dan insentif untuk meningkatkan kemahiran dan transformasi, tetapi banyak PKS tidak menyedarinya. Kerajaan harus meningkatkan kesedaran dalam kalangan PKS tentang bantuan yang disediakan."

Mengenai rancangan masa hadapan iHandal, beliau berkata, "Kami ingin menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih dengan menjadi penyedia penyelesaian kecekapan termal yang paling inovatif di seluruh Asia Tenggara. Kami fokus untuk mengembangkan penyelesaian yang khusus untuk lebih ramai pelanggan dan juga untuk meneruskan pengembangan global kami. Dengan pelaburan berterusan dalam penyelidikan dan pembangunan (*research and development*, R&D), kami dapat mengkomersialkan teknologi baharu yang bersinergi dengan penawaran penyelesaian kami ketika ini. Ini membolehkan kami bekerja dengan lebih ramai pelanggan daripada pelbagai sektor dan aplikasi baharu. Kami telah menghasilkan pengurangan karbon dioksida setara dengan 200,000 tan setiap tahun sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan matlamat kami adalah untuk menghasilkan pelepasan 200 juta tan $CO_2$ setiap tahun menjelang 2030."

**Apa nasihat Patel kepada mereka yang beraspirasi untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan sepertinya?**

"Bersikap ikhlas ketika menceburkan diri dalam bidang ini dan biarkan ia membimbing anda dalam usaha anda. Jangan menganggap ini sebagai perkara baharu kerana anda tidak akan mempunyai kegigihan untuk berjaya sekiranya anda tidak menumpukan sepenuh masa kepadanya. Ingat bahawa kejuruteraan adalah bidang yang umum dan luas, dengan ramai orang memasukinya. Perniagaan kami adalah subset khusus bidang kejuruteraan. Pendedahan dan masa diperlukan untuk membina set kemahiran khusus, dan tidak dapat diajar dengan mudah."


# MELANGKAH KE HADAPAN

## Bertahan dan Berkembang Maju dalam Dunia Pasca COVID-19



# Melangkah ke Hadapan

## Bertahan dan Berkembang Maju dalam Dunia Pasca COVID-19



Tiada pengakhiran terhadap ketidakpastian dalam senario kesihatan global menyebabkan kesukaran bagi perniagaan untuk membuat rancangan. Walaupun terdapat persoalan seperti bila kehidupan akan kembali normal dan seperti apa situasi normal baharu akan kelihatan, tindakan 'tunggu dan lihat' bukanlah pilihan yang wajar. Sebilangan besar PKS sudah mengambil langkah dan membuat keputusan yang kebanyakannya berkisar pada penerapan teknologi baharu. Digitalisasi bukan lagi pilihan namun merupakan keperluan. Ungkapan 'terdapat hanya dua jenis perniagaan pada hari ini – perniagaan yang sudah menerapkan digital dan perniagaan yang akan menerapkannya nanti' semakin meluas dalam internet. PKS perlu membangunkan atau memperkukuh strategi digitalisasi mereka untuk meraih peluang akses pasaran serta kekal relevan dalam perniagaan.

Untuk muncul lebih kuat daripada krisis yang melanda kini, adalah berbaloi bagi PKS meneroka cara model perniagaan mereka dapat menggunakan teknologi digital ke arah pemulihan hijau, iaitu topik yang semakin banyak dibincangkan di Eropah dan China. Sebagai contoh, parlimen Kesatuan Eropah (*European Union*, EU) telah memohon Suruhanjaya untuk mengusulkan pakej pemulihan dan pembinaan semula yang 'harus ada pada terasnya, Perjanjian Hijau dan transformasi digital bagi memulakan ekonomi'. Di China, cadangan sedang dibuat untuk menggunakan platform digital sebagai platform untuk mempromosikan penggunaan lestari termasuk menjadikan baucar pengguna hijau, sebagai sebahagian daripada pakej pemulihan ekonomi dan pembangunan berterusan bagi sistem kewangan hijau China.

Di peringkat ASEAN, di sebalik krisis COVID-19, terdapat kepentingan baharu terhadap kelestarian. Negara-negara ASEAN telah mengumumkan inisiatif khusus, seperti Thailand tentang strategi sifar karbon, Singapura mengenai belanjawan khas untuk penyelidikan perubahan iklim dan Kemboja tentang objektif untuk mencapai peneutralan karbon. Ringkasan Dasar Institut Penyelidikan CIMB ASEAN (CIMB ASEAN Research Institute, CARI): Penghijauan ASEAN – Ulasan dan Cadangan untuk Langkah-langkah Rangsangan COVID-19, Januari 2021, memberikan beberapa cadangan dasar dalam bidang kelestarian, termasuk rangkuman insentif kewangan untuk perniagaan, terutamanya PKS yang menyumbang kepada ekonomi berkarbon rendah dan pembahagian bantuan bagi firma yang menumpukan kepada tenaga boleh diperbaharui.

Bagi Malaysia, memiliki usaha pemulihan jangka panjang menerusi langkah revitalisasi sistematik adalah sangat penting untuk memperolehi pencapaian yang pantas dan besar dalam konteks pembangunan PKS. Antara langkah yang boleh dipertimbangkan termasuk:

Melaksanakan pensubsidian produktif bagi inovasi inklusif adalah konsisten dengan Konsep Perkebunan Ekonomi (*Economic Gardening Concept*), dengan panel penyedia teknologi atau kemahiran dipilih untuk memperkasa PKS. Contoh yang baik bagi pensubsidian produktif adalah program *Micro Connector* oleh SME Corp. Malaysia. Program ini memberi bantuan yang dipermudahkan untuk perusahaan mikro menubuhkan dan menjalankan perniagaan mereka, serta melatih komuniti B40 untuk memperoleh kemahiran baharu bagi menjana pendapatan menerusi keusahawanan. Salah satu penyedia teknologi di bawah program ini adalah Idea Creative Technology Sdn Bhd yang mencetuskan idea *Warong Rider*, iaitu platform penghantaran baharu yang dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada bulan November 2020. Oleh kerana harga perkhidmatan penghantaran yang ditawarkan agak berpatutan, pelanggan penyedia teknologi ini telah berkembang daripada tujuan awal untuk membantu penjaja dan peniaga di seluruh Malaysia kepada perniagaan di rumah, perniagaan dalam talian dan PKS.




Mencapai kesan penggandaan perbelanjaan Kerajaan yang disandarkan pada penggunaan teknologi tempatan untuk mengoptimumkan pertumbuhan, merupakan langkah revitalisasi sistematik yang berpotensi bertindak sebagai pengganda optimum pada peruntukan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2021. Langkah ini akan menghasilkan pengganda huluan (*upstream*) kepada pengeluar mesin dan pengganda hiliran (*downstream*) kepada pelbagai ladang.

Memperoleh lebih banyak program Kerajaan dengan pelbagai skop yang serba guna dan akan mengurangkan keperluan PKS bagi mendekati pelbagai agensi untuk gabungan sokongan. Langkah ini juga akan membantu mengurangkan pertindihan program antara Kementerian dan agensi.

Meningkatkan penyertaan PKS dalam rantaian bekalan menerusi ePerolehan dan memberi insentif kepada PKS yang berintegrasi ke dalam rantaian bekalan syarikat multinasional / syarikat berkaitan Kerajaan / syarikat besar yang akan terus memperkukuh peranan PKS sebagai sumber pertumbuhan endogen.

Kerajaan perlu lebih strategik mengenai apa dan bagaimana sumber dapat dibelanjakan bagi memperoleh pulangan pelaburan yang lebih pantas dan lebih besar. Pelaksanaan langkah pemulihan dan revitalisasi dapat diambil dengan mengenal pasti industri pertumbuhan tinggi dan kawasan ideal dengan Malaysia mempunyai kelebihan daya saing. Sumber yang lebih besar juga boleh diperuntukkan untuk langkah-langkah holistik yang memenuhi keperluan sepanjang rantaian nilai bagi mengekalkan kecekapan dan daya saing. Akhirnya, langkah-langkah ini harus menyokong transformasi digital menerusi lensa kelestarian, iaitu lebih banyak sumber dan iklim yang cekap, lebih berpusat pada manusia dan lebih dipercayai.

# LAMPIRAN

**Lampiran 1**
Senarai Program Pembangunan PKS dan Keusahawanan Terpilih pada Tahun 2019 & 2020

**Lampiran 2**
Glosari Singkatan

**Lampiran 3**
Definisi PKS



# Lampiran 1

## Senarai Program Pembangunan PKS dan Keusahawanan Terpilih pada Tahun 2019

### AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| TEKUN Nasional (TEKUN) | Pembiayaan TEKUN | • Menyediakan dana kepada PKS untuk pengembangan;<br>• Menyediakan maklumat keusahawanan dan peluang perniagaan kepada peserta TEKUN;<br>• Memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada peserta TEKUN;<br>• Membangun komuniti keusahawanan TEKUN yang cekap, inovatif dan progresif;<br>• Memperkenal budaya usahawan dalam kalangan peserta; dan<br>• Menyediakan kemudahan pembiayaan mikro bagi keperluan modal kerja untuk membantu usahawan Bumiputera kecil dalam melaksanakan perniagaan dan projek permulaan yang baharu. |
| SME Corp. Malaysia | *Business Accelerator Programme* (BAP) | Program bersepadu untuk membangun dan memupuk PKS yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan menerusi SCORE, pembinaan kapasiti, nasihat dan sokongan teknikal serta sokongan pembiayaan. |
| **AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)** | | |
| AIM | Skim Pembiayaan Ikhtiar | Mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia dengan menyediakan pembiayaan kepada isi rumah yang tidak berkemampuan bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti ekonomi yang berdaya maju untuk meningkatkan pendapatan isi rumah termasuk i-Mesra, i-Srikandi dan i-Wibawa. |

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)** | | |
| Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) | Skim Jaminan Modal Kerja | Membantu PKS dalam semua sektor untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian. |
| **BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)** | | |
| BNM | Dana Bank Negara Malaysia untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (Dana BNM untuk PKS) | Memastikan PKS yang layak menerima kos pembiayaan yang munasabah untuk memulakan perniagaan mereka dan mempromosikan pertumbuhan dan pengembangan mereka. |

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) | Program Latihan Perniagaan INSKEN untuk Pertumbuhan, Pengembangan dan Kematangan | Latihan selama dua hari yang memberi tumpuan kepada pengetahuan teknikal bertujuan untuk membimbing usahawan menubuhkan & menguatkan operasi perniagaan hari ke hari mereka termasuk tadbir urus perniagaan, pengurusan kewangan, operasi pemasaran & penerapan teknologi bagi membantu usahawan untuk beroperasi dengan cekap dan berkesan. |
| **KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)** | | |
| Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) | eUsahawan | Menggalakkan PKS untuk menyertai perniagaan dalam talian. |
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)** | | |
| Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) | Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) | Memberi peluang kepada wanita dan ibu tunggal daripada pelbagai latar belakang untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemahiran seperti jahitan, sulaman dan kursus pemasaran dalam talian. |
| **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)** | | |
| Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) | Program Latihan Eksport | Melengkapi PKS dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan keupayaan eksport mereka. |

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI, TERMINAL PERINDUSTRIAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN (MINTRED)** | | |
| MINTRED | Pembangunan keusahawanan di kawasan terpilih:<br>• Pemprosesan & teknologi makanan;<br>• Program Pembangunan Industri Seramik (CIDP);<br>• Songket Tenun;<br>• Meneroka peluang program dalam sektor Komersial dan Perindustrian; dan<br>• Bengkel untuk industri makanan, industri minyak & gas dan industri pembinaan kapal & perkapalan. | • Meningkatkan kemahiran keusahawanan, pengetahuan dan teknikal untuk usahawan sedia ada, berpotensi dan baharu menerusi latihan;<br>• Menyebarkan maklumat mengenai peluang perniagaan, bantuan kewangan dan pinjaman, kemudahan infrastruktur dan program terkini;<br>• Berkongsi peluang pelaburan baharu;<br>• Meningkatkan kapasiti dan keupayaan;<br>• Menyokong komuniti perniagaan;<br>• Menggalakkan pelaburan domestik;<br>• Meneroka peluang program dalam sektor komersial dan perindustrian;<br>• Menggalakkan penyertaan usahawan tempatan dalam industri;<br>• Memudahkan pendaftaran, pelesenan dan prosedur tender kepada syarikat Sarawak; dan<br>• Berkongsi keperluan cukai barang dan perkhidmatan (GST). |

## PENERAPAN TEKNOLOGI DAN INOVASI

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| SME Corp. Malaysia | Program Berimpak Tinggi (HIP) 5: Program Pemangkin | • Mewujudkan juara tempatan menerusi pendekatan yang disasarkan dengan membina keupayaan dan kapasiti syarikat yang mengambil bahagian menerusi program pembangunan, peruntukan perisikan pasaran dan peningkatan dalam akses pasaran untuk mewujudkan pertumbuhan PKS yang tinggi menerusi pendekatan yang disasarkan sesuai dengan Program Berimpak Tinggi: Program Pemangkin PKS dan Pelan Induk PKS<br>• Mencipta sekurang-kurangnya sepuluh juara tempatan dalam industri peranti perubatan<br>• Membangun dan mengintegrasi PKS ke dalam rantaian bekalan aeroangkasa global; dan<br>• Membangunkan firma berpertumbuhan tinggi dalam sektor pengangkutan kereta api dan menjadi juara tempatan dengan menanam dan mengintegrasikannya ke dalam rantaian bekalan industri rel. Program ini sejajar dengan Pelan Induk PKS (2012-2020) untuk mengembangkan PKS dalam bentuk pembangunan keupayaan serta memudahkan untuk menembusi ke dalam pasaran baharu dan mencipta hubungan dengan pemain utama dalam industri rel. |
| **KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)** | | |
| Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) | Zon Perdagangan Bebas Digital | Menggalakkan pelaporan PKS. |
| **KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)** | | |
| Bahagian Industri Asas Tani (IAT) | *Change Upgrade Product* (CUP) | • Trend: Pembangunan & pengembangan produk dan meningkatkan kualiti produk.<br>• *Beyond*: Keupayaan produk |

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (MOE)** | | |
| MOE | Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) | Mewujudkan ekosistem mesra pengetahuan dengan:<br>• Memperkukuh kerjasama awam-swasta menerusi penyelidikan dan inovasi;<br>• Meningkatkan produktiviti industri menerusi penerapan teknologi terkini dan teknologi yang sesuai;<br>• Menggalakkan ahli akademik untuk menjalankan penyelidikan berasaskan permintaan; dan<br>• Menawarkan geran yang sesuai untuk projek inovasi yang didorong oleh permintaan dalam skop pembangunan produk dan proses serta inovasi dan penambahbaikan nilai dalam rantaian bekalan. |
| **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)** | | |
| Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) | Sistem Pengeluaran Lean (LPS) | Memperkukuh daya saing vendor automotif sedia ada dalam komponen sektor pembuatan ke tahap 3 iaitu keupayaan dalam pembangunan alatan, sebagaimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014 menerusi Program Kecemerlangan Pembekal Automotif (ASEP) dan Sistem Pengeluaran Lean (LPS) - kemahiran operasi. |

## AKSES PASARAN

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| Bahagian Keusahawanan Bumiputera dan PKS (BKB) | Program Peningkatan Prestasi dan Daya Saing PKS (PKPKS) | Memupuk, mempelopori dan meningkatkan PKS Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi daripada perusahaan mikro ke kecil dan sederhana dan pada akhirnya, menjadi syarikat siap sedia eksport yang bersedia memasarkan produk mereka di pasaran domestik serta mengeksport produk dan perkhidmatan mereka ke seluruh negara. |
| **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)** | | |
| MOTAC | Latihan dan peningkatan kemahiran usahawan inap desa | Meningkatkan penjualan kraf dalam pasaran domestik dan antarabangsa. |
| **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI, TERMINAL PERINDUSTRIAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN (MINTRED)** | | |
| MINTRED | Pameran Usahawan Bumiputera Sarawak | Menyediakan peluang perniagaan dan meningkatkan pendapatan para usahawan. |
| | Pameran dan Ekspo Perdagangan Domestik & Antarabangsa | Membantu usahawan dalam mempromosikan produk mereka di pameran antarabangsa / domestik. |
| **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)** | | |
| Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) | eTRADE | Membantu PKS mengambil bahagian dalam e-pasaran terkemuka antarabangsa menerusi eTRADE. |

## INFRASTRUKTUR

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU)** | | |
| Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) | Program Tunas Niaga (PROTUNE) | Mencipta dan meningkatkan kesedaran tentang perniagaan dalam kalangan pelajar sekolah berdasarkan teori dan praktikal sebagai perniagaan sebenar. |
| **KERAJAAN NEGERI SABAH** | | |
| Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Sabah / KPLB) | Pembangunan Usahawan Desa | Membina atau menaik taraf bangunan tambahan di Pusat Keusahawanan Desa (PKD) / Tamuniaga / Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) dan menyediakan peralatan yang sesuai bagi usahawan untuk mengendalikan dan memulakan / mengembangkan perniagaan. |
| | Satu Daerah Satu Produk (SDSP) | Membina atau menaik taraf infrastruktur dan menyediakan peralatan untuk usahawan beroperasi dan memulakan perniagaan di desa terpilih. |
| **PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD (PUNB)** | | |
| PUNB | Premis PROSPER | • Membeli premis runcit di lokasi strategik; dan<br>• Meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam hartanah komersial. |
| **JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)** | | |
| JAKOA | Membangunkan premis perniagaan | Penyediaan premis perniagaan untuk usahawan Orang Asli. |

## PERSEKITARAN PERUNDANGAN DAN PENGAWALSELIAAN

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| SME Corp. Malaysia | Program Berimpak Tinggi (HIP) 1: Integrasi Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan | Mewujudkan satu gerbang untuk pendaftaran perniagaan dan pelesenan bagi menggalakkan pembentukan perniagaan. |

# Senarai Program Pembangunan PKS dan Keusahawanan Terpilih pada Tahun 2020

## AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BKRM) | Pembiayaan PKS | Membantu PKS memperolehi akses kepada pembiayaan bagi keperluan modal kerja dan perbelanjaan modal (CAPEX). |
| SME Corp. Malaysia | Skim Pembiayaan PKS Patuh Shariah (SSFS) | Menyediakan bantuan pembiayaan kepada PKS Malaysia yang layak dengan Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk membayar 2.0% kadar keuntungan yang dikenakan ke atas pembiayaan yang disediakan oleh 19 Institusi Kewangan Islam yang mengambil bahagian. |
| Perbadanan Nasional Berhad (PNS) | Skim Pembiayaan PNS | Membangun dan mempromosi Usahawan Bumiputera Tahap Tengah (MLBE) dalam perniagaan francais menerusi bantuan kewangan untuk tujuan pengembangan perniagaan dan permulaan syarikat francais baharu. |
| **BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)** | | |
| Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) | Tabung Projek Usahawan Bumiputera - i (TPUB-i) | Menyediakan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera kecil & sederhana yang telah diperuntukkan projek / kontrak tetapi tidak berjaya mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. |
| **KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)** | | |
| Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) | Skim Jaminan Modal Kerja - Syarikat di Peringkat Permulaan | Membantu PKS di peringkat permulaan untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian. |

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| Professional Training & Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) | *Reach-Out, Awareness and Development* (ROAD) | Meningkatkan kesedaran para pelajar institusi pengajian tinggi / institut latihan kemahiran awam dan graduan yang menganggur mengenai ekosistem keusahawanan dan kebolehkerjaan serta meningkatkan potensi kebolehpasaran. |
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)** | | |
| KPLB | Desa Lestari (DL) | • Meningkatkan kebolehan komuniti dalam merancang dan melaksanakan projek-projek di desa; dan<br>• Membangunkan aktiviti ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan penciptaan kekayaan kepada masyarakat menerusi platform kerjasama. |
| **KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)** | | |
| Bahagian Industri Makanan (IM) | Program Pembangunan Usahawan | • Program geran padanan produk berimpak tinggi (pengusaha industri asas tani dengan jualan sebanyak RM300,000 sehingga RM15 juta);<br>• Program geran padanan *Change Upgrade Product* (pengusaha industri asas tani dengan penjualan kurang daripada RM300,000);<br>• Geran pelancongan agro untuk membina dan menaik taraf infrastruktur dan kualiti perkhidmatan;<br>• Program pembangunan modal insan untuk meningkatkan pembangunan modal insan dalam kalangan PKS / usahawan dengan memperkukuh pengetahuan dan kemahiran keusahawanan industri asas tani; dan<br>• Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran. |

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)** | | |
| Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia (HANDICRAFT) | Satu Daerah Satu Industri - Program Produk Kraf | Memupuk usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing dalam pembangunan industri kraf. |
| **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)** | | |
| Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) | Program Pembangunan Modal Insan Halal | Pengetahuan dan latihan keusahawanan berkaitan Halal termasuk Asas-Asas Industri Halal, Sistem Pengurusan Jaminan Halal, Pengawasan Dalaman Halal, Program Eksekutif Halal dan kursus keusahawanan lain berdasarkan keperluan PKS. |

## PENERAPAN TEKNOLOGI DAN INOVASI

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)** | | |
| Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) | Pelaksanaan Pelan Halatuju Strategik eDagang Kebangsaan (eCommerce) | Menggandakan kadar pertumbuhan e-dagang Malaysia menerusi:<br>• Koordinasi antara kementerian / agensi dan institusi untuk pelaksanaan dan pemantauan halatuju;<br>• Menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pemain e-dagang untuk berkembang / mengembangkan perniagaan mereka; dan<br>• Memelihara dan mengembangkan penyedia teknologi perdagangan tempatan dan vendor dalam talian agar dikenali dan berdaya saing di seluruh dunia. |
| **KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)** | | |
| Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) | Pembangunan Usahawan Tekno Moden yang kompetitif di pasaran domestik dan global | • Perkhidmatan teknikal kepada usahawan kumpulan sasaran;<br>• Perkhidmatan teknikal kepada bakal usahawan dan pelanggan *one-off*;<br>• Usahawan dan bakal usahawan yang memperolehi manfaat daripada aplikasi teknologi dan aktiviti inovasi produk menerusi perkhidmatan profesional di *Test Beds*, Inkubator dan *Model Farm*; dan<br>• Peningkatan kualiti produk usahawan menggunakan teknik yang sesuai dan teknologi pembungkusan yang tepat dalam memenuhi permintaan pasaran dan keperluan peraturan. |
| **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)** | | |
| Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia (HANDICRAFT) | Program Pembangunan dan Reka Bentuk Kraf | Menghasilkan produk kraf yang berkualiti dan kompeten bagi memenuhi permintaan domestik dan antarabangsa. |

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)** | | |
| Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) | *Marii Unlimited* (CAE) | Inisiatif *MARii Unlimited* membenarkan pengeluar peralatan asal (OEM) domestik dan pengeluar komponen mengakses perisian Kejuruteraan Berbantukan-Komputer dan penyelesai menerusi skim penyewaan yang belum pernah terjadi sebelumnya. |
| Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) | Program Usahasama Strategik antara Syarikat Besar dan Syarikat Halal Tempatan | Meningkatkan daya saing (iaitu kualiti produk atau perkhidmatan) menerusi perkongsian pengetahuan (pementoran). |

## AKSES PASARAN

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| SME Corp. Malaysia | • Program *Micro Connector* (ConnectME)<br>• Program Pengusaha Mikro Digital (DigitalME) | Mempromosikan aplikasi digital dalam perniagaan kepada perusahaan mikro. |
| Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan (BPES) | Program Peningkatan Prestasi / Keupayaan dan Daya Saing PKS (PKPKS) | Program pembangunan usahawan menerusi pembangunan modal insan, peningkatan kapasiti produk, akses pasaran, inovasi / teknologi, bantuan dan sokongan lain. Program ini bertujuan untuk menghasilkan usahawan yang berdaya saing bagi mewujudkan dan mengembangkan industri PKS. |
| **KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)** | | |
| Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) | Zon Perdagangan Bebas Digital | Memacu perdagangan rentas sempadan menerusi digitalisasi dan untuk memudahkan akses PKS tempatan kepada peluang yang besar dalam pasaran global e-dagang. |
| **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)** | | |
| Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia (HANDICRAFT) | E- Kraf Bazar | Mempromosi dan memasarkan produk kraf tempatan menerusi platform dalam talian. |
| | Program Pemasaran Kraf | Meningkatkan jualan kraf di pasaran domestik dan antarabangsa. |

## INFRASTRUKTUR

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)** | | |
| Business Licensing Electronic Support System (BLESS) | Pembangunan dan Penyelenggaraan *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) | Menyediakan perkhidmatan bagi memproses permohonan lesen secara dalam talian. |
| **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)** | | |
| KPLB | *Rural Business Outlet* (RBO@KPLB) | • Menyediakan platform penjualan kekal kepada usahawan terpilih;<br>• Mempromosi produk usahawan desa secara nasional;<br>• Membantu usahawan untuk membangunkan syarikat dan meningkatkan hasil jualan produk usahawan desa;<br>• Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan secara tidak langsung dengan peningkatan pengeluaran produk;<br>• Membantu usahawan dalam mengenal pasti potensi produk mereka dengan bimbingan lebih lanjut daripada program; dan<br>• Membantu meningkatkan pendapatan usahawan desa. |
| Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) | Pembangunan Usahawan Inap Desa KETENGAH | • Mencipta peluang pekerjaan; dan<br>• Menambah baik pendapatan peserta. |
| Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) | Pembangunan Premis Ekonomi Luar Bandar | Pembinaan premis perniagaan untuk membantu pengusaha luar bandar mengembangkan perniagaan mereka. |

| PELAKSANA / AGENSI | NAMA PROGRAM | OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI |
|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI, TERMINAL PERINDUSTRIAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN (MINTRED)** | | |
| MINTRED | Demak Laut Industrial Park Phase 2B Stage 2 (sambungan) - Pembangunan Kawasan Perindustrian | • Menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik menerusi pembangunan kawasan perindustrian yang wajar;<br>• Mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk transformasi komuniti perniagaan tempatan secara berperingkat; dan<br>• Menggalakkan pertumbuhan PKS yang lebih teratur serta mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi. |

# Lampiran 2
## Glosari Singkatan

### ORGANISASI / PERSATUAN / INSTITUSI

| NAMA | AKRONIM |
|---|---|
| Agensi Inovasi Malaysia | AIM |
| Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit | AKPK |
| Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun | JICA |
| Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya | CENDANA |
| Amanah Ikhtiar Malaysia | AIM |
| ASEAN Japan Centre | AJC |
| Bank Islam Malaysia Berhad | BIMB |
| Bank Negara Malaysia | BNM |
| Bank Simpanan Nasional | BSN |
| Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad | CGC |
| Institut Akauntan Malaysia | MIA |
| Institut Keusahawanan Negara | INSKEN |
| Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia | MARDI |
| Institut Penyelidikan CIMB ASEAN | CARI |
| Institut für Mittelstandsforschung | IFM |
| Iskandar Regional Development Authority | IRDA |
| Jabatan Perangkaan Malaysia | DOSM |
| Jawatankuasa Daya Saing dan Pemudahan Perniagaan | CBF |
| Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana | ACCMSME |
| Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi | MEDAC |
| Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri | MITI |
| Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak | MINTRED |
| Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi | MOSTI |
| Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik | APEC |
| Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana | SMEWG |

| NAMA | AKRONIM |
|---|---|
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | KWSP |
| Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia | MIDA |
| Majlis Agama Islam Negeri | SRIC |
| Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan | MAIWP |
| Majlis Amanah Rakyat | MARA |
| Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan | MPPK |
| Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan | MPUPK |
| Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN | ASEAN BAC |
| Majlis Perbandaran Kuantan | MPK |
| Organisation for Economic Co-operation and Development | OECD |
| Pembangunan Sumber Manusia Berhad | PSMB |
| Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia | MDEC |
| Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia | MATRADE |
| Perbadanan Produktiviti Malaysia | MPC |
| Perbadanan Usahawan Nasional Berhad | PUNB |
| Persatuan Negara-negara Asia Tenggara | ASEAN |
| Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu | UNCTAD |
| Pertubuhan Keselamatan Sosial | PERKESO |
| Pertubuhan Perdagangan Dunia | WTO |
| Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia | MSIC |
| Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia | MaGIC |
| Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan | CEDAR |
| Sabah Economic Development and Investment Authority | SEDIA |
| SME Corporation Malaysia | SME Corp. Malaysia |
| Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | SKMM |
| Suruhanjaya Sekuriti Malaysia | SC |
| Suruhanjaya Syarikat Malaysia | SSM |
| Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan | SJPP |
| Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia | MAMPU |
| Unit Penyelarasan Pelaksanaan | UPP |
| Yayasan Inovasi Malaysia | YIM |

## DANA

| NAMA | AKRONIM |
|---|---|
| Geran Prihatin Usahawan Perak | GERUP |
| Kemudahan Agromakanan | AF |
| Kemudahan Automasi dan Digital | ADF |
| Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar | TRRF |
| Kemudahan Bantuan Khas | SRF |
